



**RISALAH
ALAM & ANA**

© PERSATUAN KEBUDAYAAN MALAYSIA TURKI
MALAYSIA TURKIYE CULTURAL ASSOCIATION (MTCA)

TAJUK	RISALAH ALAM & ANA
ISBN	978-967-11140-4-9
KARANGAN	BADIUZZAMAN SAID NURSI
PENTERJEMAH	ROSSENI DIN ANWAR FAKHRI OMAR
SENARAI PENYUNTING	KHARIUL ANUAR MOHD. NAYAN BUKHARI LUBIS
CETAKAN PERTAMA	2023

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan, menyimpan atau menyebarkan mana-mana bahagian isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada pemegang hak cipta.

Alamat surat menyurat di Malaysia: No: A-8-4, Idaman Putera
Condominium, Jalan Jernai, 53100 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur,
Malaysia

Tel : 0122769944 (Emre Yasar) **E-mail :** emreyasar@yahoo.com
0176626110 (Ali Aydogan) aydogan6366@gmail.com

Alamat Cetakan di Malaysia: Kencana Sdn. Bhd. No.7, Jalan
Lengkanon Brunei, Jalan Pudu, 55100. Kuala Lumpur, Malaysia.

DARIPADA KOLEKSI RISALAH AN-NUR

RISALAH ALAM & ANA




Badiuzzaman Said Nursi



Penterjemah

Rosseni Din
Anwar Fakhri Omar



Kandungan Buku

KATA PENGANTAR.....	8
RIWAYAT HIDUP RINGKAS SAID NURSI.....	9
KEMUNCULAN RISALAH AN-NUR.....	11
RISALAH ALAM (Tentang Alam).....	15
Peringatan: Penjelasan tentang intipati ideologi para naturalis.....	15
Pendahuluan.....	18
Cara Pertama: Ucapan “Sebab-sebab tertentu penciptaan sesuatu kejadian.”.....	19
Kemustahilan Pertama: Ubat yang ada di farmasi sebagai hasil dari proses kebetulan.....	19
Kemustahilan Kedua: Sebab-sebab alam yang berbeza berkumpul dengan sendirinya secara sangat teratur.....	22
Kemustahilan Ketiga: Entiti alam dinisbahkan kepada sebab-sebab Materi.....	23
Cara Kedua: Ucapan “Sesuatu itu terbentuk dengan sendirinya	

kemudian ia lenyap.”.....	24
Kemustahilan Pertama: Setiap zarah mesti mempunyai mata yang luas, yang dapat melihat semua bahagian badan anda.....	24
Kemustahilan Kedua: Setiap partikel harus berkuasa sekaligus dikuasai.....	26
Kemustahilan Ketiga: Mesti terdapat acuan semulajadi sebanyak ribuan binaan yang berfungsi secara tetap pada badan anda.....	27
Cara Ketiga: Ucapan “Satu kejadian alam yang mengharuskan terjadi dan terciptanya sesuatu secara semula jadi”.....	29
Kemustahilan Pertama: Alam semula jadi mesti meletakkan acuan tak terhingga dalam segala-galanya	29
Kemustahilan Kedua: Alam semula jadi mesti membawa bilangan kilang yang tidak terhingga ke segenggam tanah.....	30
Kemustahilan Ketiga: (Dua Contoh).....	35
Contoh Pertama: Orang kampung masuk istana.....	36
Contoh Kedua: Orang primitif masuk ke berek tentara atau masjid.....	38
Kesimpulan.....	40
Penutup	
Pertanyaan Pertama: <i>Apa yang Allah perlukan dari ibadah kita?....</i>	48
Pertanyaan Kedua: <i>Di manakah rahsia kebijaksanaan dari kemudahan penciptaan?.....</i>	51
Pertanyaan Ketiga: <i>Apakah yang dimaksudkan dengan kenyataan ahli falsafah “Semuanya tidak datang daripada tiada”?.....</i>	56
RISALAH ANA (Ego Manusia) & ZARAH.....	61
Tujuan Pertama: Zat Ego.....	61
Mukadimah.....	63
Sisi Ego Yang Pertama:.....	80

KANDUNGAN BUKU 7

Sisi Ego Yang Kedua:.....	81
Tiga Jalan Pada Penutup Surah al-Fatihah.....	89
Tujuan Kedua: Transformasi Partikel.....	96
Mukadimah.....	97
Noktah Pertama (mengandung dua perbahasan).....	100
Perbahasan Pertama: Pergerakan Zarah Sebagai Petunjuk Tauhid.....	100
Perbahasan Kedua: Tugas dan Hikmah daripada Pergerakan Zarah.....	104
Hikmah Pertama: Pembaharuan Manifestasi Penciptaan.....	105
Hikmah Kedua: Memperlihatkan Mukjizat Kekuasaan.....	106
Hikmah Ketiga: Mempersembahkan Makna Manifestasi.....	106
Hikmah Keempat: Persediaan untuk Alam Lain.....	107
Hikmah Kelima: Memaparkan pelbagai Kesempurnaan Ilahi.....	109
Noktah Kedua: Kesaksian Partikel akan Keberadaan dan Keesaan Allah.....	110
Noktah Ketiga: Memberi kehidupan dan makna kepada zarah ..	115
Dengan Apakah Bentuk Kebijaksanaan dalam Pergerakan Zarah Boleh Diketahui?	
1. Dengan Kebijaksanaan Yang Maha Bijaksana	116
2. Zarah Didorong ke Tahap Kesempurnaan.....	117
3. Zarah mendapat kedudukan mulia mengikut tugasnya.....	117
Kesimpulan: Tujuh Hukum Ilahi.....	118

KATA PENGANTAR

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Buku Terbahasan tentang Alam dan ‘Ana’ (Aku) ini merupakan salah satu buku yang dinukilkan dari gugusan karangan oleh seorang tokoh terkenal dari Republik Turki. Beliau adalah Badiuzzaman Said Nursi. Buku hasil karangan beliau ini cukup berwibawa dan sesuai untuk ditatapi oleh segenap lapisan masyarakat khususnya golongan cendekiawan. Buku ini sedikit sebanyak telah menggambarkan pemikiran beliau yang melangkaui zamannya. Buku ini merupakan antara buku yang begitu kritis dalam membahaskan kunci persoalan ‘ana’ sekiranya pembaca ingin menerokai khazanah keilmuan Islam dari sudut falsafah dan pemikiran baru. Buku ini merupakan satu wahana untuk pembaca menemuinya.

Saya rakamkan rasa bangga saya ke atas hasil terjemahan kitab besar ini ke dalam Bahasa Malaysia, justeru ia merupakan penyebaran maklumat secara lebih telus dan ini merupakan satu lowongan yang perlu digapai oleh segenap lapisan masyarakat Melayu, khususnya. Umat Melayu kini tidak seharusnya merasa kerdil dalam menimba ilmu lantaran telah ramai pakar penterjemah yang telah mencurahkan jerihnya agar umat Melayu diwarnai dengan citra keilmuan. Salam hormat dari saya.

DATO’ HAJI ALWI BIN MUHAMAD
Pengarah Yayasan Islam Terengganu

RIWAYAT HIDUP RINGKAS BADIUZZAMAN SAID NURSI

Badiuzzaman Said Nursi dilahirkan pada tahun 1877 di sebuah kampung yang bernama Nurs, terletak di Timur Anatolia, Turki. Perkataan Nursi diambil bersempena dengan nama kampungnya ini. Beliau menerima pendidikan awal dalam pelbagai bidang ilmu agama dan sains daripada beberapa orang ulama terkenal di sekitar daerahnya dan di beberapa daerah lain di Turki. Ketika masih muda, beliau telah menunjukkan kepandaian dan kemahiran yang luar biasa dalam pelajarannya. Hal ini membuatkan beliau terkenal bukan sahaja dalam kalangan guru-guru dan rakan-rakannya bahkan juga dalam kalangan orang ramai. Dalam masa yang singkat, beliau mampu mendalami ilmu tafsir, hadis, fiqh, mantik dan sains moden. Beliau juga berjaya menghafal lebih kurang 90 jilid kitab-kitab yang muktabar. Sewaktu berusia 16 tahun, beliau telah mengalahkan beberapa orang ulama terkemuka yang telah menjemputnya ke beberapa majlis perbahasan. Pada ketika itu, perbahasan merupakan suatu amalan biasa dalam kalangan para ulama. Seorang ulama terkemuka ketika itu kemudian menggelarnya “Badiuzzaman” atau “Keunggulan Zaman” setelah beliau berjaya mengalahkan beberapa orang ulama lain dalam perbahasan ketika beliau masih berumur 16 tahun.

Pengalaman beliau dalam pelbagai bidang pendidikan yang dilalui telah mengubah fikirannya untuk memikirkan

cara untuk menghasilkan sistem pendidikan yang bersepadu. Ketika itu, dunia sedang memasuki satu zaman baharu yang membawa angin perubahan di mana ilmu sains dan ilmu mantik memainkan peranan penting dalam kehidupan seharian. Beliau berpendapat bahawa ilmu agama perlu diajar di sekolah-sekolah moden, dan sebaliknya ilmu sains moden perlu diajar di sekolah-sekolah agama. Pada pendapat beliau, "*Dengan cara ini, para pelajar di sekolah moden dapat dilindungi daripada kekufuran dan para pelajar di sekolah agama dapat dilindungi daripada sikap taasub*". Dalam usaha merealisasikan cita-cita beliau dan impiannya untuk mendirikan sebuah universiti di Anatolia Timur, beliau telah pergi ke Istanbul sebanyak dua kali. Kali pertama beliau pergi ke Istanbul, beliau bertemu dengan Sultan Abdul Hamid dan pada kali kedua pula, beliau bertemu dengan Sultan Muhammad Resyad. Badiuzzaman telah dilantik sebagai wakil bagi Timur Turki untuk mengiringi Sultan Muhammad Resyad melawat beberapa daerah di wilayah Balkan. Ketika berada di Kosovo, sebuah tempat di mana sultan bercadang untuk membina sebuah universiti di situ, beliau telah berkata kepada sultan, "*Kawasan Timur lebih memerlukan sebuah universiti kerana ia merupakan pusat dunia Islam*" dan telah berjaya meyakinkan Sultan Muhammad Resyad. Malangnya, pembinaan universiti tersebut tidak dapat disiapkan kerana tercetusnya Perang Dunia Pertama beberapa tahun kemudian.

Semasa tercetusnya Perang Dunia Pertama, Badiuzzaman telah dilantik sebagai komander pasukan sukarelawan di medan perang Kaukasia dan Anatolia Timur. Di medan perang inilah beliau telah menulis tafsirnya yang bertajuk

“Isyaratul I’jaz” dalam bahasa Arab. Beberapa bahagian daripada tafsir ini ditulis ketika beliau menunggang kuda di barisan hadapan dan di dalam kubu-kubu pertahanan di medan perang. Tafsir ini kemudian mendapat penghargaan daripada para ulama terkenal di Turki dan Kaherah.

Pada tahun 1911, Badiuzzaman telah dijemput ke Damsyik untuk menyampaikan khutbah di Masjid Umayyad. Para jemaah yang hadir ketika beliau menyampaikan khutbah itu termasuklah seratus orang ulama yang terkenal. Dalam khutbahnya, beliau telah menyebut bahawa tamadun sebenar umat Islam akan ditegak atau direalisasikan pada era dunia moden.

KEMUNCULAN RISALAH AN-NUR

Sepatutnya penyebaran iman bukanlah sesuatu yang perlu dibimbangkan. Berdakwah juga bukanlah satu jenayah yang melayakkan nyawa seseorang diancam. Namun begitu, hal ini dianggap satu jenayah ketika itu di mana kezaliman pihak berkuasa menyelubungi negara Turki dengan dahsyatnya. Azan telah diharamkan. Beratus-ratus masjid telah digunakan untuk tujuan bukan keagamaan. Perancangan telah dijalankan untuk memutuskan negara Turki daripada zaman silamnya yang terkenal dengan segala nilai-nilai akhlakunya yang mulia. Pada ketika itu, sesiapa yang ingin bercakap mengenai agama, mereka memerlukan keberanian yang tinggi.

Dalam suasana beginilah Badiuzzaman Said Nursi memasuki bahagian kedua hidupnya yang digelarnya “Said

Jadid” (Said Baharu). Bahagian kedua dalam hidupnya ini ditumpukan sepenuhnya kepada penulisan dan penyebaran Risalah an-Nur mengenai iman dan Islam. Baginya, kebenaran iman adalah kebenaran sejagat yang paling penting. Membangkitkan semula iman dan Islam menjadi matlamatnya apabila beliau berkata, “Saya akan buktikan kepada dunia bahawa al-Quran ialah matahari rohani yang tidak akan luntur dan tidak akan padam.” Maka itulah yang diperjuangkannya.

Ketika itu, penulisan atau penyebaran karya agama bukanlah sesuatu yang mudah yang mana sesiapa pun tidak berani melakukannya. Inilah perjuangan berani yang berterusan yang menjadi pilihan Badiuzzaman dan para pelajarnya.

Mereka yang telah memahami intipati iman melalui Risalah an-Nur dapat mencapai tahap keimanan yang kental sehingga mampu menunjukkan keberanian dan keperwiraan Islam yang hebat. Badiuzzaman, yang mewakili roh perjuangan Risalah an-Nur sendiri telah menjadi pemimpin bagi ratusan ribu pelajar dan kini telah mencapai jutaan pelajar yang menghayati karya tersebut. Beliau telah menjadi contoh kepada umat Islam di Turki ketika itu. Beliaulah penyokong mereka pada hari-hari yang penuh bahaya, seumpama seorang ketua tentera yang memberi galakan kepada tenteranya melalui keberanian dan kewibawaannya sendiri. Dengan ini, mereka telah berjaya menghilangkan ketakutan dari hati orang ramai dan sehingga kini, maruah negara telah dapat dikembalikan.

Beliau terus menulis dan menyebarkan Risalah an-Nur. Oleh sebab beliau dan para pengikutnya tidak diberi kebebasan, mereka telah menubuhkan rangkaian pengirim Risalah an-Nur yang dinamakan “Posmen Nur” (Nurcu). Hasilnya, mereka telah berjaya menyebarkan sebanyak 600,000 naskhah Risalah an-Nur yang bertulisan tangan ke seluruh Anatolia. Mengandungi lebih daripada 130 risalah atau bahagian.

Beliau juga telah berjaya menghasilkan karya-karya baharu walaupun kertas dan pena tidak dibenarkan dibawa masuk ke dalam penjara. Beberapa karyanya ditulis di atas cebisan-cebisan kertas yang dikoyak daripada apa sahaja barangan yang ada. Karyanya kemudian diseludup keluar di dalam kotak-kotak mancis. Sebahagian daripada karyanya yang berjudul “Meyve Risalesi (Buah-buah Keimanan)” telah ditulis dengan cara ini.

Beliau telah diracun sebanyak 19 kali. Ketika beliau menderita kesakitan akibat diracun, beberapa orang pelajarannya memberanikan diri untuk menolongnya tetapi telah ditangkap dan diseksa dengan kejam sekali. Beliau juga telah dibuang dari daerah ke daerah dan dipenjarakan hampir separuh daripada hayatnya.

Akhirnya, pada tahun 1956, Mahkamah Agung di Afyon telah mengisytiharkan beliau dan murid-muridnya tidak bersalah.

Selepas hampir seabad berkhidmat untuk iman dan Islam, Badiuzzaman Said Nursi kembali ke rahmatullah pada waktu pagi 23 Mac 1960. Beliau telah kembali ke

rahmatullah dengan penuh kemuliaan dan kemenangan.

Risalah an-Nur adalah koleksi karya yang memberi keutamaan kepada asas keimanan, berasaskan kebenaran al-Quran dan Hadis kepada manusia yang disesuaikan dengan kehidupan zaman ini. Metodologi yang digunakannya adalah dengan menganalisis keimanan dan kekufuran serta menunjukkan melalui hujah-hujah yang rasional dan terang bahawa bukan sahaja keimanan boleh dibuktikan, kesemua kebenaran yang terkandung dalam keimanan seperti kewujudan Allah SWT dan keesaan-Nya, kerasulan dan kebangkitan manusia pada hari akhirat dalam bentuk jasad juga dapat dibuktikan dengan jelas.

Dalam menjelaskan keadaan yang sebenarnya dari tujuan utama penciptaan manusia dan alam semesta ini, Risalah an-Nur menunjukkan bahawa kebahagiaan dunia dan akhirat hanyalah boleh diperolehi dalam keimanan dan ilmu agama yang benar. Ia juga menunjukkan kekufuran, menyebabkan roh manusia dan hatinya mengalami kesakitan dan kesedihan yang amat sangat, menyebabkan orang-orang yang sesat berusaha untuk menghilangkannya melalui cara-cara yang melalaikan dengan menolak kenyataan.

Akhirnya, perkara yang perlu kita lakukan adalah menggembelng semua tenaga untuk membangunkan ajaran Islam melalui asas keimanan dan menjawab persoalan-persoalan keimanan ini pada tahap yang diperlukan dengan jihad yang maknawi.

KERDIPAN KE-30

RISALAH ALAM

[Risalah ini merupakan Catatan Ke-16 daripada Kerdipan Ke-17 tetapi oleh kerana risalah ini mempunyai kedudukan yang sangat penting, maka risalah ini diletakkan pada Kerdipan Ke-23. Risalah ini membidas segala gelombang kekufuran yang bersumberkan pemahaman manusia terhadap alam daripada kaca mata ateisme sekaligus menghancurkan akar umbi kekufuran.]

PERINGATAN

Perbahasan ini menjelaskan sembilan “kemustahilan” yang mengandungi sekurang-kurangnya 90 “kemustahilan” tentang ideologi para naturalis ateis yang tidak praktikal, menyimpang daripada kelaziman, dan merupakan satu khurafat. Untuk meringkaskan perbincangan di sini dan oleh sebab sebahagian daripada kemustahilan ini sudah pernah dijelaskan dalam bahagian lain dalam Risalah an-Nur, maka beberapa langkah dalam penjelasan itu dilangkau atau dipaparkan secara ringkas. Satu pertanyaan yang sering bermain di kepala ialah: Mengapakah para ahli falsafah dan sarjana ternama boleh menerima begitu saja perkara-perkara khurafat yang merupakan pembohongan dan terus-menerus menerimanya sebegitu?

Jawapannya adalah kerana mereka tidak nampak akan hakikat sebenarnya. Aku bersedia memberikan penjelasan secara terperinci serta memberikan bukti kukuh dan

memaparkan beberapa dalil yang sangat jelas untuk menegaskan perkara itu kepada mereka yang masih ragu akan kemustahilan ideologi¹ yang dipegang oleh mereka.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
قَالَتْ رَسُولُهُمْ أَفَى اللَّهِ شَكُّ فَاطِرِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ

Terjemahannya: *Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah, Lagi Maha Penyayang. “Rasul-rasul mereka berkata, adakah keraguan terhadap Allah, Pencipta langit dan bumi?”*(Ibrahim 14:10)

Ayat al-Quran berserta dengan pertanyaan yang bersifat penolakan seperti ayat di atas secara tegas dan jelas menunjukkan kewujudan dan keesaan Allah S.W.T.

Catatan Sebelum Perbincangan

Pada tahun 1338 Hijrah (1922 M) aku mengunjungi kota Ankara. Aku menyaksikan bagaimana kaum mukmin berasa senang dan gembira atas kemenangan pasukan Islam melawan Greece (Yunani). Namun, di tengah-tengah kegembiraan tersebut, aku melihat pengaruh fikiran ateisme

1. Sebab yang paling utama mengapa risalah ini ditulis adalah kerana aku berasa adanya serangan yang sangat kuat terhadap al-Quran dan hakikat keimanan, perkaitan antara faham ateisme dan naturalisme, serta amalan khurafat dalam setiap hal yang tidak difahami oleh akal mereka yang terbatas dan pemikiran mereka yang sudah rosak. Serangan tersebut tentu sahaja menimbulkan kemarahan dalam kalbuku sehingga menyebabkan orang-orang ateis yang rosak fikirannya itu serta mereka yang memesongkan kebenaran menerima amaran dan tamparan keras. Jika tidak disebabkan itu, biasanya Risālat al-Nūr mempergunakan ungkapan dan frasa yang lemah lembut, sopan dan ayat yang memujuk.

mula menyusup masuk dengan racun dan tipu dayanya yang merusakkan minda. “*Ya Allah*”, aku berkata “*Raksasa ini akan menghancurkan asas keimanan.*” Pada waktu itu, oleh sebab ayat di atas telah secara jelas membuktikan kewujudan dan keesaan Allah SWT, aku terus memohon pertolongan Allah SWT lalu aku pun menulis sebuah risalah dalam Bahasa Arab yang mengandungi bukti kukuh daripada ayat-ayat di atas daripada al-Quran yang Bijaksana. Aku menulis suatu dakwaan yang kuat dan tajam yang dapat menghentikan arus ateisme tersebut. Risalah tersebut dicetak oleh Penerbit Yeni Gun di Ankara namun sayangnya, orang yang tahu tentang Bahasa Arab sangat sedikit dan yang mengambil perkara ini secara bersungguh-sungguh amat jarang sekali. Tambahan pula, dakwaanku sangatlah ringkas dan dalam bentuk yang singkat. Penjelasan dan hujahku yang sangat kuat itu tidak berhasil melawan fahaman ateisme, justeru risalah itu tidak memberikan kesan seperti yang sepatutnya dan sungguh menyedihkan, arus ateisme semakin deras dan terus memperoleh kekuatan. Pada masa ini, aku terpanggil untuk menulis risalah itu dalam bahasa Turki. Oleh sebab sebahagian besarnya telah ditulis dalam risalah lain daripada himpunan Risalah an-Nur, aku akan menulisnya dalam bentuk ringkasan sahaja di sini. Sebahagian bukti daripada perbincangan yang terdapat dalam risalah lain semuanya akan dijelaskan secara keseluruhan di sini; seolah-olah setiap bukti tersebut merupakan bahagian daripada risalah ini.

PENDAHULUAN

Wahai manusia! Ketahuilah bahawa terdapat beberapa ungkapan yang sering digunakan yang di dalamnya terkandung kesan ke arah kekufuran. Golongan mereka yang beriman turut menggunakan ungkapan-ungkapan tersebut tanpa sedar akan implikasinya. Kami akan menjelaskan tiga daripada ungkapan yang paling berbahaya itu seperti berikut:

Pertama : *“Sebab musabab yang mencipta kejadian ini.”*

Kedua : *“Sesuatu itu terbentuk dengan sendirinya kemudian ia lenyap.”*

Ketiga : *“Ia adalah tabii; Kejadiannya dan penciptaannya adalah secara semula jadi (tabii)”*

Ya, selama segala makhluk wujud dan tidak dapat dinafikan, dan kewujudannya terjadi dengan penuh hikmah dan kesenian, tidak terkeluar daripada lingkungan masa dan sentiasa diperbaharui, maka yang demikian wahai orang yang menolak kebenaran, kamu pasti akan mengatakan bahawa, makhluk di dalam dunia ini ujud atas sebab-musabab yang berlaku dalam alam. Maksudnya seperti haiwan ini; adakah ia tercipta atas penyatuan beberapa sebab, atau ia membentuk dirinya sendiri, atau bahawa kewujudannya adalah keperluan dan kesan alam semula jadi yang diperlukannya, atau bahawa ia dicipta melalui kekuasaan Dia Yang Maha Berkuasa dan Maha Agung.

Oleh kerana akal tidak dapat mencari jalan selain dari jalan keempat-empat ini, jika tiga yang pertama pasti terbukti mustahil, tidak sah dan tidak masuk akal, maka cara yang berlandaskan Keesaan Ilahi, yang merupakan cara keempat, semestinya dan jelas, tanpa keraguan atau syak adalah dibuktikan benar.

CARA PERTAMA

Ini untuk membayangkan bahawa pembentukan dan kewujudan sesuatu, makhluk, berlaku melalui penyatuan sebab-sebab di alam semesta. Kami akan menyebut hanya tiga daripada banyak kemustahilannya.

Kemustahilan Pertama:

Katakan ada sebuah farmasi yang memiliki beratus-ratus botol dan bekas kecil berisi pelbagai bahan kimia. Oleh kerana sesuatu sebab tertentu, satu ramuan kehidupan dan penawar untuk mengubati demam diperlukan. Apabila kita masuk ke dalam farmasi tersebut, kita terjumpa dengan banyak sekali ramuan dan penawar untuk mengubati demam, tersusun daripada bahan yang pelbagai. Kita menganalisis setiap ramuan dan mendapati campuran setiap ramuan itu telah ditentukan daripada pelbagai bahan tetapi dengan sukatan yang tepat dari botol dan bekas kecil berisi bahan kimia, satu gram bahan ini, kemudian tiga gram bahan itu, tujuh gram bahan yang lain, dan seterusnya. Jika setiap sukatan ramuan yang diambil tadi melebihi satu gram atau berkurang sedikit, ramuan tersebut tidak akan menjadi satu ramuan atau tidak dapat menjadi sesuatu yang istimewa. Sekarang, kita lihat pula penawar untuk mengubati demam.

Sekali lagi jika diteliti, ramuan yang diambil dari botol dengan sukatan tertentu yang tepat sehingga sekiranya terlebih ramuan diambil tadi atau berkurang dengan sukatan yang sangat kecil sekalipun khasiatnya yang tertentu akan hilang.

Sekarang, walaupun botol-botol yang ada melebihi lima puluh, namun bahan yang beraneka macam itu dihasilkan dengan gabungan ramuan yang berbeza sesuai dengan sukatanya yang tertentu. Jika demikian, mungkinkah gabungan ramuan atau bahan kimia yang unsur-unsurnya digabungkan secara tepat itu terbentuk secara kebetulan? Adakah mungkin kesemuanya terbentuk apabila botol-botol bertembung antara satu sama lain akibat angin ribut taufan yang melanda farmasi tersebut sehingga setiap bahan kimia tadi mengalir dengan sukatan tertentu dan saling bergabung, membentuk ramuan berkhasiat? Adakah sesuatu yang lebih khurafat, lebih mustahil dan lebih tidak munasabah daripada ini? Jika seekor keldai yang boleh bercakap berada di sini kaldai pun akan berkata, “Aku tidak boleh menerima idea ini!” dan akan berlalu pergi!

Begitulah juga setiap sesuatu yang bernyawa boleh diumpamakan ramuan kehidupan dalam perbandingan tadi. Setiap tumbuhan pula boleh diumpamakan penawar demam kerana tumbuhan tersusun daripada unsur berbeza dan daripada bahan yang beraneka macam sesuai dengan sukatan campurannya yang sangat tepat. Oleh itu, penyamaan penciptaan makhluk bernyawa yang sangat indah itu kepada sebab dan unsur atau penyebab tertentu yang mengatakan kewujudannya disebabkan oleh

gabungan penyebab itu adalah tidak benar, mustahil, dan sangat tidak munasabah. Perkara ini sama tidak munasabah apabila dikatakan campuran ramuan penawar penyakit itu terbentuk sendiri setelah tercampurnya bahan-bahan kimia dari botol yang bertembung antara satu sama lain secara kebetulan akibat ribut taufan.

Kesimpulannya: Bahan-bahan utama dalam farmasi berupa alam yang luas ini, yang diperoleh daripada sukatan timbangan qada dan qadar yang dimiliki Allah Yang Maha Bijaksana dan Maha Mengetahui yang terdapat di alam, hanya boleh wujud melalui kebijaksanaan dan pengetahuan yang tidak terkira jumlahnya serta dengan kehendak-Nya yang mencakupi segala sesuatu.

Oleh yang demikian, malang sungguh bagi orang yang menyangka bahawa mereka ialah produk alam yang terjadi secara semula jadi daripada gabungan benda yang bergerak dalam keadaan buta dan tuli; atau ia termasuk sesuatu yang bersifat fitrah, atau ia terwujud akibat ciptaan dan gabungan bahan tertentu yang mengalir seperti air banjir. Mereka yang beranggapan seperti itu merupakan orang yang paling malang dan tidak waras seperti orang gila yang berfikir bahawa campuran ubat penawar yang mujarab itu terbentuk dengan sendirinya akibat botol-botol yang bertembung yang kemudian mengalirkan isinya ke dalam ruangan satu dengan yang lain. Ya, penafian dan kekufuran tersebut merupakan sesuatu yang tidak munasabah dan tidak berhas.

Kemustahilan Kedua:

Jika penciptaan segala sesuatu itu tidak disandarkan

kepada Allah Yang Maha Berkuasa, Maha Agung dan Yang Maha Esa tetapi disandarkan kepada penyebab-penyebab tertentu, maka itu memerlukan sebahagian besar unsur yang ada di alam semesta ini bertindak antara satu dengan yang lain untuk memberikan pengaruh terhadap kewujudan seluruh makhluk hidup. Padahal, penyebab-penyebab yang berbeza dan bertentangan yang dikatakan penyebab bagi kejadian itu tidak begitu kerana kesemuanya berbeza tetapi tersusun secara sangat teratur dengan sukatan yang sangat tepat seperti organ-organ dalam anggota fizikal makhluk yang kecil seperti lalat. Orang yang mempunyai akal sebesar saiz sayap lalat sekalipun akan menolak pendapat bahawa penyebab-penyebab segala kejadian itu bertembung lalu menjadi makhluk seperti kejadiannya itu lalu mereka akan berkata, “Ini mustahil, tidak benar, dan tidak mungkin!”

Alasan mereka ialah, jasad lalat yang kecil itu mempunyai hubungan dengan sebahagian besar unsur alam dan penyebab segala kejadian bahkan jasad lalat merupakan sebahagian daripada alam itu. Jika penciptaannya tidak disandarkan kepada kekuasaan Ilahi yang bersifat mutlak, semua penyebab daripada alam semula jadi harus hadir dan berada secara langsung berdekatan dengan kejadian anggota lalat kecil tersebut ketika lalat tercipta. Bahkan semua penyebab harus masuk ke dalam jasad lalat dan masuk ke dalam sel mata. Ini kerana, jika sebab-sebab tersebut berupa bahan, maka penyebab itu harus berada dekat dan masuk ke dalam benda yang ingin dimasukinya. Akibatnya, semua unsur di seluruh bahagian alam semesta dengan sifatnya yang berbeza-beza harus boleh diterima masuk ke dalam entiti yang dikenal sebagai penyebab tadi, di samping harus

boleh bekerja di dalam sel yang sangat kecil dengan mahir dan terampil. Sarjana yang paling bodoh pun malu dengan penerangan ini!

Kemustahilan Ketiga:

Satu peraturan yang telah diterima pakai ialah “Jika sesuatu entiti itu ada penyatuan, ia hanya boleh dicipta oleh satu kejadian, daripada satu tangan.” Khususnya jika sesuatu mempamerkan kehidupan yang sempurna dalam keteraturan yang sempurna dan keseimbangan yang sensitif dan tepat, itu dengan sendirinya menunjukkan semuanya bukan terwujud dan berasal daripada banyak tangan yang boleh menyebabkan kecelaruan dan pertentangan. Sebaliknya, kejadian itu menunjukkan bahawa semua kejadian berasal daripada satu tangan yang Maha Berkuasa lagi Maha Bijaksana. Oleh itu, untuk meletakkan sesuatu yang mempunyai kesatuan yang teratur, selaras dan seimbang kepada penyebab-penyebab daripada alam semesta yang tuli, buta, tidak berperasaan, dan tidak berakal, kemudian menganggap penyebab-penyebab tersebut sebagai pencipta segala sesuatu yang mengagumkan, serta menjadikannya sebagai satu pilihan jawapan kepada persoalan kejadian segala sesuatu daripada pelbagai kemungkinan lain yang begitu banyak, bermaksud menerima seratus satu kemustahilan kerana semua itu sangat tidak munasabah.

Kita tinggalkan perbincangan tentang kemustahilan ini sebentar untuk melihat pengaruh penyebab-penyebab fizikal yang terjadi kerana adanya pertalian atau hubungan terus. Walau bagaimanapun, hubungan dengan penyebab

semula jadi adalah pada luarannya sahaja. Padahal, aspek dalamannya yang tidak tersentuh dan tidak boleh disentuh itu adalah jauh lebih teratur dan lebih selaras malah, penciptaannya lebih halus dan lebih sempurna. Lebih daripada itu, seluruh makhluk hidup yang kecil dan halus yang sama sekali tidak mungkin terjangkau oleh penyebab-penyebab kejadian yang disebutkan tadi, mempunyai pola penciptaan yang lebih menakjubkan daripada makhluk besar. Oleh yang demikian, tidak mungkin penciptaannya disandarkan kepada sebab-sebab alam semesta yang buta, tuli, tidak berakal, keras, dan saling bertentangan kecuali bagi orang yang sangat buta dan sangat tuli.

CARA KEDUA

Cara kedua ini adalah dengan menyatakan bahawa “*Segala sesuatu terbentuk dengan sendirinya.*” Cara ini berkaitan dengan banyak kemustahilan. Cara ini tidak dapat diterima akal dan tidak mungkin daripada pelbagai aspek. Kami akan menjelaskan tiga daripada contoh kemustahilan ini.

Kemustahilan Pertama:

Wahai orang yang ingkar dan keras kepala! Keangkuhanmu yang keterlaluan itu telah membuatkan kamu terjerumus ke dalam kebodohan yang melampau sehingga kamu tidak mahu menerima seratus satu kemustahilan yang jelas. Kamu memang makhluk yang wujud dan bukanlah unsur halus yang tidak bernyawa dan tidak berubah. Kamu itu seumpama mesin besar yang sangat teratur untuk melaksanakan sesuatu perubahan dan ibarat istana yang

tersergam megah dan sentiasa berubah. Atom-atom di dalam tubuhmu bekerja tanpa henti. Tubuhmu memiliki hubungan dengan alam semesta, khususnya terkait dengan rezeki dan cara menjaga kelangsungan hidup. Atom-atom yang bekerja di dalam tubuhmu senantiasa menjaga ikatan dan hubungan tadi agar tidak rosak dan tidak terputus. Dalam hal ini mereka sangat berhati-hati. Mereka bertindak selari dengan hubungan tersebut seolah-olah dapat melihat dan menyaksikan semua entiti yang ada agar mengawasi dirimu daripadanya. Kamu hanya perlu mengambil manfaat dan keuntungan sesuai dengan kedudukan atom-atom tersebut serta berasa nikmat dengan segenap perasaanmu baik lahir mahupun batin.

Jika kamu tidak percaya bahawa atom-atom di dalam tubuh badanmu itu merupakan kakitanganmu atau pegawaimu yang bergerak selari dengan peraturan Tuhan Yang Maha Berkuasa, atau tentera bersenjata dalam pasukan- Nya yang teratur, atau hujung pena kekuasaan Ilahi, atau tulisan pena kekuasaan Ilahi, maka ini bermaksud pada pandanganmu, setiap atom yang bekerja itu memiliki mata yang lebar hingga dapat melihat semua bahagian tubuhmu. Mata itu pada pandanganmu dapat menyaksikan segala entiti yang berkait dengannya, dapat mengetahui masa lalu dan masa depanmu, serta dapat mengenali asal usulmu, ayahmu, nenek moyangmu, serta keturunan cucu-cicitmu. Selain itu, pada pandanganmu mata lebar itu dapat mengetahui asal usul segala unsur yang membentuk dirimu dan mengetahui kekayaan segala rezekimu.

Penyamaan pengetahuan dan kebijaksanaan seribu orang

seperti Plato dengan sebiji atom dengan akal orang yang tidak memilikinya seperti dirimu adalah sesuatu yang tidak masuk akal dan khurafat serta kebodohan yang melampau!

Kemustahilan Kedua:

Wahai manusia! Dirimu bagaikan sebuah istana besar yang berkubah. Pada setiap kubahnya ada batu-batu yang saling melekat dan bersambung dalam sebuah bangunan tersusun rapi tanpa tiang. Bahkan tubuhmu beribu-ribu kali lebih menakjubkan dari istana tersebut. Ini adalah kerana, istana dalam bentuk anggota tubuhmu sentiasa diperbaharu dengan cara yang teratur dan indah serta sempurna. Jika kita menumpukan perhatian kita kepada roh, hati, dan pelbagai organ halus yang dibawanya sebagai suatu mukjizat tersendiri, seterusnya merenung dan memikirkan satu organ sahaja daripada banyak organ yang ada pada tubuh badan kita, maka kita akan mendapati organ-organ dan tubuh badan kita itu sama sahaja dengan rumah yang memiliki kubah-kubah. Atom-atom yang terdapat di dalamnya saling bekerjasama, saling berpautan dengan sangat teratur dan seimbang. Atom-atom itu seperti batu-batuan yang terdapat pada kubah-kubah istana itu. Mereka membentuk sebuah bangunan istimewa, ciptaan yang indah dan menakjubkan, serta memperlihatkan satu daripada mukjizat Tuhan yang mengagumkan, contohnya mata dan lisan.

Seandainya atom-atom tersebut bukan merupakan pegawai suruhan yang tunduk kepada perintah Tuhan Yang Maha Pencipta, pastilah setiap atom tersebut berkuasa penuh terhadap atom-atom lainnya yang terdapat pada

tubuh badan. Sekali gus atom-atom lain bertindak sebagai atom di bawah kuasanya. Kedua-dua pihak adalah sama antara satu dengan yang lainnya. Atom yang dominan dalam kedudukan yang bertentangan juga seharusnya mempunyai sifat-sifat mulia yang hanya dimiliki oleh Allah SWT, serta akan terikat dan bebas secara total dalam waktu yang sama. Sebuah ciptaan teratur dan terselaras yang pasti merupakan satu daripada tanda kekuasaan Zat Yang Maha Esa, maka mustahil bagi Dia Yang Maha Esa diumpamakan atom-atom yang banyak tidak terhingga itu. Pasti perkara ini hanya boleh difahami oleh mereka yang berakal.

Kemustahilan Ketiga:

Jika kewujudan kamu ini bukan tertulis dengan pena Zat Yang Maha Esa lagi Maha Berkuasa, yang wujud dari Azali, tetapi dibentuk oleh alam semula jadi; pastilah ada pencetak alam sebanyak ribuan atom yang tersusun dan bekerja di dalam anggota tubuhmu yang tidak terhitung jumlahnya, mulai dari sel yang paling kecil sampai cantumannya yang pelbagai yang tersusun dalam bentuk pusaran demi pusaran. Untuk memahami kemustahilan ini, ambil contoh sebuah buku. Jika menurutmu kandungan buku ini disalin dengan tangan, maka untuk menyalinnya cukup diperlukan satu pena saja yang digerakkan oleh pengetahuan penulisnya menggunakan sebatang pen itu sebanyak yang ingin dituliskannya. Tetapi, jika menurutmu kandungan buku tidak disalin dengan tangan dan bukan hasil tulisan pena penulis itu serta terbentuk dengan sendirinya melalui pembentukan semula jadi daripada tindakan alam semesta, ini bermaksud, bagi setiap huruf harus baginya memiliki pencetak atau

pena tersendiri. Jumlah pencetak atau pena yang perlu ada, harus sama dengan jumlah bilangan huruf yang ada.

Boleh jadi kadangkala satu halaman ditulis dengan satu huruf yang besar yang dalamnya terkandung huruf-huruf lain dengan tulisan kecil dalam satu halaman penuh. Untuk menulis huruf-huruf besar tersebut yang dalamnya ada huruf-huruf kecil, harus ada ribuan pencetak atau cop mata pena kecil. Sekarang bagaimanakah pandanganmu seandainya huruf-huruf tadi saling berbaur secara teratur dengan bentuk seperti tubuhmu? Tentulah setiap bahagian dari ruang masing-masing mempunyai pencetak sebanyak susunan tersebut yang tidak terhitung jumlahnya. Jika keadaan yang sangat mustahil ini kamu katakan mungkin, bermaksud untuk membuat kepingan mata-mata pena itu bagi memproses kerja cetakan dan huruf-hurufnya diperlukan pena, pencetak, dan huruf dengan jumlah yang sama untuk dituangkan ke dalam kepingan pencetak. Sebab, semuanya tercipta secara rapi, serta memerlukan adanya pencipta untuk membuat dan mengadakannya dan membuat seterusnya tanpa henti. Daripada huraian tersebut, kamu boleh memahami cacatnya pemikiran di atas, yang banyak mengandungi kemustahilan dan khurafat setara dengan jumlah atom yang ada di tubuhmu. Wahai pembangkang kewujudan Ilahi yang keras kepala! Malulah dan tinggalkan kesesatan ini!

CARA KETIGA

Penyataan yang bermaksud “alam menuntutnya, maka alam menjadi penyebab kejadiannya” banyak sekali

mengandung kemustahilan. Sekadar contoh, kami akan menyebutkan tiga sahaja daripadanya seperti yang berikut:

Kemustahilan Pertama:

Jika seni dan kreativiti yang berlandaskan pengetahuan dan kebijaksanaan seperti yang kelihatan pada seluruh entiti terutama pada makhluk hidup, tidak dikaitkan kejadiannya kepada pena ketentuan Ilahi dan kekuasaan-Nya yang bersifat mutlak; tetapi kejadiannya dikaitkan kepada ‘alam semula jadi’ dan ‘satu kuasa’ yang buta, tuli, dan tidak berfikir; ini bererti untuk menjadikan segala kejadian, alam semesta harus menyediakan pelbagai cap atau kepingan pencetak dengan jumlah yang tidak terbatas dalam pelbagai bentuk segala sesuatu. Malah dalam segala sesuatu itu terdapat kuasa yang mencipta seluruh alam serta kebijaksanaan yang mengatur semua urusan.

Penampilan matahari dan pantulan sinar serta kilau cahayanya dapat dilihat pada permukaan cebisan kaca serta titisan air yang ada di permukaan bumi ini. Jika pantulan dan cahaya tersebut tidak dikaitkan dengan matahari yang sebenar, bererti kita harus yakin wujudnya matahari alam yang kecil, yang memiliki sifat-sifat matahari dan benar-benar ada dalam potongan kaca tadi yang lebih kecil daripada kepala mancis api. Dan walaupun kecil pada saiz tetapi matahari kecil itu mengandungi makna dan peranan yang besar. Justeru bererti kita menerima bilangan matahari sebenar wujud sebanyak bilangan cebisan kaca tadi.

Dengan cara yang sama, jika kita mengatakan bahawa penciptaan seluruh entiti dan makhluk hidup tidak berkait

secara langsung dengan penjelasan nama- nama Allah SWT yang mulia sebagai cahaya yang menyinari langit dan bumi; berarti kita meyakini kewujudan alam semesta dan kewujudan kuasa yang memiliki kekuatan dan kehendak mutlak di samping pengetahuan dan kebijaksanaannya yang juga bersifat mutlak harus ada pada semua entiti yang wujud, terutama pada makhluk hidup. Maksudnya, kita harus meyakini adanya Tuhan pada segala sesuatu kewujudan. Pemikiran menyimpang ini merupakan satu bentuk kemustahilan yang paling tidak munasabah dan paling banyak mengandung kepercayaan yang tidak benar. Orang yang mengaitkan ciptaan Allah SWT yang sangat mengagumkan, dengan alam yang tidak memiliki perasaan dan tidak nyata pasti pemikirannya kurang waras tentang kebenaran sehingga boleh sampai tingkatan yang lebih sesat daripada binatang.

Kemustahilan Kedua:

Jika seluruh kewujudan segala sesuatu yang sangat teratur dan tepat kiraannya, di dunia yang mengagumkan dan penuh kebijaksanaan ini tidak dikaitkan dengan Zat Yang Maha Berkuasa dan Maha Bijaksana secara mutlak, lalu dikatakan itu sebagai satu keadaan yang disebabkan oleh fitrah semula jadi alam semesta; maka pada setiap genggam tanah di alam semesta ini harus ada kilang dan mesin percetakan sebanyak yang ada di Eropah agar segenggam tanah tersebut dapat menjadi tempat tumbuh buah dan bunga yang indah. Benih-benih bunga tersebut seterusnya disusun di dalam bekas berisi tanah yang melaksanakan tanggungjawabnya sebagai sebuah pasu bunga. Jelas

kelihatan kemampuan bekas dan tanah tadi melaksanakan tanggungjawabnya untuk memberikan pelbagai bentuk dan rupa bunga yang berlainan antara satu dengan yang lainnya. Apabila kemampuan tersebut tidak dikaitkan kepada Zat Pencipta Yang Maha Agung dan Yang Maha Berkuasa atas segala sesuatu, bererti di dalam segenggam tanah itu terdapat mesin alamiah yang khusus untuk masing-masing menghasilkan bunga. Jika tidak, tidak mungkin pelbagai bunga dan buah muncul ke permukaan bumi.

Ini adalah sedemikian kerana, benih-benih itu sama seperti sperma dan telur yang mempunyai kandungan yang sama. Kedua-duanya tidak berbau, tiada bentuk tertentu, berbentuk campuran yang mengandungi oksigen, hidrogen, karbon dan nitrogen. Selain itu, udara, air, suhu panas, dan sinar merupakan unsur-unsur yang tidak mempunyai akal ataupun perasaan. Semuanya mengalir seperti aliran air pada segala sesuatu tanpa ada kawalan. Jadi, pembentukan pelbagai bunga daripada segenggam tanah dalam bentuk yang beraneka ragam dan indah dengan teratur tentu memerlukan kilang hidupan yang banyak agar ia dapat menenun “tenunan- tenunan hidup” yang tidak terhingga banyaknya, serta dapat menghasilkan pelbagai ukiran cemerlang.

Sungguh tidak munasabah pemikiran yang dikemukakan oleh kaum naturalis ini. Pemikiran mereka begitu jauh dari munasabah. Walaupun orang- orang yang tidak berakal itu menganggap dirinya pakar dalam bidang sains dengan mengatakan bahawa alamlah yang mencipta segala sesuatu, namun pemikiran mereka begitu jauh dari sains dan logik

kemunasabahan. Mereka menjadikan khurafat yang sama sekali tidak benar itu sebagai amalan yang diterima. Maka lihatlah sendiri, tidak hairan jika mereka ditertawakan.

Barangkali ada yang bertanya: “Memang benar, banyak sekali perkara- perkara yang mustahil apabila kita mengatakan bahawa alam inilah yang mencipta segala entiti yang ada di dalamnya. Namun apakah masalah ini boleh lenyap kalau kita mengaitkan proses penciptaan tersebut kepada Pencipta Yang Maha Esa? Bagaimanakah sesuatu yang sulit dan rumit itu menjadi mudah?”

Jawapannya adalah seperti yang berikut: Sebagaimana telah diterangkan pada kemustahilan yang pertama, paparan dan pantulan matahari mampu menampakkan dirinya dengan sangat mudah pada seluruh benda. Ini dimulai dengan menampakkan diri matahari itu pada benda padat yang sangat kecil seperti serpihan kaca sehinggalah kepada permukaan laut yang luas. Selain itu, matahari juga menampakkan bekas dan pengaruhnya pada segala sesuatu secara sangat mudah. Seandainya semua pantulan tadi tidak dikaitkan kepada matahari, bererti matahari yang hakiki wujud pada setiap atom. Ini sudah tentu tidak boleh diterima oleh akal malah sangat mustahil dan tidak mungkin. Sama seperti sebelum ini, mengaitkan penciptaan semua entiti secara langsung kepada Tuhan Yang Maha Esa sangat mudah diterima bahkan merupakan sesuatu yang wajib diterima. Kita boleh menghubungkan setiap entiti kepada-Nya secara mudah iaitu dengan memaparkan sifat-Nya dalam segala sesuatu. Sebaliknya, jika kaitan itu diputuskan, maka pengabdian, pertanggungjawaban,

dan kepatuhan berubah menjadi pembangkangan, dan seterusnya setiap entiti dibiarkan bebas pergi sesukanya, atau dikaitkan kepada alam, maka akan timbul ratusan ribu persoalan yang sulit diterima hingga tingkat mustahil. Contohnya pada penciptaan lalat kecil yang merupakan indeks kecil bagi alam semesta. Jika dikatakan “alam yang buta” ini berkuasa penuh dalam penciptaan lalat, boleh juga ia mencipta seluruh kejadian alam di samping harus memiliki kebijaksanaan yang luas agar dapat mengelolanya. Ini bukan sahaja satu kemustahilan malah beribu kali kali ganda kemustahilannya.

Kesimpulan: Tidak mungkin dan mustahil ada sekutu bagi Allah Taala dalam ulūhiyyah-Nya. Begitu juga mustahil ada yang turut mencampuri urusan rubūbiyyah-Nya atau ikut serta dalam penciptaan-Nya terhadap segala sesuatu.

Berhubung dengan kesulitan yang muncul pada kemustahilan kedua, seperti yang kami tegaskan dalam pelbagai risalah, jika penciptaan seluruh makhluk dikaitkan kepada Zat Yang Maha Esa, maka tiada yang susah bagi-Nya. Penciptaan apa-apa pun akan terlaksana dengan mudah. Sebaliknya jika penciptaan segala sesuatu itu dikaitkan dengan penyebab dan kepada alam semesta, maka proses penciptaan sebuah entiti sahaja pun menjadi sulit dan rumit seperti proses penciptaan semua entiti yang ada. Perkara ini telah kami tegaskan dengan pelbagai bukti penjelasan yang kuat, kami akan menjelaskan satu daripadanya secara ringkas sahaja dalam perenggan yang berikut.

Jika seseorang mempunyai hubungan dengan sultan kerana kedudukannya sebagai perajurit atau pegawai istana, dia pasti boleh melaksanakan tugasnya dan segala urusannya dengan mudah berbanding jika dia melaksanakannya atas keupayaan dan kemampuan dirinya sendiri. Ini adalah demikian kerana terdapat kekuatan yang wujud daripada hubungannya dengan sultan. Misalnya, dia dapat menawan hati pemimpin atasan atas nama sultan tadi padahal dia hanyalah seorang perajurit. Ketika melaksanakan tugas tersebut, segala kelengkapan dan peralatan dibawakan untuknya dan tidak perlu dia membawanya sendiri. Kemudahan ini tersedia daripada hubungannya dengan sultan. Segala urusannya dapat dilaksanakan seperti melakukan pekerjaan seorang sultan besar dengan pengaruh dan kekuatan yang tidak seperti biasanya tetapi seperti kekuatan pasukan besar padahal dia hanya seorang diri.

Dengan tugas dan hubungan seperti itu, “seekor semut” mampu menghancurkan istana Firaun yang kejam serta dengan adanya hubungan tersebut “seekor nyamuk” dapat membinasakan Namrud yang bengis. Selain itu, dengan adanya hubungan tersebut, benih pohon pain yang serupa dengan benih gandum dapat menghasilkan pohon pain yang besar.² Seandainya hubungan tadi terputus, atau perajurit

2. Ya, ketika ada hubungan, benih tersebut menerima perintah daripada takdir Ilahi dan dapat melaksanakan pekerjaan-pekerjaan yang hebat. Walau bagaimanapun, apabila hubungan tadi terputus, penciptaan benih itu mengharuskan adanya pelbagai peringkat, kuasa, dan kekuatan yang jauh lebih besar daripada apa-apa yang diperlukan dalam penciptaan pohon pain besar. Ini adalah kerana, semua bahagian pohon pain yang tumbuh hasil kekuasaan-Nya di gunung harus ada pada pohon maknawi yang merupakan ciptaan Allah SWT pada benih tersebut dengan seluruh organ dan peralatannya kerana perantara untuk mencipta pohon

tadi diberhentikan daripada melaksanakan tugasnya yang berhubungan dengan sultan, maka dia harus memikul semua peralatan pekerjaannya yang berat sendiri dan dia pun hanya akan dapat melakukan pekerjaan-pekerjaan yang sesuai dengan kekuatannya yang terdaya oleh kudratnya yang terbatas, serta sesuai dengan beban kelengkapan dan peralatan yang ada padanya. Apabila dia diminta untuk melakukan pekerjaan-pekerjaan yang tadinya dapat dilaksanakan dengan mudah seperti dalam keadaan yang awal itu, dia pasti tidak berdaya melaksanakannya kecuali jika dia mampu memikul kekuatan seluruh pasukan dan semua peralatan perang negara secara bersendirian. Orang yang mengkhayalkan perkara ini berlaku dengan sendirinya akan tertunduk malu oleh kata-katanya sendiri.

Kesimpulannya: Menghubung segala sesuatu kepada *Wājib al-Wujūd* (Allah SWT) yang mempunyai segala sesuatu adalah wajib. Menyandarkan proses penciptaan kepada alam semesta ini pula adalah sesuatu yang sukar diterima akal. Malah, sampai peringkat tidak mungkin dan mustahil.

Kemustahilan Ketiga:

Kami akan menjelaskan perkara ini dengan dua contoh yang telah kami jelaskan dalam beberapa risalah lain seperti yang berikut:

Ada seorang orang kampung yang masuk ke dalam sebuah istana besar yang tersergam indah, bergemerlapan besar itu ialah benih itu sendiri. Dengan kekuasaan Tuhan, ia dapat kelihatan secara zahir di luar benih untuk kemudiannya membentuk pohon pain yang besar.

dengan pelbagai perhiasan dilengkapi dengan segala tamadun dan kemodenan. Istana itu dibangunkan di atas padang pasir yang sunyi dan luas. Dia menuju dan menatap setiap sempadan istana itu. Dia terpesona oleh keindahan bangunan istana itu dengan pelbagai ukiran dan kesempurnaan bentuknya. Tanpa berfikir panjang dia berkata, “Pembina istana ini tentu orang yang berada di dalam istana. Dia telah membina seluruh bangunan istana ini tanpa campur tangan orang luar,” lalu dia mula memeriksa. Segala yang dilihatnya di sekeliling istana itu setakat yang terjangkau oleh pemikirannya. Dia mendapati tiada sesuatu pun yang ada dapat diterima oleh akalinya sebagai pencipta yang mencipta segala sesuatu yang ada pada istana tersebut.

Tidak lama kemudian dia terjumpa sebuah buku nota yang di dalamnya tertulis catatan berkaitan dengan perancangan terperinci tentang proses pembangunan istana. Selain itu, terdapat catatan di dalamnya tentang perkara-perkara di dalam istana tentang peraturan dan pengurusannya. Buku tadi hanya sebuah buku seperti daftar indeks tanpa tangan untuk bekerja atau mata untuk melihat. Buku itu hanya ada kaitan tetapi tiada kemampuan untuk membangun dan menghias istana namun sesuai dengan isi buku tersebut, dengan jalan dan cara kerjanya serta tanda sunnatullah yang bersifat ilmiah, maka orang dari kampung tadi terpanggil untuk berkata, “Buku inilah yang telah membangun, menyusun, dan membuat istana tersebut dengan indah. Dialah yang telah mencipta dan mengaturnya secara rapi.” Daripada pernyataan ini jelas kelihatan betapa singkatnya pemikiran orang itu.

Seumpama situasi istana tadi, seorang ateis yang tidak percaya adanya Tuhan dan percaya bahawa alam ini terjadi dengan sendirinya (Naturalis), masuk ke istana alam semesta yang besar ini. Istana alam semesta ini jauh lebih teratur, lebih rapi, lebih indah, dan lebih megah daripada istana perumpamaan yang tersergam megah tadi. Tanpa memikirkan kesemua itu ialah nikmat ciptaan Ilahi, dia mula mencari pencipta alam dalam kalangan para makhluk. Dia menyaksikan pelbagai sunnah Ilahi dan daftar penciptaan Tuhan yang disebut dengan ‘alam’. Selanjutnya dia terus berkata:

“Oleh sebab semua entiti memerlukan adanya pencipta yang menyebabkan sesuatu tercipta, dan yang paling dekat kaitannya dengan penciptaan tersebut ialah buku tadi, maka buku itulah yang mencipta semua entiti di alam semesta ini. Sejujurnya, benarlah akal manusia tidak dapat menerima semua peraturan Tuhan yang bersifat mutlak dikaitkan kepada ‘buku’ yang buta, tuli, dan lemah itu. Tetapi itulah penjelasan tentang kejadian alam daripada apa-apa yang tertulis dalam buku itu kerana aku tidak percaya kepada Tuhan Pencipta Yang Maha Agung.”

Kami menegaskan, Wahai orang lalai yang malang! Kelalaianmu mengatasi segala yang dapat dibayangkan. Angkatlah kepalamu dari bawah kubang alam agar kamu dapat melihat Pencipta Agung bahawa semua entiti, dari atom sampai planet dengan bahasa yang berbeza-beza, menjadi saksi atas-Nya. Lihatlah paparan Maha Pencipta Agung yang telah membangunkan istana alam yang megah ini, serta telah menulis perancangan dan segala peraturan-

Nya pada ‘buku’ tersebut. Dengarkanlah al-Quran dan selamatkan dirimu daripada segala igauan.

Contoh kedua: Seorang yang terbiar tak mengenal adab dan budaya masuk ke istana dan bertembung dengan askar berpakaian seragam lengkap sedang berkawat. Dia memerhatikan batalion, rejimen dan unit-unit askar berdiri tegak dengan selesa dan berkawat serta melepaskan tembakan dengan gerakan sederap dan seragam. Orang yang tidak mengenal budaya dan peradaban itu kehairanan melihat situasi itu. Akalnya tidak mampu memahami kepimpinan seorang panglima dipatuhi sedemikian rupa dan dilaksanakan secara rapi lalu dia membayangkan ada seutas tali yang mengikat setiap perajurit. Kemudian dia membayangkan kehebatan tali khayalan dan terus-menerus dalam kehairanan.

Dia meneruskan perjalanan sehingga bertemu sebuah masjid sebesar Aya Sophia. Dia memasuki masjid itu tatkala solat Jumaat sedang didirikan. Dia melihat begitu banyak orang yang solat di belakang imam. Orang-orang itu berdiri, duduk, sujud, dan ruku’ mengikuti gerakan dan seruan seorang imam. Oleh sebab dia tidak mengetahui syariat Allah SWT serta tidak mengetahui aturan yang ada di sebalik perintah-Nya dia beranggapan bahawa kelompok orang yang solat tadi saling diikat dengan tali. Tali itulah yang mengatur gerakan mereka serta, tali itu juga yang membuat mereka bergerak dan diam. Demikianlah. Ia pun pergi dengan memikirkan betapa ajaibnya tali itu.

Sama dengan perumpamaan di atas, seorang ateis hadir

di suatu alam yang merupakan markas besar para perajurit Sultan Azali dan Abadi sekali gus merupakan masjid yang teratur milik Zat Azali yang disembah. Orang ateis tersebut datang dengan membawa fahaman naturalisme. Dia menganggap hukum- hukum abstrak yang tanda-tandanya jelas kelihatan pada ikatan peraturan alam bersumber dari hikmah kebijaksanaan Tuhan sebagai hukum-hukum kebendaan. Maka, dalam melakukan pelbagai penyelidikan dia dapat berhubung dengan hukum-hukum tadi sebagaimana berhubung dengan bahan-bahan dan benda-benda mati. Dia menganggap hukum-hukum rubūbiyyah Allah SWT yang merupakan hukum dan aturan syariat alam milik Tuhan yang bersifat abstrak ini sebagai entiti dan benda. Dia meletakkan hukum-hukum yang bersumber daripada ilmu dan ucapan Ilahi itu seperti Tuhan yang dapat mencipta justeru semua itu disebutnya dengan ‘alam’ sambil menganggap kekuatan yang merupakan satu kewujudan pemaparan kuasa Ilahi sebagai pemilik kekuasaan penuh. Ini merupakan kelalaian yang lebih teruk daripada kelalaian yang dijelaskan dalam perumpamaan sebelum ini!

Ringkasnya: Jika alam yang menjadi sandaran kaum naturalis itu memiliki wujud hakiki yang nampak secara zahir, kewujudan itu hanyalah sebuah ukiran, bukan Maha Pengukir. Alam hanyalah ciptaan Maha Pencipta, bukan Pencipta. Alam hanyalah pemaparan sesuatu hukum, bukan pembuat hukum. Alam hanyalah syariat fitriyyah, bukan pembuat syariat. Alam hanyalah tirai yang tercipta, bukan Maha Pencipta. Alam hanyalah objek, bukan pelaksana objek. Alam hanyalah kumpulan peraturan, bukan Zat yang berkuasa yang memerintahkan peraturan serta, alam

hanyalah goresan, bukan sumber.

Kesimpulannya: Segala entiti di dunia ini benar-benar ada, manakala akal kita hanya mampu memahami empat jalan untuk sampai kepada munculnya entiti tersebut sebagaimana perkara itu telah kami jelaskan dalam pendahuluan. Oleh sebab itu, kita juga telah membuktikan kemustahilan tiga jalan yang secara nyata menunjukkan kemustahilan tiga jalan tadi. Maka dengan itu, kita harus mempercayai kebenaran dengan seyakini-yakinnya bahawa yang benar ialah jalan keempat. Jalan keempat ini ialah jalan keesaan Tuhan dan al-Quran mengatakan,

قَالَتْ رُسُلُهُمْ أَفِي اللَّهِ شَكٌّ فَاطِرِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ

Terjemahannya: “Rasul-rasul mereka berkata, Adakah keraguan terhadap Allah SWT, Pencipta langit dan bumi?” (Ibrahim [14]: 10)

Ayat tersebut dengan tegas menjelaskan kewujudan *Wājib al-Wujūd* (Allah), *ulūhiyyah-Nya* yang menguasai alam, kemunculan segala sesuatu yang berasal daripada kekuasaan-Nya, serta kunci-kunci langit dan bumi yang berada di tangan-Nya.

Wahai orang yang menyembah alam dan penyebab segala kejadian! Selagi ciri-ciri sesuatu makhluk kejadian itu bersifat baharu dan terdapat tanda padanya bahawa ia tercipta, serta sebab kewujudan penciptanya dapat dilihat secara zahir sama baharu seperti kejadiannya dan selama kewujudan segala sesuatu itu memerlukan pelbagai kemudahan, perkakasan dan peralatan yang sangat banyak,

maka pastilah ada Zat Yang Maha Berkuasa secara mutlak yang mencipta kejadian tersebut pada sesuatu menurut sebabnya yang tertentu. Di samping itu, Zat Yang Maha Berkuasa mutlak tersebut sama sekali tidak memerlukan sesuatu maka tidak ada sekutu yang turut serta dalam proses penciptaan dan pemeliharaan-Nya. Sungguh tidak ada sekutu bagi-Nya. Dialah Zat yang mencipta sebab dan akibatnya sekali gus secara langsung. Untuk memperlihatkan hikmah dan pemaparan nama-nama-Nya, Dia menjadikan satu pertalian antara sebab dengan akibat. Justeru, proses sebab dan akibat itu dijadikan seperti tabir yang menutupi tangan kekuasaan dan keagungan-Nya agar segala kelemahan, kekurangan, kecacatan sesuatu kejadian dikembalikan kepada penyebab yang menyebabkan sesuatu kejadian itu berlaku maka kemuliaan-Nya tetap bersih dan suci.

Mana yang lebih mudah dan lebih masuk akal? Seorang tukang jam yang membuat roda gerigi jam, kemudian mengaturnya sesuai dengan susunan geriginya, serta menyeimbangkan gerakan jarum-jarumnya secara sangat cermat, atau tukang jam yang berada di dalam roda gerigi, jarum-jarum, dan pelbagai perkakasan jam tadi untuk diciptakannya sebuah mesin istimewa, seterusnya diserahkan urusan pembuatan jam tersebut kepada mesin istimewa itu? Pasti perbincangan ini mustahil dibandingkan? Tanya dan biar akalmu memikirkannya dan buat keputusan sendiri tentang persoalan ini, mana satu yang lebih mudah?

Adakah lebih mudah bagi seorang penulis menyediakan

pen, dakwat, kertas, dan menulis sebuah buku sendiri? Atau adakah lebih mudah baginya mencipta mesin percetakan khusus untuk kertas yang pastinya lebih rumit daripada kertas itu sendiri. Kemudian dia membiarkan mesin percetakan tersebut mencetak kertas dan berkata, “Baik, mulalah menulis pada kertas itu” tanpa ada campur tangan penyebab lain sebelumnya. Bukankah hal seperti ini sulit diterima oleh akal serta beratus-ratus kali lebih rumit berbanding dengan penulisan oleh penulis di atas kertas itu sendiri?

Barangkali kamu berkata: Mencipta mesin percetakan untuk mencetak buku tadi memang lebih rumit dan pelik daripada menulis buku itu secara langsung, namun mesin percetakan itu boleh menghasilkan ribuan salinan buku dalam waktu singkat. Ini bermaksud, mesin pencetak itu ialah kemudahan yang memudahkan.

Jawapan atas pernyataan di atas adalah seperti yang berikut: Dengan kekuasaan-Nya yang mutlak dan melalui paparan nama-nama-Nya pada setiap saat, serta daripada penampilan-Nya dalam pelbagai bentuk, Maha Pencipta telah mencipta penggerak bagi setiap sesuatu. Dengan yang demikian sesuatu makhluk tidak akan sama dengan makhluk yang lain. Itulah yang terbuku daripada tulisan Ilahi. Setiap makhluk memiliki ciri dan perwatakan yang berbeza untuk menunjukkan keperibadiannya sekali gus membezakannya dengan yang lain.

Jika kamu ada mata perhatikan wajah manusia. Kamu akan melihat tanda yang terkumpul pada wajah-wajah

termasuk tanda-tanda yang membezakan semua wajah manusia sejak zaman Nabi Adam a.s. sampai kini bahkan hingga selama- lamanya. Tanda yang terdapat pada setiap wajah adalah seperti sebuah buku yang khusus menjadi milik wajah tersebut. Hanya, untuk karya seni terhasil, tentu perlu disediakan bahan-bahan seperti alatulis, susunan dan komposisi tertentu. Kemudian dimasukkan semua unsur yang diperlukan untuk membentuk wajah itu. Semuanya pasti memerlukan kilang atau percetakan sendiri yang khusus untuk wajah masing-masing.

Menyedari kemustahilan tersebut, maka alam semesta diumpamakan seperti penerbit. Tetapi selain pengarangan dan penerbitan, yang berkaitan dengan percetakan, terdapat susunan atur letak dalam susunan tertentu yang harus dibuat, iaitu karya kreatif yang harus dibuat untuk setiap buku dengan susunan dan nisbah tertentu. Bahannya kadangkala harus dibawa dari sempadan dunia lain yang jauh. Penyediaan bahan-bahan tersebut dari seluruh penjuru alam dengan perhitungan tertentu dan ukuran yang cermat lalu penyusunannya sesuai dengan keperluan serta penempatannya di balik tangan penerbit buku itu ialah ratusan kali lebih rumit. Untuk melakukan kesemua proses itu, harus ada kuasa dan kehendak yang mencipta penerbit percetakan itu sendiri iaitu Yang Maha Pencipta dan Yang Maha Berkuasa. Oleh itu, mengandaikan alam sebagai mesin percetakan yang mencipta dan menjadikan segala sesuatu itu adalah tidak benar dan merupakan satu kepercayaan yang tidak bermakna dan tidak dapat diterima akal.

Sama dengan contoh tentang jam dan buku di atas, Allah Maha Pencipta Yang Mulia dan Maha Berkuasa atas segala sesuatu itu mencipta segala sebab dan akibat. Dia juga mencipta kesan daripada sebab dan akibat dengan hikmah-Nya. Dia mengaitkan akibat dengan sebab. Dengan kehendak-Nya, Dia menentukan penjelasan hukum alam dan hukum penciptaan yang mengandungi hukum Ilahi berkaitan dengan pergerakan dan susunan alam semesta dan menentukan segala ciri dan sifat alami segala sesuatu yang merupakan penjelasan dan pantulan hukum-Nya. Dengan kuasa yang ada pada-Nya, Dia mencipta ciri-ciri dan sifat alami segala alam semula jadi yang merupakan ciptaan-Nya dengan mencampurkan satu dengan yang lain menerusi hikmah-Nya yang sempurna.

Tidakkah lebih mudah untuk menerima fakta ini yang menyimpulkan segala logik akal dan bukti-bukti nyata yang lain? Tidakkah seseorang harus dapat menerimanya? Atau adakah lebih mudah menyandarkan penjelasan perkara ini kepada entiti yang tidak bernyawa itu sendiri untuk mempersembahkan pelbagai proses dan peralatan yang diperlukan oleh setiap entiti untuk memberikan kesedaran dan pengetahuan bahawa setiap sesuatu kejadiannya yang didasari oleh hikmah Ilahi? Dengan kata lain, mengaitkan kejadian segala sesuatu kepada apa-apa yang kamu sebut dengan 'alam' atau 'alami' dan dengan pelbagai sebab yang merupakan benda mati tidak berperasaan dan juga sama-sama makhluk kejadian-Nya? Bukankah ini tidak munasabah dan sama sekali tidak masuk akal? Kami tinggalkan persoalan ini untuk kamu putuskan dengan fikiran kamu yang tidak waras!

Penyembah alam yang kufur itu menjawab, “*Jika kamu mengajakku untuk berkata jujur, aku mengakui bahawa pandangan sesat yang kami yakini sangat tidak munasabah, berbahaya, dan sangat merosakkan. Orang yang berakal pasti mampu memahami kemunasabahan dan kupasan ilmiahmu yang didasarkan kepada bukti- bukti tadi dengan mengaitkan proses penciptaan harus dan wajib bagi akal untuk menyandarkannya terus kepada Yang Maha Esa. Segala puji-pujian bagi-Nya dan aku percaya kepada-Nya Tuhan Pencipta segala sesuatu tetapi aku masih tertanyanya tentang perkara berikut ini: aku percaya Tuhan Yang Maha Agung itu ialah Maha Pencipta, namun apakah cacat atau berkurangan keagungan dan kekuasaan- Nya jika kita juga menghormati dan menyanjung pelbagai sebab atau akibat kecil yang telah mewujudkan pelbagai hal kecil lain yang kecil dan remeh?*”

Jawapannya, sebagaimana telah kami jelaskan secara tegas dalam beberapa risalah yang lain bahawa tanda kekuasaan adalah dengan menolak adanya campur tangan. Bahkan pemerintah atau penguasa peringkat rendah sekali pun tidak mahu dan tidak akan bertolak ansur dengan campur tangan orang lain hatta anaknya sendiri dalam pentadbirannya. Khalifah sekalipun apabila mengesyaki ada campur tangan dalam kekuasaan mereka, telah tergamak membunuh anak mereka sendiri padahal mereka termasuk penguasa yang bertakwa dan soleh. Ini menunjukkan betapa penolakan terhadap adanya campur tangan dalam pemerintahan yang bijak merupakan dasar penting. Kemerdekaan penuh atas sebuah kekuasaan menolak adanya keterlibatan pihak lain. Perkara ini secara tegas dibuktikan oleh sejarah sepanjang

perjalanan umat manusia apabila terdapat dua penguasa atau dua raja di dalam sesebuah negara.

Bayangkan manusia yang lemah yang memerlukan bantuan dalam kekuasaan dan kepemimpinannya tetap menolak adanya campur tangan pihak lain, tidak menerima sekutu dalam kekuasaannya dan sangat menjaga kemerdekaannya dan cemburu akan kedudukannya. Jika kamu boleh, cuba kamu renungkan tentang Maha Penguasa Mutlak yang sedang bersemayam di atas singgahsana rubūbiyyah-Nya, Maha Pemberi perintah mutlak yang berkuasa dengan ulūhiyyah-Nya, Zat Yang Merdeka secara mutlak dengan keesaan-Nya, Zat Yang Maha Kaya dengan kemampuan mutlak-Nya. Penolakan terhadap adanya campur tangan dan keterlibatan pihak lain dalam kekuasaan merupakan keharusan bagi-Nya!

Bahagian kedua tentang keraguan yang kamu kemukakan ialah: Apakah pengabdian kepada sebahagian sebab dalam hal-hal yang remeh akan mengurangi ketundukan dan pengabdian seluruh makhluk mulai dari atom hingga planet di angkasa kepada Allah Yang Maha Berkuasa?

Jawapannya: Allah Maha Pencipta Yang Maha Bijaksana telah mencipta alam ini seperti sebuah pohon. Dia menjadikan seluruh makhluk yang hidup seperti buah yang sempurna daripada pohon tersebut. Dia menjadikan manusia sebagai buah yang paling sempurna dalam semua ciptaannya. Buah yang dihasilkan oleh manusia yang paling berharga hasil daripada ciptaan-Nya ialah buah

alam semesta berupa syukur dan ibadah manusia kepada-Nya. Adakah mungkin Dia Yang Maha Pencipta dan Maha Berkuasa lagi Maha Esa yang mencipta seluruh alam dengan begitu tersusun untuk mengenalkan diri-Nya untuk memperoleh cinta daripada ciptaan-Nya lalu membiarkan tujuan ciptaan-Nya dan buah kehidupan ditambah hasilnya diberikan penghargaannya kepada orang lain? Perkara ini berlawanan dengan hikmah penciptaan-Nya. Apakah Allah SWT akan menerima sesuatu yang menyalahi rubūbiyyah-Nya dengan membenarkan sebahagian sebab sebagai sasaran pengabdian makhluk-Nya? Padahal Dia telah memperkenalkan diri-Nya untuk ciptaan-Nya semua mengenal dan mencintai-Nya dengan segala kelembutan-Nya di alam ini. Mungkinkah Dia membiarkan makhluk yang paling dicintai-Nya, paling sempurna dalam beribadah, bersyukur dan dalam memberikan pujian, selain daripada-Nya untuk melupakan diri-Nya, setelah Dia menjadikannya. Dia menampakkan tujuan-tujuan-Nya yang mulia di alam ini, iaitu untuk mengenal dan beribadah kepada-Nya?

Wahai teman yang telah meninggalkan fahaman naturalisme! Apakah pandanganmu tentang segala yang diperkatakan itu? Dia menjawab dengan berkata: “Segala puji bagi Allah SWT yang telah memudahkan aku untuk mendapatkan jawaban kepada dua keraguanku ini. Kamu telah memperlihatkan kepadaku dua dalil yang sangat kuat dan tidak boleh dibantah tentang keesaan Allah al-Haq dan satu-satunya Zat yang layak disembah. Hanya Dia dan tiada lain selain Dia yang berhak disembah dengan kekuasaan dan kebijaksanaan-Nya justeru, mengingkari dan menafikan-Nya memerlukan kesombongan seperti

menafikan perkaitan cahaya matahari dengan waktu siang.”

PENUTUP

Setelah beriman dan meninggalkan semua pemikiran dan pandangan ateismenya, dia lalu berkata, “Segala puji bagi Allah SWT. Aku bersaksi bahawa semua keraguanku telah lenyap namun aku ada beberapa pertanyaan yang masih bermain-main di kepalaku.”

Pertanyaan Pertama: Banyak orang malas dan mereka yang lalai terhadap tanggungjawab menunaikan solat lima waktu bertanya, “Apakah yang diperlukan Allah SWT daripada ibadah kita sehingga di dalam al-Quran Dia memberikan perintah yang keras sekali gus mengancam kita dengan seksaan yang pedih di neraka jahannam? Adakah sesuai dengan gaya bahasa al-Quran yang sederhana, lembut dan adil untuk mempamerkan ancaman keras terhadap kesalahan yang kecil dan tidak signifikan?”

Jawapannya: Allah SWT sama sekali tidak memerlukan ibadahmu, malah sedikit pun Dia tidak memerlukan apa-apa daripadamu tetapi kamulah yang memerlukan dan perlu kepada ibadahmu itu. Pada hakikatnya kamu itu sakit, ibadah merupakan penawar yang mujarab yang boleh menyembuhkan luka-luka jiwamu. Perkara ini telah kami jelaskan dalam beberapa risalah yang lain. Kamu mungkin faham jika dikatakan betapa tidak masuk akal nya jika seorang doktor yang sedang merawat pesakitnya lalu dengan penuh belas kasihan dan perhatian dia menyuruh pesakitnya itu meminum ubat yang boleh menjadi penawar penyakitnya lalu pesakit itu berkata kepada dokternya itu,

“Apakah keperluanmu kepada ubat penawar ini sehingga kamu terus-menerus menyuruhku untuk meminumnya?”

Berkenaan dengan peringatan dan ancaman keras al-Quran terhadap perbuatan meninggalkan ibadah, perkara itu boleh diumpamakan seorang raja yang ingin menyelamatkan hak keseluruhan rakyatnya lalu dia menghukum orang yang melakukan satu jenayah dengan hukuman yang berat.

Demikian jugalah dengan Maha Berkuasa Yang Abadi, Dia akan menghukum orang yang meninggalkan ibadah dan solat dengan hukuman yang berat. Ini adalah kerana, orang yang meninggalkan solat atau ibadah tertentu itu dengan jelas telah melanggar hak seluruh entiti yang merupakan makhluk-Nya sekali gus telah menzalimi mereka. Kesempurnaan para makhluk itu boleh dilihat dalam bentuk tasbih puji-pujian dan ibadah mereka kepada Allah Maha Pencipta. Sedangkan orang yang meninggalkan ibadah itu tidak melihat dan tidak mengakui ibadah segala makhluk tadi. Malah dia telah mengingkarinya. Ini sudah tentu merendahkan mereka yang masing-masing merupakan ukiran agung Tuhan yang diukir dengan tanda-tanda ibadah dan puji-pujian terhadap Maha Pencipta. Selain itu, masing-masing entiti tersebut juga merupakan cermin kewujudan nama-nama Allah Yang Mulia maka, dengan sikap ingkarnya itu, orang tadi telah merendahkan kedudukan mereka yang mulia. Dia hanya melihat mereka sebagai sesuatu yang sia-sia yang tidak mempunyai apa-apa tugas. Ia juga menganggap semua entiti itu sebagai sesuatu yang tidak penting. Dengan yang demikian, dia telah menghina dan meremehkan semua entiti, merendahkan

kemuliaan dan kesempurnaan mereka, serta menafikan kebertanggungjawaban mereka.

Ya, setiap manusia melihat alam dengan kaca matanya sendiri. Allah SWT mencipta manusia dalam ukuran dan skala timbangan bagi alam semesta. Dia telah memberi setiap makhluknya sebuah alam khusus selain alam ini dan menunjukkan warna alam ini sesuai dengan keyakinan kalbu manusia. Manusia yang sedih, putus asa, dan menangis, melihat seluruh entiti menangis. Sementara manusia yang senang dan bahagia, melihat seluruh entiti tersenyum, tertawa, dan bahagia. Demikian juga dengan orang yang melakukan ibadah dan zikir dengan bersungguh-sungguh, penuh perasaan dan perenungan. Dia menyingkap sebahagian daripada ibadah dan tasbih para entiti malah dia melihatnya sebagai sesuatu yang benar dan boleh dibuktikan tetapi bagi orang yang meninggalkan ibadah kerana lalai dan ingkar, dia membayangkan entiti kejadian Allah SWT ini dalam kekeliruan justeru menentang hakikat kesempurnaannya.

Orang yang meninggalkan solat, dia telah menzalimi dirinya. Ini adalah kerana, dirinya itu bukanlah miliknya tetapi dia hanyalah hamba milik Tuan dan Penciptanya, maka apabila dia meninggalkan solat yang diamanahkan sebagai tanggungjawab ke atas dirinya, dia telah melanggar hak-hak dirinya. Dengan yang demikian, Allah Pemilik segala makhluk kejadian-Nya mengancam dan memberikan peringatan keras kepadanya agar dia dapat mengambil hak hamba-Nya tadi kembali daripada nafsunya yang memerintahkan keburukan. Selain itu, ketika dia

meninggalkan ibadah yang merupakan hasil dan tujuan penciptaannya, dia telah melanggar hikmah Ilahi dan kehendak Tuhan. Oleh yang demikian, atas perbuatannya itu dia dihukum dengan hukuman yang keras.

Ringkasnya: Daripada penjelasan ini dapat disimpulkan bahawa orang yang meninggalkan ibadah itu telah menzalimi dirinya, padahal dirinya itu merupakan hamba Allah SWT. Selain itu, dia juga telah melanggar dan menzalimi hak-hak makhluk yang lain. Ini adalah kerana sebagaimana kekufuran merupakan bentuk penghinaan terhadap setiap makhluk, meninggalkan ibadah juga merupakan bentuk pengingkaran terhadap kesempurnaan makhluk yang ada dan pelanggaran terhadap hikmah Ilahi. Oleh hal yang demikian, orang yang meninggalkan solat layak mendapat ancaman keras dan hukuman yang berat.

Demikianlah mengapa al-Quran menggunakan bentuk ancaman dan peringatan untuk menggambarkan kelayakan tersebut sekali gus untuk menggambarkan hakikat yang telah disebutkan tadi. Jadi, gaya bahasa tersebut sangat tepat dan sangat sesuai dengan keadaan.

Pertanyaan Kedua: Pertanyaan ini daripada sahabat kita yang telah beriman dan meninggalkan fahaman naturalismenya. Menurut beliau, memang benarlah satu kebenaran mutlak apabila setiap makhluk itu bergantung kepada kehendak Ilahi dan kekuasaan-Nya dalam segala aspek tugas. Ini termasuk urusan serta tindakannya terhadap kehendak dan kekuasaan Ilahi yang merupakan suatu kenyataan agung. Oleh sebab luas dan agungnya

kekuasaan-Nya itu, akal kita yang lemah ini tidak mampu menjangkaunya. Padahal kita menyaksikan segala entiti yang tidak terhingga banyak jumlahnya dan kemudahan mutlak dalam penciptaan sesuatu. Kemudahan penciptaan merupakan kuasa daripada keesaan Allah SWT yang nampak begitu nyata melalui pelbagai bukti dan penjelasan yang telah dikemukakan sebelum ini. Di samping itu, al-Quran telah menegaskan kemudahan mutlak tersebut secara jelas dalam beberapa ayatnya seperti yang berikut:

مَا خَلَقْنَاكُمْ وَلَا بَعَثْنَاكُمْ إِلَّا كَنَفْسٍ وَاحِدَةٍ

Terjemahannya: “Mencipta dan membangkitkan kamu (bagi Allah SWT) hanyalah seperti (menciptakan dan membangkitkan) satu jiwa sahaja.”(Luqman [31]: 28)

وَمَا أَمْرُ السَّاعَةِ إِلَّا كَلَمْحِ الْبَصَرِ أَوْ هُوَ أَقْرَبُ

Terjemahannya: “Kejadian kiamat itu, hanya seperti sekejap mata atau lebih cepat (lagi).”(Al-Nahl [16]: 77)

Di manakah rahsia kemudahan tersebut dan apakah hikmahnya? Jawapannya: Rahsia tersebut telah dijelaskan secara lengkap dan meyakinkan dalam “Surat Ke-20” (dari buku al-Maktūbāt) dalam penjelasan tentang ungkapan yang berbunyi. “Dia Maha Berkuasa atas segala sesuatu.” Penjelasannya lebih jelas lagi terutama di bahagian lampiran akhir yang sangat lengkap, luas, dan meyakinkan dengan disokong oleh dalil, bukti, dan hujah yang kuat. Ringkasnya seperti yang berikut: Apabila penciptaan seluruh entiti dikaitkan kepada Maha Pencipta Yang Esa, maka proses penciptaan tersebut menjadi mudah seperti

proses penciptaan satu makhluk. Jika ia dikaitkan dengan sesuatu yang banyak, proses penciptaan satu makhluk pun menjadi rumit dengan tingkat kerumitan yang sama seperti penciptaan seluruh entiti. Penciptaan sebuah atom pun menjadi sulit dan rumit sama seperti penciptaan pohon daripada biji benihnya. Namun jika penciptaan tadi dikaitkan dengan Maha Pencipta Yang Maha Benar, persoalannya menjadi mudah sehingga proses penciptaan seluruh makhluk seolah-olah proses penciptaan satu pohon, satu pohon seperti satu atom, syurga seperti musim bunga, dan musim bunga seperti sebuah bunga. Jadi, persoalannya mudah. Di sini secara singkat kami akan menjelaskan satu atau dua dalil antara ratusan dalil yang telah kami sampaikan dengan jelas dalam risalah-risalah yang lain. Dalil-dalil itu menjelaskan pelbagai rahsia dan hikmah tersembunyi di sebalik banyaknya entiti dan di sebalik kemunculannya yang berlaku secara teratur, teliti, dan mudah.

Misalnya, kepemimpinan 100 orang askar jika diberikan kepada seorang komandan adalah 100 kali lebih mudah daripada arahan untuk seorang askar diberikan kepada 100 orang komandan. Begitu juga untuk menyediakan sebuah pasukan dengan kelengkapan ketenteraannya dari markas yang sama, dengan peraturan yang sama, dan kilang yang sama, diserahkan kepada seorang panglima. Urusan itu akan terlaksana dengan sangat mudah sama seperti menyediakan seorang askar tetapi penyediaan seorang askar berserta dengan kelengkapan ketenteraannya dari markas yang berbeza-beza dan daripada banyak panglima, akan menjadi sangat rumit, sama rumitnya seperti menyiapkan sebuah pasukan.

Contoh lain tentang perkara ini ialah sebuah pohon yang dilengkapi dengan bahan penting iaitu satu akar, satu bekas dan satu dasar untuk menghasilkan ribuan buah. Semua itu dapat terlaksana dengan mudah, seolah-olah pohon itu hanya memiliki satu buah. Perkara ini mudah difahami tetapi jika jumlah yang satu tadi digandakan dengan jumlah yang banyak dan kesemua keperluan pohon tadi dilengkapi oleh bahan-bahan penting yang berasal dari tempat yang berbeza-beza, dan dari akar yang berbeza-beza, maka penciptaan satu buah itu menjadi rumit dan pelik seperti penciptaan pohon itu sendiri bahkan untuk mencipta sebiji benih yang merupakan prototaip daripada pohon tadi pun menjadi sulit seperti penciptaan pohon itu sendiri. Ini adalah kerana, bahan-bahan penting yang diperlukan oleh pohon tersebut juga diperlukan oleh benih tersebut.

Terdapat beratus-ratus contoh seperti itu. Semuanya menjelaskan bahawa kewujudan ribuan entiti melalui satu kaedah adalah mudah daripada kewujudan sebuah entiti daripada pelbagai kaedah. Oleh sebab kami telah menjelaskan perkara ini dalam beberapa risalah, kami merujuk pembaca kepada risalah tersebut bagi penjelasan terperinci. Di sini kami hanya menjelaskan rahsia agung yang berkaitan dengan kemudahan tersebut ditinjau dari aspek pengetahuan, ketentuan, dan kekuasaan Ilahi. Rahsia itu dijelaskan dalam perenggan yang berikut.

Kamu ialah satu entiti. Jika kamu menyerahkan dirimu kepada Allah Yang Maha Berkuasa mutlak lagi Azali, ketahuilah bahawa Dia mencipta kamu dengan satu perintah dan dengan kuasa yang bersifat mutlak daripada ketiadaan

dengan sekelip mata seperti menggores mancis api. Jika kamu tidak menyerahkan dirimu kepada-Nya, sebaliknya kamu mengaitkan kejadianmu kepada penyebab lahiriah dan alam semula, bermaksud kamu menyerahkan dirimu kepada sebab-sebab lahiriah. Dengan cara itu dan pada waktu itu, untuk mencipta dirimu memerlukan sebuah proses yang rumit sebab, kesemua unsur yang ada pada dirimu berasal dari seluruh alam. Unsur harus dicari dari seluruh pelosok alam, harus menggunakan kaedah penyelidikan yang rumit, serta harus diukur secara sangat tepat. Ini adalah kerana kamu merupakan abstrak (tidak dapat dilihat atau tidak dapat dirasa dengan pancaindera tetapi hanya ada dalam fikiran) yang tersusun dari seluruh alam semesta, buah matangnya, indeks miniaturnya, dan anggota badan yang dijadikan dari seluruh isi alam. Oleh itu penyebab lahiriah hanyalah bersifat membentuk dan menyusun sesuatu seperti yang ditegaskan oleh para ilmuwan bahawa penyebab lahiriah itu tidak boleh mewujudkan sesuatu yang tidak ada, maka ia dipaksa untuk mengumpulkan semua unsur yang diperlukan oleh anggota tubuh yang kecil ini dari seluruh alam. Dari sini kamu boleh memahami bahawa terdapat kemudahan mutlak dalam keesaan dan tauhid, sekali gus kamu boleh memahami kerumitan yang terdapat pada syirik dan kesesatan.

Kedua, proses penciptaan yang berasal daripada pengetahuan Ilahi, ada kemudahan yang mutlak. Penjelasannya adalah seperti yang berikut: Ketentuan Ilahi (qadar) ialah suatu jenis pengetahuan Ilahi. Dia menentukan ukuran segala sesuatu seolah-olah sebuah acuan yang khusus untuk sesuatu yang diciptakannya itu.

Ukuran ketentuan tersebut adalah seperti sebuah pelan reka bentuk atau model baginya. Apabila Allah SWT mencipta, Dia mencipta dengan mudah menggunakan ukuran yang telah ditentukan. Jika segala sesuatu itu tidak dikaitkan penciptaannya dan tidak dikembalikan kepada Zat Yang Maha Mengetahui secara mutlak, iaitu Allah Yang Maha Kuasa dan Maha Agung, tidak hanya ribuan persoalan yang muncul tetapi juga ratusan kemustahilan seperti yang telah dijelaskan sebelum ini. Ini adalah kerana, jika ukuran ketentuan dan pengetahuan Tuhan tadi tiada, ribuan cetakan dan acuan untuk tubuh yang kecil ini perlu disediakan.

Dari sini, kamu boleh memahami satu rahsia kemudahan mutlak yang terdapat dalam keesaan dan tauhid serta banyaknya kerumitan yang terdapat dalam syirik. Hakikat mulia ini dijelaskan oleh ayat yang berikut:

وَمَا أَمْرُ السَّاعَةِ إِلَّا كَأَنْفَاطٍ أَوْ قَفْظٍ أَوْ هُوَ أَقْرَبُ

Terjemahannya: “Kejadian kiamat itu, hanya seperti sekelip mata atau lebih cepat (lagi).”(Al-Nahl [16]: 77)

Pertanyaan Ketiga: Seorang sahabat yang dulunya musuh bertanya: Ahli falsafah yang telah banyak membuat kemajuan dewasa ini mengatakan, “Tiada sesuatu yang tercipta daripada ketiadaan, dan tiada yang ada, lenyap menjadi tiada; yang ada hanya penyatuan dan pemisahan, dan peraturan alam ini membuat kilang alam semesta sentiasa bergiat. Betulkah begitu?”

Jawapannya: Para ahli falsafah tersebut tidak melihat seluruh entiti dengan cahaya dan pentafsiran al-Quran.

Mereka melihatnya dari kaca mata ‘alam’ dan ‘penyebab’. Oleh yang demikian, kewujudan entiti daripada pembentukannya melalui sebab alam dan penyebab-penyebab lahiriah menjadi persoalan yang rumit hingga tahap mustahil seperti yang telah kami jelaskan sebelum ini. Untuk menjawab persoalan rumit ini para ahli falsafah tersebut terbahagi kepada dua kumpulan.

Sebahagian mereka menjadi ahli sarjana yang mencampakkan akal waras yang merupakan keistimewaan yang hanya dimiliki oleh manusia, sehingga mereka terjerumus ke tahap yang lebih rendah daripada haiwan itu sendiri. Mereka bukan sahaja menafikan kewujudan segala sesuatu secara umum, bahkan menafikan kewujudan diri mereka sendiri. Ini pada pandangan mereka lebih mudah untuk diterima akal dan lebih selamat daripada menganggap ‘alam’ dan ‘penyebab- penyebab lahiriah’ sebagai zat yang mencipta sebagaimana yang dikatakan oleh golongan yang satu lagi. Dengan itu mereka menafikan kewujudan mereka sendiri dan alam semesta sehingga terjatuh ke dalam jurang ketidakwarasan yang mutlak.

Kelompok yang kedua pula berpendapat bahawa seandainya penciptaan seluruh entiti dikaitkan kepada penyebab lahiriah dan alam sebagaimana yang dinyatakan oleh kaum yang sesat, maka proses penciptaan entiti yang kecil sekalipun, seperti lalat atau benih, banyak mengandungi persoalan dan memerlukan hujah kuat dan hebat yang tidak boleh dibayangkan oleh akal. Oleh itu, ahli falsafah daripada golongan ini terpaksa menafikan kewujudan penciptaan itu sendiri. Menurut mereka,

“Sesuatu tidak mungkin tercipta daripada tiada.” Begitu juga dengan melenyapkan sesuatu, bagi mereka juga mustahil sehingga mereka menyatakan bahawa *“Sesuatu kewujudan atau sesuatu yang ada tidak mungkin lenyap.”* Mereka pun kemudian mengkhayalkan adanya pemisahan dan penggabungan bahan lahiriah sebagai hasil daripada gerakan atom dan pelbagai kebetulan.

Perhatikanlah orang-orang yang menyangka dirinya pandai. Mereka terjerumus ke dalam lembah kejahilan dan kebodohan. Dari sini hendaknya kamu belajar bahawa kesesatan mencampakkan manusia yang tadinya mulia ke tahap yang dihinakan!

Benar, kuasa mutlak Allah SWT juga yang mencipta langit dan bumi dalam masa enam hari, mencipta 400,000 spesies secara serentak setiap tahun, memberikan kehidupan dunia dalam tempoh enam minggu setiap musim bunga dengan penuh kesenian dan hikmah melebihi dunia itu sendiri. Menafikan penciptaan itu sendiri ialah suatu kebodohan yang amat nyata. Lebih bodoh dan jahil daripada golongan sarjana yang pertama tadi yang tidak menerima cara penciptaan seluruh entiti abstrak yang rancangan dan ukurannya berada dalam pengetahuan Allah SWT sejak azali lagi. Dia menciptakan segala sesuatu dengan mudah seperti mudahnya memperlihatkan tulisan yang tidak kelihatan menjadi nyata hanya dengan menggosokkan bahan kimia padanya. Begitu juga mudahnya Dia mewujudkan sesuatu secara lahiriah.

Kaum malang yang berperwatakan seperti Firaun itu

sangat lemah dan hanya mampu melenyapkan sesuatu tetapi tidak mampu mencipta atom atau sebarang kejadian apa-apa pun dari tiada. Oleh sebab alam dan penyebab lahiriah yang disembah oleh mereka juga tidak dapat mencipta sesuatu daripada tiada, akhirnya mereka mengeluarkan suatu pernyataan, “*Benda maujud tidak dapat lenyap dan tidak dapat dicipta.*” Mereka berusaha membuktikan kaedah lemah ini terhadap kekuasaan Zat Yang Maha Berkuasa Mutlak.

Benar, Allah Yang Maha Berkuasa dan Maha Agung mempunyai dua cara penciptaan:

Pertama: *Ikhtirā’* dan *Ibdā’*. Ungkapan ini bermaksud, Allah SWT menjadikan sesuatu kewujudan daripada tiada tanpa perantara. Dia juga menghadirkan sesuatu daripada tiada bagi segala sesuatu yang memerlukan kewujudan kemudian diserahkan kepada tangan yang memerlukan kewujudan tersebut. Kedua: *Inshā’* dan *San‘ah*. Ungkapan ini bermaksud, Dia membentuk sebahagian entiti daripada unsur-unsur alam itu sendiri untuk memperlihatkan kesempurnaan hikmah-Nya bagi menjelaskan paparan nama-nama-Nya yang mulia. Kemudian Dia mengirinkan atom-atom dan penyebab-penyebab yang tunduk kepada perintah-Nya melalui pemberian rezeki kepada entiti tersebut.

Ya, Tuhan Yang Berkuasa secara mutlak mencipta dengan mewujudkan sesuatu daripada tiada. Dia juga membentuk sesuatu daripada entiti yang ada. Meniadakan entiti dan mencipta sesuatu daripada tiada adalah persoalan yang

sangat mudah bagi-Nya. Bahkan ia merupakan hukum-Nya yang berlaku secara sejagat dan tekal. Orang yang menafikan kekuasaan Tuhan yang telah mencipta 300,000 jenis makhluk pada setiap musim bunga dengan berkata, “Dia tidak mungkin dapat mencipta sesuatu daripada tiada,” tentu dia terjerumus ke dalam ketiadaan yang gelap.

Orang yang telah meninggalkan fahaman naturalismenya dan menuju jalan kebenaran itu pun kemudian berkata, “Segala puji bagi Allah SWT yang telah memberikan taufik kepadaku agar beriman secara sempurna, sekali gus telah menyelamatkanaku daripada segala ilusi dan kesesatan. Telah lenyap daripadaku semua keraguan yang ada”.

Segala puji bagi Allah SWT atas kurnia agama Islam dan kesempurnaan iman.

سُبْحَانَكَ لَا عِلْمَ لَنَا إِلَّا مَا عَلَّمْتَنَا إِنَّكَ أَنْتَ الْعَلِيمُ الْحَكِيمُ

Terjemahannya: “Maha Suci Engkau! Tiada yang kami ketahui melainkan apa yang telah Engkau ajarkan kepada kami. Sungguh, Engkaulah Yang Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.” (Al-Baqarah [2]: 32)

KALIMAT KETIGA PULUH RISALAH ANA (Ego Manusia)

Sebahagian kalimah ke-30, kalimah ini membongkar teka-teki alam, menjadi tangkal alam,serta menyelesaikan salah satu rahsia agung al-Qur'an al-Hakim.

Satu huruf daripada kitab 'Ana' yang maha besar

Satu noktah daripada lautan zarah yang agung

Kalimah ini mengandungi dua tujuan.

Pertama: membahaskan hakikat dan natijah 'ana'.

Kedua: membincangkan gerakan dan tugas-tugas zarah.

Tujuan Pertama

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani Pirman Allah (s.w.t):

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

إِنَّا عَرَضْنَا الْأَمَانَةَ عَلَى السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَالْجِبَالِ فَأَبَيْنَ أَنْ
يَحْمِلْنَهَا وَأَشْفَقْنَ مِنْهَا وَحَمَلَهَا الْإِنْسَانُ إِنَّهُ كَانَ ظَلُومًا جَهُولًا

Maksudnya: “*Sesungguhnya Kami telah mengemukakan tanggungjawab amanah (Kami) kepada langit dan bumi serta*

gunung-ganang (untuk memikulnya), maka mereka enggan memikulnya dan bimbang tidak dapat menyempurnakannya (kerana mereka tiada persediaan untuk memikulnya) ; dan (pada ketika itu) manusia (dengan persediaan yang ada padanya) sanggup memikulnya. (Ingatlah) scsiinggunya tabiat kebanyakan manusia suka melakukan kezaliman dan suka pula membuat perkara-perkara yang tidak patut dikerjakan. “(Al-Ahزاب 33:72)

Kami hanya akan mengisyaratkan satu permata sahaja daripada permata-pennata khazanah terbesar daripada ayat yang mulia di atas. Permata tersebut ialah bahawa amanah yang enggan dipikul oleh langit, bumi dan gunung-ganang mempunyai beberapa pengertian dan banyak sudut. Salah satu pengertian dan sudut tersebut ialah perkataan ‘ana’ yang bermaksud ‘saya’.

Ya! Perkataan ‘ana’ merupakan satu biji benih, yang menumbuhkan seponon pokok Tuba³, pokok yang bercahaya, lagi besar. Ia juga menumbuhkan seponon zaqum yang menggerunkan. Kedua-dua pohon tersebut menghulur dan menyebarkan dahan serta rantingnya ke seluruh alam insani semenjak dari Adam (a.s) sehingga waktu kini.

Sebelum kita mengharungi hakikat yang luas ini, kami akan membawa satu mukadimah yang akan memudahkan kita memahami hakikat tersebut.

3 (Lihat al-Qur’an, al-Ra’d 13. 29.)

MUKADIMAH

Perkataan ‘ana’ ialah anak kunci yang akan membuka khazanah tersembunyi bagi nama-nama Allah s.w.t yang baik (*al-Asma’ al-Husna*), sebagaimana ia juga akan membuka pintu-pintu alam yang terkunci. Ia sendiri merupakan tangkal yang ajaib dan misteri yang ganjil. Tetapi dengan mengetahui apakah hakikat ‘ana’, tangkal yang ajaib dan misteri yang ganjil tersebut akan terungklai dan terdedah, seterusnya akan terbukalah teka-teki dan khazanah alam yang wajib ada ini.

Secara khusus kami telah membincangkan permasalahan ini di dalam risalah “satu hiduan daripada bayu hidayat al-Qur’an” (Shammah min nasim hidayat al-Qur’an) sebagaimana berikut:

“Ketahuilah! Bahawa anak kunci alam berada di dalam tangan manusia dan pada dirinya sendiri. Meskipun segala makhluk yang ada merupakan pintu-pintu pada zahirnya, namun pada hakikatnya ia terkunci. Allah (s.w.t) meletakkan anak kunci pintu-pintu tersebut pada diri manusia sebagai barang amanah yang membolehkannya membuka kesemua pintu tersebut. Anak-anak kunci itu juga diletakkan oleh Allah pada manusia sebagai tangkal yang membolehkannya membuka khazanah-khazanah Pencipta alam ini yang tersembunyi. Anak kuncinya ialah hakikat perkataan ‘ana’ yang terdapat pada engkau (wahai manusia). Tetapi perkataan ‘ana’ itu sendiri juga menjadi suatu misteri dan tangkal yang terkunci. Apabila anda berjaya membuka ‘ana’

dengan mengetahui hakikatnya yang dapat dibayangkan dan rahsia kejadiannya, nescaya akan terbukalah tangkal segala makhluk yang lain, sebagaimana yang akan diterangkan selepas ini:

Sesungguhnya Allah S.W.T telah meletakkan satu amanah pada tangan manusia, iaitu ‘ana’ yang mengandungi beberapa isyarat.dan contoh yang boleh dijadikan panduan untuk mengetahui beberapa hakikat sifat rububiyah Allah dan hal ehwal-Nya yang mulia lagi suci. Atau dengan kata-kata lain, ‘ana’ menjadi satu unit sukatan atau ukuran untuk mengetahui sifat-sifat dan hal ehwal *Rububiyah* dan *Uluhiyah* Allah S.W.T.

Sebagaimana yang dimaklumi, sesuatu unit sukatan atau ukuran tidak semestinya wujud dari segi hakikat. Bahkan mungkin sesuatu unit sukatan dan ukuran itu ditetapkan berdasarkan andaian dan khayalan semata-mata, sebagaimana garisan-garisan yang diandaikan dalam ilmu kejuruteraan. Maksudnya ‘ana’ tidak semestinya mempunyai kewujudan yang hakiki, iaitu diketahui dan dipastikan.

Soalan: Kenapakah makrifat kepada sifat-sifat dan nama-nama Allah (s.w.t) berhubung dengan ‘keakuan’ (*ananiyah*)⁴ manusia?

Jawapan: Sesuatu yang mutlak dan meliputi segala sesuatu, tidak mempunyai batas sempadan dan penamatan.

4 Yang dimaksudkan di sini bukanlah sifat keakuan yang tercela itu, tetapi perkataan ini diambil daripada perkataan ‘ana’ yang bermaksud saya atau aku.

la tidak boleh diberikan suatu bentuk dan hukum tertentu, kerana ia tidak mempunyai kewujudan sesuatu bentuk yang menentukan bentuk gambarannya. Oleh itu, hakikatnya tidak boleh dimengerti.

Sebagai contoh: Cahaya yang wujud secara berpanjangan dan terus-menerus, tidak diselangi oleh kegelapan, tidak dapat dirasai dan diketahui kewujudannya, melainkan apabila dibatasi dengan kegelapan, sama ada yang berbentuk hakiki atau pada anggapan sahaja.

Demikianlah juga keadaannya dengan sifat-sifat Allah S.W.T seperti ilmu dan kudrat, dan nama-nama-Nya yang baik (*al-Asma' al-Husna*) seperti Yang Maha Bijaksana dan Yang Maha Mengasihani, kerana ia adalah mutlak, tidak mempunyai batas sempadan dan meliputi segala sesuatu. Tiada sekutu dan sebanding dengannya. Ia tidak mungkin diliputi atau dibatasi dengan sesuatu. Oleh itu, hakikatnya tidak boleh diketahui dan tidak dirasakan kewujudannya. Kerana itu, mestilah diletakkan suatu anggaran atau anggapan sempadan yang dikhayalkan kewujudannya kepada sifat-sifat dan nama-nama yang mutlak tersebut, untuk menjadi alat bagi memahaminya. Inilah apa yang dilakukan oleh 'keakuan', kerana seseorang akan menggambarkan di dalam dirinya sifat *rububiyah* (ketuhanan), *malikiyah* (pemilikan), kudrat dan ilmu lalu diberikannya sempadan tertentu yang dianggarkan kewujudannya bagi sifat-sifat yang menyeluruh dan nama-nama yang mutlak, lalu - sebagai contohnya - dia akan berkata: "*Ia adalah milik saya sehingga di sini; selepas ini kepunyaan dia.*" Seolah-olah dia meletakkan sejenis pembahagian. Dengan itu dia

bersedia untuk memahami hakikat sifat-sifat yang tidak bersempadan itu, sedikit demi sedikit, berdasarkan neraca dan ukuran kecil lagi mudah yang dimilikinya.

Sebagai contoh juga, dengan *rububiyah* yang difantaskan kewujudan-nya berada di bawah kekuasaannya terhadap benda-benda miliknya, dia memahami rububiyah Tuhan Yang Maha Mencipta secara mutlak yang meliputi seluruh benda yang wujud.

Dengan sifat pemilikannya yang zahir, dia memahami sifat pemilikan Pencipta yang hakiki, lalu dia berkata: *“Sebagaimana aku pemilik rumah ini, maka Allah (s.w.t) juga pemilik kepada alam ini.”*

Dengan ilmunya yang sedikit, dia mengetahui ilmu Allah yang mutlak.

Dengan sedikit kemahirannya yang diperolehi melalui pengalaman dan latihan, dia mengetahui keindahan ciptaan Tuhan Yang Maha Mencipta, lalu dia berkata: *“Sebagaimana aku dapat menghias dan menyusun atur rumah ini, begitu juga mesti ada seseorang yang mencipta dan menyusun atur dunia ini.”*

Demikianlah seterusnya. Terangkum di dalam perkataan ‘ana’ ribuan hal, sifat dan perasaan yang tersembunyi di bawahnya ribuan rahsia yang terkunci dan sedikit banyak mampu untuk menunjuk dan menjelaskan kesemua sifat dan hal Allah yang bijaksana itu.

Perkataan ‘ana’ tidak mengandungi apa-apa makna pada dirinya, tetapi ia menunjukkan sesuatu makna yang

ada pada benda lain, seperti cermin yang membalikkan bayangan, seperti unit sukatan atau ukuran tertentu, seperti sejenis alat yang membongkarkan sesuatu. Secara katawi maknanya ialah bahawa ia merupakan seurat rambut yang sensitif dan pada tali kewujudan manusia yang hebat. Ia menjadi benang halus daripada tenunan pakaian hakikat kemanusiaan. Ia merupakan *huruf alif* yang terdapat pada kitab keperibadian anak-anak Adam, kerana *huruf* itu mempunyai dua sudut:

Satu sudut tertuju ke arah kebaikan dan kewujudan. Melalui sudut ini, dia (manusia) hanya menerima limpahan yang dituangkan ke atasnya sahaja, kerana dari sudut ini dia tidak mampu untuk mengadakan sesuatu. Jadi dia bukan seorang ‘pembuat’, kerana tangannya tidak mampu dan tidak mempunyai kekuatan untuk mengadakan.

Satu sudut lagi tertuju ke arah kejahatan dan membawa kepada ‘ketiadaan’. Dari sudut ini, dia menjadi ‘pembuat’ dan tuan punya perbuatan itu.

Seterusnya hakikat ‘ana’ itu harfiah, iaitu ia hanya menunjukkan makna yang terdapat pada benda lain (bukan pada dirinya). Maka rububiyahnya merupakan suatu yang khayali, kewujudannya lemah sehingga zatnya sendiri tidak mampu untuk menanggung apa-apa, bahkan tidak mampu untuk ditanggung apa-apa ke atasnya. Ia hanyalah neraca penimbang, yang menerangkan tentang sifat-sifat Allah Taala yang mutlak dan meliputi segala sesuatu, persis seperti neraca kepanasan, neraca udara dan neraca-neraca lain yang menerang dan menjelaskan tentang sukatan,

ukuran dan darjah sesuatu benda yang disukat.

Seseorang yang memahami hakikat ‘ana’ melalui sudut ini dan tunduk kepadanya, kemudian dia beramal berdasarkan tuntutananya, dia termasuk di kalangan orang yang diberikan berita baik, melalui firman Allah (s.w.t):

قَدْ أَفْلَحَ مَنْ زَكَّيْهَا

Maksudnya: “*Sesungguhnya berjayalah orang yang menjadikan dirinya - yang sedia bersih - bertambah-tambah bersih (dengan iman dan amal kebajikan).*” (Al-Shams 91:9)

Dia juga telah menunaikan amanah dengan sebenar. Melalui kaca mata ‘ana’, dia memahami hakikat alam kewujudan dan tugas-tugas yang dilaksanakan olehnya. Ketika jiwanya memperolehi apa-apa maklumat dari pelbagai ufuk luaran, akan ada sesuatu daripada ‘ana’ yang membenarkannya, lalu maklumat-maklumat tersebut tertanam di dalam jiwanya sebagai ilmu-ilmu yang bercahaya dan hikmat kebijaksanaan yang benar. Ia tidak bertukar menjadi kegelapan yang sia-sia.

Ketika ‘ana’ melaksanakan tugasnya dalam bentuk ini, dia akan meninggalkan rububiyah dan pemilikannya yang diandaikan kewujudan-nya itu - yang hanya merupakan unit ukuran atau sukatan sahaja - lalu dia menyerahkan pemilikan hanya untuk Allah sahaja dengan dia berkata:

لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَلَهُ الْحُكْمُ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ

“*Bagi-Nya kerajaan (pemilikan), bagi-Nya kepujian,*

bagi-Nya hukuman dan kepada-Nya kamu dikembalikan.” Dengan itu dia telah memakai pakaian ubudiyah yang sebenar dan dia telah meningkat kepada satu maqam yang lebih baik.

Tetapi jika ‘ana’ itu lupa kepada hikmat penciptaannya, lalu melihat kepada dirinya dengan makna namanya sahaja, dengan meninggalkan tugasnya yang fitri itu, dengan mengiktikadkan bahawa dia itu pemilik, maka dia sebenarnya telah mengkhianati amanah dan termasuk ke dalam golongan orang yang telah diberikan amaran oleh Allah melalui firman-Nya:

وَقَدْ خَابَ مَنْ دَسَّيْهَا

Maksudnya: “*Dan sesungguhnya hampalah orang yang menjadikan dirinya - yang sedia bersih - itu susut dan terbenam kebersihannya (dengan sebab kekotoran maksiat).*” (Al-Shams 91:9)

Demikianlah. Sesungguhnya ketakutan langit, bumi dan gunung-ganang untuk memikul amanah dan kegerunan mereka terhadap syirik yang diandaikan berlaku, terbit dahpada sudut ‘keakuan’ ini yang melahirkan segala jenis kesyirikan, kejahatan dan kesesatan.

Ya! Sesungguhnya ‘ana’, sekalipun hanya memiliki *huruf alif* yang lembut, benang yang halus dan garisan yang diandaikan kewujudannya, tetapi jika hakikatnya tidak diketahui, ia akan membesar secara tersembunyi - umpama biji benih yang membesar di dalam tanah - sedikit demi sedikit, sehingga tersebar di seluruh kewujudan manusia,

lalu menelannya (kemanusiaan) umpama seekor ular yang besar. Lalu seluruh manusia itu, dengan semua perasaan dalamannya menjadi hakikat ‘ana’. Kemudian ‘keakuan’ terhadap jenis manusia akan mula meniupkan semangat perkauman dan asabiyah, sehingga semangat itu menjadi bertambah teguh dengan bersandarkan ‘keakuan’ itu dan akhirnya ia menjadi seperti syaitan yang direjam dengan mencabar dan menentang segala perintah Allah. Kemudian dia mula mengukur dan menyukat semua manusia, bahkan setiap benda terhadap dirinya berdasarkan hawa nafsunya. Dia membahagi-bahagikan kerajaan Allah kepada benda-benda tersebut dan kepada sebab-sebab yang menyebabkan dia terjatuh ke dalam lembah kesyirikan yang besar, sebagaimana yang tergambar dengan jelas dari pengertian makna firman Allah (s.w.t):

إِنَّ الشِّرْكَ لَظُلْمٌ عَظِيمٌ

Maksudnya: “*Sesungguhnya perbuatan syirik itu adalah satu kezaliman yang besar.*” (Luqman 31:13)

Bandingannya sama dengan seseorang yang mencuri empat puluh dirham daripada harta kerajaan, maka dia terpaksa memberikan satu dirham kepada setiap kawan yang hadir bersamanya agar mereka merelakan perbuatan mahu curinya itu. Begitu juga orang yang berkata: “Aku pemilik diriku”, dia pasti akan berkata dan mempercayai bahawa segala sesuatu merupakan milik dirinya!

Demikianlah ‘ana’ dalam kedudukannya ini terlibat dengan pengkhianatan terhadap amanah yang dipertanggungjawabkan kepadanya. Ia sesungguhnya berada

dalam kejahilan mendalam, bahkan ia adalah yang paling jahil di kalangan orang-orang yang jahil. Ia teraba-raba di lembah kejahilan yang melampau walaupun ia mengetahui banyak ilmu dan seni. Ini kerana cahaya-cahaya makrifat yang tersebar di seluruh pelosok dunia yang ditangkap oleh panca indera dan pemikirannya tidak menjumpai sesuatu yang membenarkannya, memberikannya cahaya dan mengekalkannya di dalam jiwanya. Kerana itu, semua pengetahuan itu terpadam bahkan menjadi kegelapan yang pekat, disebabkan segala ilmu yang memasuki dirinya dicelup dengan celupan dirinya yang memang berada di dalam kegelapan yang pekat. Sekalipun didatangi oleh hikmat kebijaksanaan yang mutlak dan mengagumkan, jiwanya tetap diselimuti dengan pakaian kesia-siaan yang mutlak, kerana warna 'ana' dalam keadaan ini dicelupi oleh kesyirikan dan penanggalan sifat-sifat yang mulia bagi Tuhan Yang Maha Mencipta, serta pengingkaran kewujudan-Nya. Bahkan jika seluruh dunia ini dipenuhi dengan tanda-tanda kebesaran-Nya yang jelas dan lampu-lampu yang membawa hidayah, nescaya noktah hitam yang terdapat pada 'ana' akan menggerhanakan segala cahaya yang datang dan menghijabkannya daripada berupaya menampakkan dirinya.

Dalam Kalimah Yang Kesebelas, kami telah menghuraikan tentang hakikat kemanusiaan dan keakuan yang terdapat dalam kemanusiaan itu dari sudut makna katawinya. Di sana, kami telah membuktikan dengan kukuh bagaimana keakuan itu menjadi suatu neraca yang sensitif bagi alam ini. Ia juga merupakan ukuran atau sukatan yang tepat dan halus, indeks yang menyeluruh dan meliputi, peta

yang tuntas, cerminan dan penilaian yang sempurna.

Di sini kami mengakhiri mukadimah ini, berpada dengan penghuraian yang terdapat di dalam risalah tersebut.

Wahai saudara pembaca! Jika anda menguasai mukadimah ini, maka marilah sama-sama kita memasuki hakikat itu sendiri.

Sesungguhnya dalam sejarah kemanusiaan, semenjak zaman Saidina Adam (a.s) hinggalah masa kini, terdapat dua aliran dan rantaian pemikiran yang besar. Kedua-duanya berjalan merentasi zaman dan masa, seolah-olah kedua-duanya merupakan dua batang pokok yang besar, yang mengembangkan dahan dan rantingnya ke seluruh penjuru, dan kepada setiap peringkat kemanusiaan.

Pertama: Rantaian kenabian dan agama.

Kedua: Rantaian falsafah dan hikmah (kebijaksanaan).

Apabila kedua-dua rantaian ini bersatu dan bercantum, pada satu-satu masa atau zaman, maka falsafah akan berada dalam perlindungan agama, berpaut dan taat kepadanya. Kemanusiaan pula akan mengalami kehidupan yang bahagia dan memperolehi kehidupan kemasyarakatan yang sentosa. Tetapi apabila berlaku perpecahan dan perpisahan antara kedua-duanya, maka segala cahaya dan kebaikan akan berhimpun di sekitar rantaian kenabian dan agama, manakala segala keburukan dan kesesatan akan berhimpun di sekitar rantaian falsafah.

Sekarang mari kita perhatikan punca dan asas kepada

setiap rantaian tersebut:

Rantaian falsafah yang menderhaka kepada agama, tergambar di dalam bentuk sepohon pokok zaqum keji yang menyebarkan kegelapan kesyirikan dan kesesatan di sekitarnya, sehingga ia memberikan buah-buahan berbentuk fahaman ateisme, materialisme dan naturalisme kepada akal manusia melalui dahan kekuatan akalunya. Manakala melalui dahan kekuatan kemarahannya, ia mencampakkan buah-buahan kezaliman Namrud, Fir'aun dan pemerintah zalim⁵ yang lain ke dalam kepala manusia. Ia juga membesarkan buah-buahan tuhan, berhala dan pendakwa ketuhanan melalui dahan kekuatan syahwat kebinatangan.

Di samping pohon zaqum yang keji ini, terdapat sepohon tuba yang hanya beribadat kepada Allah. Inilah pohon rantaian kenabian. Ia membuahakan buah-buahan yang segar lagi lazat di dalam kebun bebola bumi dan menghulurkannya kepada kemanusiaan. Dari dahan kekuatan akalunya lahirlah para nabi, rasul, siddiq dan para wali yang salih, melalui gugusan-gugusan yang mudah dipetik. Ia juga melahirkan para pemerintah yang adil dan raja yang suci ibarat malaikat, melalui dahan kekuatan penolakannya. Ia juga melahirkan golongan mulia, pemurah dan bermaruah tinggi, yang mempunyai jalan kehidupan

5 Memanglah falsafah kuno Mesir dan Babylon yang mencapai tahap sihir atau disangkal sebagai sihir kerana ia terbatas kepada golongan tertentu itulah yang mernelihara dan mendakap para Fir'aun dan Namrud dalam peliharaannya. Begitu juga, lumpur dan paya falsafah tabi'i menempatkan tuhan-tuhan ke dalam akal ahli falsafah Yunan kuno serta melahirkan pelbagai berhala. Pastilah benar, seseorang yang terhibab daripada nur Allah dengan dinding semula jadi (nature) akan mengurniakan sifat uluhiah kepada setiap sesuatu, kemudian ia memberikannya juga kepada dirinya sendiri. - Pengarang.

yang baik, indah, menjaga kehormatan diri dan bebas dari sebarang ke&alahan. Pohon yang berkat itu mengumumkan bahawa manusia sebenarnya merupakan buah yang paling mulia daripada pohon alam itu.

Begitulah asal pohon yang berkat ini dan punca pohon yang keji itu. Kedua-duanya menjadi sudut kepada 'ana' dan wajah kepadanya. Atau dengan ungkapan lain, 'ana' yang menjadi biji benih asal kepada kedua-dua pohon tersebut, kedua-dua sudut atau wajahnya telah menjadi punca dan asas kepada setiap pohon tersebut.

Kami akan menerangkan perkara tersebut sebagaimana berikut:

Kenabian berjalan dengan mengambil salah satu sudut atau wajah 'ana'. Falsafah juga datang dengan mengambil sudut atau wajah 'ana' yang satu lagi. Sudut atau wajah pertama yang milik hakikat kenabian, merupakan punca ubudiyah yang ikhlas kepada Allah. Iaitu 'ana' yang tahu bahawa dialah hamba Allah dan patuh kepada tuhan yang disembahnya. Ia juga memahami bahawa hakikatnya adalah seperti hakikat 'huruf yang hanya memberikan makna kepada yang lain. Ia beriktikad bahawa kewujudannya bersifat mengikut, iaitu kewujudannya ada kerana kewujudan sesuatu lain yang mengadakannya. Ia juga mengetahui bahawa pemilikannya terhadap sesuatu hanyalah khayalan sahaja, iaitu pemilikannya hanya bersifat sementara, pada zahir sahaja dia memiliki dengan keizinan yang diberikan oleh pemilik sebenar. Hakikatnya hanyalah bayangan, bukan asli, iaitu ia merupakan makhluk yang bersifat harus

sahaja kewujudannya dan lemah, serta ia menjadi bayangan lemah yang membalikkan penjelmaan bagi satu hakikat zat yang wajib wujud lagi bersifat benar (haq). Tugasnya pula ialah melakukan ketaatan kepada tuannya, dengan ketaatan penuh perasaan yang sempurna, kerana ia menjadi neraca untuk mengetahui sifat-sifat penciptanya dan sukatan atau ukuran untuk memahami hal ehwal-Nya.

Begitulah sudut pandangan para nabi dan rasul (a.s), serta golongan asfiya' dan awliya' yang mengikut mereka, terhadap 'ana'. Mereka menyaksikannya berdasarkan hakikatnya itu. Lalu mereka menemui hakikat yang sebenar. Mereka menyerahkan kerajaan seluruhnya kepada Tuhan yang memiliki kerajaan lagi maha agung. Mereka semua mengaku bahawa tuhan tersebut tidak mempunyai rakan kongsi, bandingan dan umpama, pada rububiyah dan pada uluhiyah-Nya. Dialah tuhan yang mengatasi segala-galanya dan tidak memerlukan apa-apa. Dia tidak mempunyai penolong dan menteri. Pada tangan-Nya terdapat punca segala sesuatu dan Dia amat berkuasa ke atas segala-galanya. Sebab-sebab yang ada, hanyalah langsir dan hijab zahir yang menunjukkan kekuasaan dan kebesaran-Nya. Tabiat hanyalah syariat-Nya yang sejadi dan sekumpulan undang-undang-Nya yang berjalan di dunia ini, sebagai menzahirkan kekuasaan dan kebesaran-Nya.

Sudut yang bercahaya dan indah ini, adalah seperti sebiji benih hidup yang mempunyai maksud dan hikmat tertentu. Daripadanya, Allah (s.w.t) menciptakan pohon tuba al-ubudiyah. Dahan-dahannya yang berkat terjulur ke seluruh dunia kemanusiaan dan menghiasinya dengan buah-buahan

yang enak dan gemilang, serta menghapuskan kegelapan masa lampau seluruhnya. Ia juga membuktikan dengan sesungguhnya bahawa zaman yang lampau itu bukanlah sebuah perkuburan luas lagi menakutkan dan medan untuk melakukan hukuman bunuh yang menggerunkan sebagaimana dipandang oleh falsafah, bahkan ia menjadi sebuah taman daripada taman-taman cahaya, bagi roh-roh yang telah mencampakkan bebanannya yang berat untuk membebaskan diri meninggalkan dunia. Ia adalah paksi putaran cahaya dan tangga bercahaya yang mempunyai tingkat-tingkat yang berbeza bagi roh-roh yang ingin kembali berpindah ke dunia akhirat dan kepada masa depan yang gemilang dan kebahagiaan yang abadi.

Sudut kedua pula yang diambil oleh falsafah yang memandang kepada 'ana' berdasarkan maknanya dari segi 'ism' (kata namanya) sendiri. Iaitu dengan ia mengatakan bahawa 'ana' menunjukkan kepada makna yang ada pada dirinya sendiri.

Falsafah memutuskan bahawa makna perkataan 'ana' terdapat pada dirinya sendiri dan ia bekerja untuk kepentingan dirinya sahaja. Ia juga menerima bahawa kewujudan 'ana' itu asli dan berdiri dengan sendirinya, bukan sekadar bayangan sahaja. Ia mempunyai keperibadian yang tersendiri khusus untuknya.

Ia juga mendakwa bahawa 'ana' mempunyai hak dalam kehidupan, bahawa dia menjadi pemilik hakiki di dalam batasan sempadan pengurusannya dan ia menyangka bahawa dakwaannya itu merupakan sesuatu yang hakikat

dan dapat dibuktikan.

Ia juga memahami bahawa tugasnya ialah berusaha untuk melakukan peningkatan dan penyempurnaan diri, yang lahir daripada kecintaannya kepada dirinya sendiri.

Demikianlah mereka menyandarkan laluan mereka di atas dasar yang banyak dan rosak. Mereka membinanya di atas asas-asas yang runtuh dan lemah itu. Kami telah membuktikan dengan pasti, tentang sejauh mana keremehan dan kerosakan asas-asas tersebut di dalam banyak risalah kami, terutamanya dalam al-Kalimat dan terutamanya lagi dalam Kalimah Kedua Belas dan Kalimah Kedua Puluh Lima yang khusus membicarakan mukjizat-mukjizat al-Qur'an.

Para pembesar, perintis dan pelopor falsafah seperti Plato, Aristotle, Ibn Sina dan al-Farabi telah beriktikad - berdasarkan asas-asas yang rosak itu - bahawa matlamat terakhir bagi kesempumaan kemanusiaan ialah 'menyerupakan diri' dengan yang wajib wujud, iaitu Tuhan Yang Maha Mencipta. Mereka menamakan ini sebagai hukum pemerintahan Fir'aun yang melampaui batasan. Mereka menyediakan jalan bagi kebanyakan golongan-golongan yang terseret ke dalam berbagai-bagai jenis kesyirikan seperti penyembah sebab, penyembah berhala, penyembah tabi'i (nature) dan penyembah bintang, dengan membangkitkan 'keakuan' agar berjalan bebas di lembah-lembah syirik dan kesesatan. Mereka menutup jalan ke arah ubudiyah kepada Allah. Mereka mengunci pintu-pintu kelemahan, kedaifan, kefakiran, kemiskinan, keperluan

dan kekurangan yang terdapat dalam fitrah manusia. Lalu mereka sesat di dalam lumpur semula jadi, sama sekali tidak selamat daripada paya kesyirikan dan tidak mendapat panduan ke arah pintu kesyukuran yang luas itu.

Manakala mereka yang berada di atas jalan kenabian, mereka telah melakukan hukuman yang dipenuhi dengan ubudiyah yang ikhlas kepada Allah Yang Maha Esa. Mereka memutuskan bahawa matlamat terakhir bagi kemanusiaan dan tugas asasnya ialah berakhlak dengan akhlak ketuhanan, iaitu menghiaskan diri dengan pelbagai ciri mulia dan sifat terpuji yang diperintahkan oleh Allah. Juga manusia hendaklah menyedari kelemahannya lalu dia berlindung kepada kudrat Allah; melihat kelemahannya lalu dia mempertahankan dirinya dengan kekuasaan Allah; menyaksikan kefakirannya, lalu dia berlindung dengan rahmat Allah; melihat kehajatnya, lalu dia mengambil daripada kekayaan Allah, mengetahui kekurangannya, lalu dia beristighfar kepada Allah; dan menyedari kekurangannya, lalu dia bertasbih dan menyucikan kesempurnaan Allah (s:w.t.).

Oleh sebab falsafah yang menderhaka kepada agama telah sesat sejauh-sejauhnya, maka 'ana' telah menjadi pemegang kepada segala urusannya, dan bergegas-gegas menuju setiap jenis kesesatan.

Demikianlah bagaimana pohon zaqum tumbuh di atas puncak salah satu sudut 'ana' ini, yang telah menyelubungi separuh daripada kemanusiaan dengan kesesatannya dan membawa mereka menyeleweng daripada jalan yang lurus.

Manakala buah yang dipersembahkan oleh pohon zaqum yang keji itu kepada pandangan manusia, ia merupakan pelbagai berhala dan tuhan yang berada di atas dahan kekuatan kebinatangan yang bersyahwat. Ini kerana falsafah pada dasarnya mengutamakan kekuatan dan menjadikannya asas dan kaedah yang menentukan hala tuju manhajnya, hinggan dasar ‘kekuasaan bagi yang menang’ merupakan salah satu perlembagaannya. Ia juga mengambil prinsip ‘kebenaran berada di dalam kekuatan’⁶, lantas secara tidak langsung ia mengkagumi kezaliman dan permusuhan, serta menggesa dan mengheret para taghut dan pembesar yang zalim lagi melampaui batas agar mengaku diri sendiri sebagai tuhan.

Falsafah juga memiliki keindahan yang terdapat pada segala makhluk, dan kecantikan rupa paras dan bentuknya, ia memilikinya kepada makhluk dan rupa paras itu sendiri, dengan melupakan bahawa keindahan dan kecantikan itu sebenarnya merupakan jelmaan kepada keindahan dan kecantikan suci bagi Tuhan Yang Maha Indah, Cantik, Maha Suci, Pembentuk rupa paras dan Pencipta. Falsafah hanya berkata: “Alangkah cantiknya benda ini!” yang sepatutnya ia berkata: “Alangkah cantiknya penciptaan (kejadian) benda ini!” Dengan ini, falsafah telah menjadikan kecantikan dan keindahan itu sendiri umpama berhala yang berhak untuk disembah!

Falsafah juga memperelok fenomena kemasyhuran dan

⁶ ‘Kenabian’ pula hanya memperakui kekuatan yang berada di dalam (digunakan untuk) kebenaran, bukan ‘kebenaran berada dalam kekuatan’. Kenyataan ini menolak kezaliman dan merealisasikan keadilan.
- Pengarang.

glamor dan rupa luaran yang indah dengan tujuan riak dan membanggakan diri. Kerana itu, ia mengalukan orang-orang yang riak, mendorong mereka supaya berterusan berada dalam kesesatan dan menjadikan mereka umpama berhala-berhala yang menjadi hamba kepada orang yang menyembahnya⁷.

Pohon zaqum itu juga membela para Fir'aun, Namrud dan para taghut agar menguasai keseluruhan manusia yang lemah di atas dahan kekuatan kemarahan.

Manakala di atas dahan kekuatan akal pula, ia meletakkan golongan ateis, materialis, naturalis dan yang seumpama mereka yang terdiri daripada buah-buahan yang keji di dalam akal kemanusiaan, lalu menyebabkan akal manusia bercelaru tidak mampu berfikir dengan sebaiknya.

Untuk menjelaskan hakikat ini, kami membandingkan natijah-natijah yang terhasil melalui asas yang rosak melalui jalan falsafah dan daripada natijah-natijah yang terhasil daripada asas yang benar melalui jalan kenabian. Kami akan membataskan perbincangan ini terhadap beberapa contoh sahaja daripada ribuan perbandingan yang ada.

Contoh Pertama:

Antara kaedah kenabian yang diperakui dalam kehidupan peribadi manusia ialah **تَخَلَّفُوا بِأَخْلَاقِ اللَّهِ** ‘berakhlak dengan

7 (Maksudnya, mereka yang seumpama berhala itu menzahirkan suasana-suasana yang menyerupai peribadatan di hadapan para pengagum mereka, demi menarik perhatian mereka dan sebagai memenuhi tuntutan hawa nafsu mereka. Oleh itu merekalah penyembah dari satu sudut, manakala dari sudut yang lain mereka juga objek yang disembah. - Pengarang.)

akhlak Allah'. Yakni hendaklah kamu menjadi hamba Allah yang ikhlas, berhias dengan akhlak-akhlak-Nya, berlingung dengan lindungan-Nya, mengiktiraf kelemahan, kefakiran dan kekurangan kamu dengan sesungguhnya.

Maka apakah kedudukan kaedah ini jika dibandingkan dengan kata-kata falsafah: "Serupakanlah dirimu dengan (Tuhan) yang wajib (wujud)", yang dijadikan sebagai matlamat tertinggi oleh falsafah bagi kemanusiaan?

Apalah sangat hakikat manusia yang sentiasa bergelumang dengan kelemahan, kedaifan, kefakiran dan keperluan yang tidak terbatas jika dibandingkan dengan hakikat (Tuhan) yang wajib wujud, iaitu Allah Yang Maha Berkuasa, Gagah, Kaya dan Tinggi itu!

Contoh Kedua:

Antara kaedah kenabian yang sabit dalam kehidupan sosial, bahawa tolong-menolong merupakan satu perlembagaan yang menguasai alam ini, bermula daripada matahari dan bulan, hingga kepada tumbuh-tumbuhan dan haiwan. Dapat anda perhatikan bahawa tumbuh-tumbuhan membekalkan makanan kepada binatang. Binatang pula membekalkan makanan kepada manusia. Bahkan ketulan-ketulan makanan membekalkan kekuatan dan memperikan pertolongan kepada sel-sel badan.

Bagaimana perlembagaan yang lurus ini, iaitu perlembagaan tolong-menolong, undang-undang kemuliaan dan peraturan pemuliaan ini, dapat dibandingkan dengan perlembagaan 'pertarungan' yang dibawa oleh falsafah

yang mengatakan bahawa ‘pertarunganlah’ yang menjadi pemutus terhadap kehidupan sosial. Perlu diketahui bahawa ‘pertarungan’ hanya lahir daripada sesetengah golongan zalim dan binatang buas yang mencakar, hasil daripada salah guna yang dilakukan terhadap fitrah mereka. Bahkan falsafah terus tenggelam dalam kesesatan sehingga menjadikan perlembagaan ‘pertarungan’ sebagai pemerintah yang menguasai seluruh kewujudan ini. Lalu ia memperakukan dengan kebodohan dan kedunguan yang teramat, bahawa kehidupan ini menjadi perdebatan dan pertarungan semata.

Contoh Ketiga:

Antara natijah dan kaedah kenabian yang ideal lagi tinggi dalam bidang tauhid ialah bahawa **الْوَّاحِدُ لَا يَصْنَعُ إِلَّا** **عَنِ الْوَّاحِدِ** ‘*satu tidak lahir melainkan dari satu juga*’. Iaitu setiap sesuatu yang mempunyai unit, tidak lahir melainkan dari satu sahaja, kerana selagi setiap benda itu mempunyai unit yang zahir, maka sudah tentu ia terhasil daripada ‘pengadaan’ yang dilakukan oleh zat yang satu. Manakala perlembagaan dan akidah kepercayaan falsafah lama pula mengatakan bahawa **الْوَّاحِدُ لَا يَصْنَعُ عَنْهُ إِلَّا الْوَّاحِدُ** ‘*satu tidak melahirkan melainkan satu sahaja*’. Iaitu tidak lahir daripada zat yang satu melainkan satu benda sahaja, kemudian benda-benda lain, lahir atau terhasil melalui perantaraan beberapa benda pengantara. Kaedah falsafah lama ini memberikan sejenis bentuk kesyirikan kepada sebab dan pengantara yang wujud dalam sifat rububiyah. Ia juga menzahirkan bahawa Tuhan Yang Maha Berkuasa terhadap segala sesuatu, Maha Kaya secara mutlak dan tidak

memerlukan kepada yang lain, perlu kepada pengantara-pengantara yang lemah. Bahkan mereka telah sesat sejauh-jauhnya dan memberikan nama makhluk kepada al-khaliq (pencipta) sebagai akal pertama! Mereka membahagikan seluruh kerajaan-Nya di antara para pengantara tersebut dan membuka jalan yang luas ke arah syirik yang nyata.

Di manakah kedudukan perlembagaan tauhid kenabian itu jika hendak dibandingkan dengan falsafah lama yang berpenyakit, tercemar dengan syirik dan terpalit dengan kesesatan itu?

Jika golongan al-Ishraqi (Illuminis) yang merupakan golongan ahli falsafah yang paling tinggi nilai falsafah dan kebijaksanaannya sudahpun mengucapkan kata-kata yang rendah ini, maka bagaimanakah pula dengan ahli falsafah dan hikmat lain yang terdiri daripada para materialis dan naturalis?

Contoh keempat:

Antara perlembagaan bijaksana kenabian menyebutkan bahawa setiap sesuatu mempunyai banyak hikmat dan manfaat, hingga-kan bilangan buah kepada hikmat itu adalah sama banyak dengan bilangan buah yang terdapat pada sesuatu pokok, sebagaimana yang difahami daripada firman Allah (s.w.t)

وَأِنْ مِنْ شَيْءٍ إِلَّا يُسَبِّحُ بِحَمْدِهِ

Maksudnya: “Dan tiada sesuatupun melainkan bertasbih dengan memuji-Nya.” (Al-Isra’ 17:44)

Jika terdapat hanya satu natijah - daripada penciptaan benda-benda yang mempunyai kehidupan - tertuju kepada makhluk itu sendiri, atau hanya terdapat hanya satu hikmat daripada kewujudannya itu yang kembali kepadanya, nescaya akan terdapat ribuan natijah dan hikmat yang kembali dan tertuju kepada tuhannya yang maha bijaksana dan penciptanya yang maha mulia.

Manakala perlembagaan falsafah pula mengatakan bahawa hikmat dan faedah daripada penciptaan setiap hidupan tertuju kepada dirinya sendiri, atau kembali kepada manfaat dan kepentingan manusia itu sendiri! Kaedah ini merampas banyak hikmat yang dihubungkan dengan segala benda yang wujud dan memberikan sebahagian buah sahaja umpama sebiji sawi jika dibandingkan dengan pohon besar yang hebat, lalu ia menukaikan semua benda yang wujud menjadi sesuatu yang sia-sia.

Di manakah kedudukan kaedah falsafah yang rosak itu - yang pada hakikatnya tidak mempunyai hikmatpun - dan mewarnai semua kewujudan itu jika hendak dibandingkan dengan hikmat benar kenabian?

Kami membataskan perbincangan ini hingga setakat ini sahaja, kerana telah kami bincangkan secara panjang lebar dalam Hakikat Kesepuluh pada Kalimah Kesepuluh.

Dengan itu, boleh anda kiaskan ribuan contoh lain berdasarkan keempat-empat contoh yang telah kami sebutkan di atas. Kami juga telah mengisyaratkan kepada sebahagian daripadanya pada risalah *al-Lamaat*.

Kerana sandaran falsafah adalah kepada asas-asas yang lemah serta natijah-natijahnya mengecewakan, maka ahli-ahli falsafah Islam yang hebat, yang terpesona dengan kilauan hiasan falsafah, terdorong untuk menuruti jalan itu, umpama Ibn Sina dan al-Farabi. Maka mereka hanya memperoleh darjat iman yang paling rendah sekali, iaitu daijat iman orang biasa. Bahkan Hujjatul Islam al-Imam al-Ghazali tidak memberikan mereka darjat tersebut.

Demikian juga dengan para imam al-Mu'tazilah. Mereka merupakan ulama ilmu kalam yang mempunyai ilmu mendalam. Namun disebabkan mereka terfitnah dengan falsafah dan hiasannya dan kerana mereka mengeratkan hubungan dengan falsafah dengan menjadikan akal sebagai hakim, mereka tidak memperoleh apa-apa melainkan darjat seorang mukmin peringkat permulaan (mubtadi') lagi fasiq.

Demikian juga dengan Abu al-Ala' al-Ma'arri yang merupakan salah seorang tokoh sasterawan Islam yang tersohor dengan pesimistiknya, dan Umar al-Khayyam yang masyhur dengan ratapan keyatimannya, serta sasterawan-sasterawan lain yang terbilang dan terpedaya dengan falsafah dan yang jiwa *ammarah bi al-su'* mereka terpesona dengannya, telah menerima tamparan pengajaran dan lempangan penghinaan serta pengkafiran daripada ahli-ahli hakikat dan kesempurnaan. Mereka ditempelak dengan kata-kata: "*Wahai orang-orang yang bodoh! Kamu melakukan kebodohan dan akhlak yang buruk. Kamu juga melalui jalan golongan kafir zindiq, bahkan kamu membela dan memeliharanya dalam dakapan kamu!*"

Antara natijah kepada falsafah yang rosak itu ialah bahawa ‘ana’ yang tidak mempunyai zat melainkan hanyalah suatu hakikat yang lemah, seolah-olah seperti udara atau wap sahaja, tetapi dengan pandangan falsafah yang pesimistik, berdasarkan pandangannya terhadap sesuatu dengan pengertiannya sebagai nama (*ism*), ‘ana’ itu menjadi cair. Tetapi dengan sebab kejinakan dan ketenggelaman ke dalam kebendaan dan syahwat, ia seolah-olah mengeras semula. Kemudian ia dihinggapi oleh kealpaan dan keingkaran, lalu ‘keakuan’ itu terbeku semula. Kemudian dengan penderhakaan terhadap titah perintah Allah ‘ana’ itu menjadi keruh, kehilangan kejernihan dan kehalusannya lalu menjadi pekat. Kemudian ia menjadi keras semula sedikit demi sedikit sehingga ia berupaya menelan tuannya. Bahkan ‘ana’ itu tidak berhenti setakat itu sahaja, tetapi ia mula membesar, membusung dan meluas dalam pemikiran manusia sehingga ia mula menyukat dan mengukur manusia, bahkan sebab-musabab dengan membandingkannya dengan dirinya sendiri. Lalu dia memakaikan sifat Fir’aun kepada dirinya, sekalipun dia enggan dan meminta perlindungan daripada memiliki sifat tersebut. Apabila sampai ke tahap itu, dia mula melangkah masuk ke dalam peringkat penentang kepada perintah-perintah Allah, lalu dia sanggup berkata:

مَنْ يُحْيِي الْعِظَامَ وَهِيَ رَمِيمٌ

Maksudnya: “Siapakah yang dapat menghidupkan tulang-tulang yang telah hancur seperti debu? (Yasin 36:78)

Seolah-olah dia mencabar Allah dan menuduh-Nya lemah. Kemudian dia sanggup campur tangan dalam sifat-sifat Allah, lalu dia mengingkari atau mengubah suai atau menolak sifat-sifat yang tidak sesuai dengan hawa nafsunya, atau yang tidak dikagumi oleh ego kefir'aunannya. Contohnya:

Sekumpulan ahli falsafah menamakan Allah S.W.T sebagai al-mujib bi al-dhat (yang mewajibkan pewujudan sesuatu dengan dhat-Nya), lalu mereka menafikan sifat iradah (berkehendak) dan ikhtiyar (pilihan) daripada Allah. Mereka mendustakan penyaksian seluruh alam terhadap sifat iradah-Nya yang mutlak.

Maha Suci Allah! Alangkah ajaibnya manusia ini! Segala kewujudan, daripada atom sehingga matahari, kesemuanya dengan jelas menunjukkan sifat iradah Allah (s.w.t), bagaimana benda-benda itu wujud, tersusun, mempunyai hikmat dan neraca tertentu; bagaimanakah ia tidak boleh dilihat oleh mata falsafah? Semoga Allah membutakan mata mereka!

Sekumpulan ahli falsafah yang lain pula mendakwa bahawa ilmu Allah tidak bergantung dengan *juz'iyat*, dengan menafikan bahawa ilmu Allah meliputi segala sesuatu. Mereka juga enggan menerima penyaksian benar seluruh makhluk terhadap keilmuan Allah yang meliputi segala sesuatu.

Falsafah juga mengurniakan sifat 'memberi kesan' kepada sebab-musabab, memberikan sifat 'pengadaan' dan 'penciptaan' kepada tangan semula jadi (nature). Ia tidak

melihat tanda-tanda berkerlipan yang terdapat pada setiap benda wujud yang menunjukkan kepada Tuhan Pencipta Yang Maha Besar — sebagaimana yang telah kami buktikan di dalam Kalimah Kedua Puluh Dua. Di samping itu, ia juga menyandarkan penciptaan sebahagian makhluk yang wujud - yang pada hakikatnya merupakan hasil bentukan tangan Ilahi - kepada semula jadi (nature) yang lemah, beku dan tidak mempunyai perasaan, yang memiliki hanya kebetulan dan kekuatan yang meraba-raba dan buta sahaja. Ia menjadikan semulajadi (nature) sebagai sumber kepada penciptaan sesuatu dan pemberi kesan terhadapnya! Dengan itu, ribuan hikmat yang terdapat pada segala makhluk yang wujud terlindung tidak dapat dilihat lagi.

Falsafah juga, tidak mendapat petunjuk ke arah pintu akhirat yang luas. Ia mendustakan kebangkitan semula manusia dan mendakwa bahawa roh bersifat azali. Sedangkan Allah (s.w.t.) dengan segala *al-Asma' al-Husna-Nya.*, alam dengan segala hakikatnya, nabi-nabi dan rasul-rasul dengan segala hakikat yang mereka bawa dan kitab-kitab langit dengan segala ayatnya yang mulia, menjelaskan bahawa kebangkitan semula dan akhirat pasti akan berlaku, sebagaimana yang telah kami buktikan pada Kalimah Kesepuluh (berkenaan dengan kebangkitan semula manusia selepas kematian).

Dengan ini, anda bolehlah membandingkan keseluruhan permasalahan perbincangan falsafah dengan khurafat-khurafat ini.

Ya! Seolah-olah syaitan menyambar akal ahli falsafah

yang mulhid itu dengan paruh, kuku dan taring ‘ana’ dan mencampakkannya ke lembah kesesatan, lalu dicarikkannya dengan teruk sekali.

‘Ana’ di alam yang kecil (iaitu alam manusia), sama dengan semula jadi (nature) di maya yang luas. Keduanya merupakan taghut. Firman Allah (s.w.t)

فَمَنْ يَكْفُرْ بِالطَّاغُوتِ وَيُؤْمِنُ بِاللَّهِ فَقَدِ اسْتَمْسَكَ بِالْعُرْوَةِ الْوُثْقَى
لَا انفِصَامَ لَهَا وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ

Maksudnya: “Oleh itu, sesiapa yang tidak mempercayai Taghut dan ia pula beriman kepada Allah, maka sesungguhnya ia telah berpegang kepada simpulan (tali agama) yang teguh yang tidak akan putus. Dan (ingatlah), Allah Maha Mendengar; lagi Maha Mengetahui.” (Al-Baqarah 2:256)

Lapan tahun sebelum saya mengarang risalah ini, saya telah melihat satu kejadian khayalan. Ketika itu saya berada di Istanbul pada bulan Ramadan yang mulia. Ketika itu juga, Said Lama yang sedang menyibukkan diri dengan falsafah, hampir bertukar untuk menjelma menjadi Said Baru. Ketika saya memerhatikan tiga jalan yang diisyaratkan pada akhir Surah al-Fatihah, iaitu firman Allah:

صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ

saya melihat kejadian khayali tersebut, iaitu satu kejadian yang menyerupai sebuah mimpi. Ketika itu,

saya merakamkan kejadian itu di dalam kitab saya yang bertajuk *al-Lamaat* dalam bentuk pelancongan khayalan dan menyerupai puisi. Sekarang, sudah tiba masanya untuk saya menerang dan menghuraikan maknanya, kerana ia menjelaskan lagi hakikat yang tersebut di atas.

Saya melihat diri saya berada di tengah padang pasir yang amat luas. Langit bergelora dengan awan yang hitam pekat. Nafas hampir tersekat. Tiada bayu, tiada cahaya, tiada air. Semuanya hilang.

Saya terbayang seolah-olah bumi ini dipenuhi dengan binatang-binatang buas dan memudaratkan. Lalu terlintas di dalam hati saya bahawa di sebelah sana bumi terdapat angin sepoi-sepoi bahasa, air yang lazat dan cahaya yang indah. Oleh itu saya mesti melintas untuk pergi ke sana. Kemudian saya mendapati saya ditarik menuju ke tempat tersebut tanpa kehendak saya. Saya memasuki sebuah gua di dalam tanah umpama terowong yang menembusi gunung. Saya berjalan, selangkah demi selangkah di dalam perut bumi. Saya melihat ramai orang telah mendahului saya melalui jalan tersebut yang berada di dalam perut bumi itu, tetapi mereka tidak meneruskan perjalanan mereka kerana mereka tetap berada di tempat mereka dalam keadaan tercekik. Saya melihat kesan-kesan tapak kaki mereka dan kadang-kadang terdengar suara beberapa orang daripada mereka. Kemudian suara-suara mereka terputus tidak kedengaran lagi.

Wahai saudaraku yang menemaniku dalam perjalanan khayalanku ini!

Bumi itu ialah tabiat (nature) dan falsafah tabi'i. Manakala terowong itu pula merupakan jalan yang dilalui oleh ahli falsafah dengan pemikiran mereka bagi mencapai hakikat. Kesan-kesan tapak kaki yang saya lihat pula menjadi kepunyaan ahli-ahli falsafah yang tersohor seperti Plato dan Aristotle⁸. Suara-suara yang saya dengar ialah suara orang yang pintar seperti Ibn Sina dan al-Farabi. Ya, saya pernah menjumpai kata-kata Ibn Sina dan beberapa undang-undangnya di beberapa tempat, namun suara itu terus terputus sama sekali. Ini menunjukkan bahawa dia tidak mampu untuk terus maju ke hadapan, kerana sudah tercekik. Walau bagaimanapun, saya telah menjelaskan kepada anda sebahagian hakikat yang tersembunyi dalam khayalan untuk mengurang dan meringankan kerinduan anda. Sekarang marilah kita kembali kepada kisah perjalanan atau pelancongan saya!

Saya terus berjalan, tiba-tiba terdapat dua benda berada

8. Jika anda berkata,siapakah anda sehingga anda dapat menandingi mereka yang tersohor itu? Adakah anda menjadi umpama alat yang cuba campur tangan untuk terbang bersama-sama dengan banyak helang yang besar? Saya menjawab, kerana saya mempunyai seorang ustaz yang agung, iaitu al-Qur'an al-Karim, maka saya rasa tidak terpaksa untuk mempedulikan sedikitpun - dalam perjalanan mencari hakikat dan makrifat - helang-helang yang hebat itu, yang menjadi murid kepada falsafah yang tercemar dengan kesesatan dan akal yang teruji dek angan-angan. Walaupun kedudukan saya lebih rendah satu darjat daripada kedudukan mereka, namun ustaz mereka jauh lebih rendah tidak terhingga, jika dibandingkan dengan kedudukan ustaz saya. Dengan kelebihan dan ketinggian hemah yang terdapat pada ustaz saya, bahan-bahan cairan yang menenggelamkan mereka, tidak berjaya walaupun hanya untuk membasahkan kaki saya. Ya! Seorang raja biasa yang menjalankan perintah dan undang-undang seorang raja yang hebat, mampu melaksanakan pekerjaan yang tidak dapat dilakukan oleh seorang jeneral yang bekerja di sisi seorang raja yang tidak berkuasa.
– Pengarang

di dalam tangan saya.

Pertama: Sebuah lampu elektrik yang memecah kegelapan tabi'i yang berada di bawah bumi.

Kedua: Sebuah alat besar yang menghancurkan ketulan-ketulan batu sebesar gunung, lalu terbuka sebuah jalan di hadapan saya.

Ketika itu, dibisikkan ke telinga saya: “Kedua-dua lampu dan alat itu, dikurniakan kepada engkau daripada khazanah al-Qur'an.” Demikianlah keadaan saya sehingga saya berjalan beberapa ketika lagi dalam keadaan tersebut. Kemudiannya saya mendapati din saya sudah sampai ke sebelah sana. Tiba-tiba matahari memancarkan cahaya ke langit bersih, cantik dan tidak mempunyai awan, pada musim bunga yang indah permai. Bayu bertiup seolah-olah mempunyai roh. Air lazat, segar dan sejuk mengalir. Saya melihat satu alam yang diliputi oleh kegembiraan dan dipenuhi oleh kegirangan di segenap penjuru, lalu saya memuji Allah.

Kemudian saya melihat kepada diri saya, lalu saya mendapati bahawa saya tidak memiliki dan tidak mempunyai kekuasaan ke atas semuanya itu. Bahkan salah seorang -daripada mereka mencuba menguji saya. Tiba-tiba saya dapati diri saya sekali lagi berada di padang pasir yang amat luas. Awan tebal menggunungi bumi lalu keadaan menjadi gelap pekat. Pernafasan hampir tercekik kerana kesempitan. Saya merasa ada seorang pemandu yang membawa saya ke jalan yang lain. Tiba-tiba saya melihat bahawa pada kali ini, saya berjalan di atas permukaan bumi, bukan di dalam perut

bumi, menuju ke sebelah sana bumi. Dalam perjalanan ini, saya melihat beberapa perkara yang menakjubkan dan pemandangan-pemandangan ganjil yang tidak mampu untuk digambarkan; laut kelihatan marah terhadap saya, angin puting beliung mengancam saya dan setiap benda mencampakkan halangan dan kesukaran di hadapan perjalanan saya itu. Tetapi segala kesukaran itu dipermudah dengan kelebihan perjalanan pelancongan ini yang dianugerahkan kepada saya melalui al-Qur'an al-Karim. Saya berjaya mengatasi kesukaran tersebut dengan wasilah tersebut. Saya mula mengatur langkah demi langkah. Saya melihat jasad dan mayat para pelancong bergelimpangan di tepi jalan, di sana sini. Hanya seorang dalam seribu orang yang berjaya menghabiskan perjalanan pelancongan ini. Walau bagaimanapun, saya terselamat daripada kegelapan awan yang mencekik itu dan saya berjaya sampai ke sebelah sana bumi. Saya menemui matahari hakikat yang indah, saya merasai tiupan angin yang segar dan saya mula bersiar-siar di dalam dunia yang indah seperti syurga itu, seraya mengulang-ulangkan perkataan 'Alhamdulillah'.

Kemudian saya tidak ditinggalkan begitu saja di sana. Terdapat seorang yang seolah-olahnya mahu menunjukkan satu jalan lain kepada saya. Lantas dengan segera dia mengembalikan saya ke tempat permulaan saya tadi iaitu di padang pasir yang luas itu. Saya melihat, tiba-tiba saya mendapati beberapa benda berjatuh dari atas seperti lif-lif elektrik turun ke bawah dalam pelbagai bentuk. Sebahagiannya menyerupai kapal terbang, sebahagian lain menyempai kereta dan sebahagian lain menyerupai bakul-bakul yang bergantung. Mana-mana manusia yang boleh

bergantung dengan salah satu benda tersebut, berdasarkan kekuatan dan kesediaannya, dia akan diangkat ke atas. Lalu saya menaiki salah satu daripada benda tersebut. Tiba-tiba, dalam satu minit sahaja, saya sudah berada lebih tinggi daripada awan, di atas kemuncak pergunungan yang indah dan menghijau. Awan hanya berjaya sampai separuh ketinggian gunung itu sahaja. Di setiap tempat kelihatan terdapat cahaya yang indah, air yang lazat dan bayu yang lembut. Ketika saya melayangkan pandangan ke seluruh pelosok tempat tersebut, saya nampak rumah-rumah bercahaya yang menyerupai lif, bertaburan di segenap tempat. Saya juga telah melihat seumpamanya di sebelah sana bumi dalam dua perjalanan saya sebelum ini, tetapi saya tidak memahami apa-apa. Namun saya sekarang memahami bahawa rumah-rumah tersebut sebenarnya ialah jelmaan kepada ayat-ayat al-Qur'an al-Karim.

Demikianlah, jalan pertama ialah jalan orang yang sesat sebagaimana yang diisyaratkan oleh perkataan *وَلَا الضَّالِّينَ*, iaitu jalan orang yang tergelincir daripada kefahaman sebenar dengan mengambil konsep tabi'i (nature) dan memelopori pemikiran golongan naturalis. Anda semua telah merasai bagaimana kesukaran yang terpaksa ditempuh untuk sampai kepada hakikat melalui jalan yang penuh dengan masalah dan halangan.

Jalan kedua ialah jalan yang diisyaratkan oleh perkataan *غَيْرِ الْمَغْضُوبِ*, iaitu jalan para penyembah sebab - musabab, dan orang yang memberikan sifat 'mencipta' dan 'mengadakan' kepada perantaraan (makhluk). Mereka juga menyandarkan 'pengesanan' (al-ta'thir) kepada perantaraan

tersebut. Mereka mahu mencapai hakikat makrifat Allah (s.w.t) melalui jalan akal dan pemikiran semata-mata. Mereka adalah seperti golongan ahli falsafah al-Masha'iyun.

Manakala jalan ketiga yang diisyaratkan oleh perkataan **الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ** ialah jalan lurus, serius dan bercahaya bagi ahli al-Qur'an. Ia menjadi jalan yang paling pendek, paling selamat dan paling mudah. Ia terbuka di hadapan semua orang untuk melalunya. Ia merupakan jalan langit, kerahmatan dan cahaya.

Tujuan Kedua: Zarah

(Khusus tentang perubahan zarah atau atom)

Mengisyaratkan kepada salah satu zarah daripada khazanah ayat al-Qur'an berikut:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
 وَقَالَ الَّذِينَ كَفَرُوا لَا تَأْتِينَا السَّاعَةُ قُلْ بَلَىٰ وَرَبِّي لَتَأْتِيَنَّكُمْ عَالِمِ الْغَيْبِ
 لَا يَعْزُبُ عَنْهُ مِثْقَالُ ذَرَّةٍ فِي السَّمَوَاتِ وَلَا فِي الْأَرْضِ وَلَا أَصْغَرُ
 مِنْ ذَلِكَ وَلَا أَكْبَرُ إِلَّا فِي كِتَابٍ مُّبِينٍ

Maksudnya: “Dan orang-orang yang kafir berkata: “Hari kiamat itu tidak akan datang kepada kami.” Katakanlah (wahai Muhammad): “Bahkan (tetap datang). Demi Tuhanku yang mengetahui segala perkara yang ghaib! Hari kiamat itu sesungguhnya akan datang kepada kamu. Tiada tersembunyi dari pengetahuan-Nya barang seberat debit yang ada di langit atau di bumi dan tidak ada yang lebih kecil daripada itu atau yang lebih besar melainkan semuanya tertulis di dalam Kitab yang terang nyata.” (Saba’ 34:3)

Tujuan ini menjelaskan secebis zarah daripada khazanah agung bagi ayat tersebut. Iaitu ia menjelaskan permata yang dikandung oleh peti kecil zarah tersebut. Ia juga menyentuh sebahagian yang amat kecil daripada pergerakan dan tugas sesuatu zarah. Ini dijelaskan di dalam tiga noktah dan didahului oleh mukadimah.

MUKADIMAH

Perubahan dan perlegaran zarah-zarah merupakan gambaran kepada gegaran dan perpindahannya ketika berlaku penulisan kalam kekuasaan Ilahi bagi tanda-tanda kekuasaan Allah yang berbentuk (kejadian) (*takwini*) pada kitab alam ini. Ia bukanlah sebagaimana yang disangkakan oleh golongan materialis dan naturalis yang mengatakan bahawa ia menjadi mainan ‘kebetulan’ melalui pergerakan ‘tak tentu’ yang tidak mempunyai sebarang makna dan tujuan. Ini kerana setiap zarah akan berkata pada permulaan pergerakannya: “Bismillah”, sebagaimana yang diucapkan oleh sekalian benda yang wujud. Juga kerana zarah itu memikul bebanan-bebanan yang keberatannya jauh melebihi daripada kemampuannya yang terbatas. Seperti biji benih pohon pain yang memikul batang pohonnya yang besar di atas bahunya. Kemudian setelah selesai melaksanakan tugasnya, ia berkata: “*Alhamdulillah*”, kerana ia menzahirkan kesan yang indah, seolah-olah ia mengungkapkan satu kasidah yang cemerlang untuk memuji Tuhan Pencipta Yang Maha Mulia, kerana keindahan kualiti yang terdapat di dalam ciptaan-Nya, serta keindahan gambaran yang menunjukkan pengertian mendalam yang dibingungi oleh akal. Jika anda mahu, anda boleh melihat buah delima dan jagung dengan mendalam.

Ya! Sesungguhnya perubahan dan perpindahan zarah-zarah, merupakan pergerakan dan gegaran yang mempunyai pengertian yang mendalam. Ia lahir daripada penulisan

kalimah-kalimah kekuasaan Ilahi dan pemadamannya pada papan (*lawh*) pemadaman dan penetapan (*al-mahw waal-ithbat*), yang merupakan hakikat zaman yang sentiasa berjalan dan lembarannya yang mithali. Penulisan kalam kekuasaan Ilahi itu disalin daripada kitab yang jelas (*al-kitab al-mubin*) yang menjadi tanda kepada kudrat dan iradat Allah (s.w.t). Ia juga merupakan paksi pengurusan untuk mengadakan dan membentuk sesuatu daripada dunia kenyataan dan zaman sekarang, berdasarkan perlembagaan al-Qur'an yang menjadi paksi kepada seluruh ciri-ciri asasi, ciri-ciri rantingan dan keistimewaan segala sesuatu, iaitu menjadi paksi kepada asal setiap benda yang telah lalu, mahupun keturunan yang akan datang, yang berada di dalam lipatan alam ghaib. Ia juga menjadi tanda kepada ilmu Ilahi dan segala urusan pemerintahannya.⁹

9. Perkataan *al-imam al-mubin dan al-kitab al-mubin* disebutkan beberapa kali di dalam al-Qur'an. Sesetengah ahli tafsir mengatakan bahawa kedua-duanya mempunyai makna yang sama. Manakala sesetengah yang lain mengatakan bahawa maknanya berbeza dan mereka menafsirkan hakikatnya dengan beberapa sudut yang berbeza. Kesimpulan penafsiran mereka, bahawa kedua-dua perkataan tersebut merupakan dua tanda yang menunjukkan kepada ilmu Ilahi. Akan tetapi saya yakin sepenuhnya - melalui limpahan al-Qur'an terhadap saya - bahawa perkataan *al-imam al-mubin* merupakan satu tanda kepada satu jenis ilmu Ilahi, yang lebih tertuju kepada alam ghaib daripada alam kenyataan, iaitu ia lebih tertuju kepada masa lalu dan akan datang daripada tertuju kepada masa sekarang. Dengan kata-kata lain, ia merupakan rekod bagi *qadar* (takdir) Ilahi yang melihat kepada asal dan keturunan segala sesuatu. Melihat akar umbi dan biji benihnya lebih daripada melihat kepada kewujudan zahirnya. Kewujudan rekod ini telah dibuktikan dalam Kalimah Kedua Puluh Enam dan juga pada catatan bawah Katimah Kesepuluh. Ya! *Al-Imam al-mubin* ini merupakan tanda bagi satu jenis ilmu Ilahi. Ini bermakna bahawa pengeluaran dan penghasilan besar, umbi dan asas sesuatu dalam keadaan yang amat baik dan sempurna, menunjukkan bahawa sistem dan kesempurnaan ini berlaku berdasarkan rekod perlembagaan ilmu Ilahi. Kerana natijah, hasil, keturunan

atau benih sesuatu merupakan rekod kecil kepada titah perintah Ilahi kerana ia mengandungi pelbagai program dan senarai segala benda yang wujud, maka bolehlah kita katakan, bahawa biji benih - misalnya - merupakan gambaran terhadap pelbagai program dan senarai kecil yang dibentuk bagi seluruh bahan yang akan membentuk susunan pohon yang besar. Biji benih itu juga merupakan gambaran kepada arahan-arahan pembentukan (*al-takwiniyah*) yang menentukan pelbagai bentuk dan senarai itu.

Kesimpulannya, bahawa *Al-Imam al-mubin* ialah senarai dan pelbagai program bagi pohon penciptaan, yang segala akar, dahan dan rantingnya menjangkau masa lalu, akan datang dan alam yang ghaib. Dengan pengertian ini, ia menjadi rekod Ilahi dan bermacam-macam buku kepada perlembagaannya. Segala zarah diheret untuk bergerak dan melaksanakan tugasnya di dalam segala benda melalui penulisan dan hukum perlembagaan tersebut.

Manakala *al-kitab al-mubin* pula lebih tertuju kepada alam kenyataan atau penyaksian (*al-shahadah*) daripada tertuju kepada alam yang ghaib. Iaitu ia lebih melihat masa sekarang daripada melihat masa lalu dan akan datang. Oleh itu ia lebih menjadi tanda, rekod dan kitab kepada *al-qudrah* dan *al-iradah al-ilahiyah*, daripada menjadi tanda kepada ilmu dan perintah Ilahi. Dengan ungkapan lain, jika *al-imam al-mubin* adalah menjadi rekod kepada *qadar* (takdir) Ilahi, maka *al-kitab al-mubin* menjadi rekod kepada kekuasaan Ilahi (*al-qudrah al-Ilahiyah*). Maksudnya, ketertiban dan kualiti yang ada pada kewujudan, keperibadian, sifat dan hal ehwal sesuatu menunjukkan kewujudan telah disimbahkan ke atas sesuatu itu, membentuk gambarannya, menentukan kadarnya dan memberikan bentuknya yang khusus, berdasarkan perlembagaan kudrat yang sempurna dan undang-undang iradah yang berkesan. Maka *qudrah* dan *iradah ilahiyah* itu mempunyai undang-undang umum dan khusus, terpelihara dalam rekod agung, yang menghurai dan memberikan bentuk pakaian yang tertentu kepada setiap sesuatu, berdasarkan undang-undang tersebut. Kewujudan rekod ini telah terbukti dan disabitkan di dalam risalah *al-qadar al-ilahiyah wa al-juz' al-ikhtiyari*, sebagaimana terbukti juga kewujudan *al-imam al-mubin* di dalam risalah tersebut.

Lihatlah kedunguan para ahli falsafah yang sesat dan alpa! Mereka merasakan kewujudan loh mahfuz bagi kekuasaan Ilahi yang menciptakan. Mereka juga merasakan kehadiran fenomena-fenomena kitab yang melihat hikmat rabbani dan iradahnya yang terlaksana ke atas segala benda. Mereka juga perasan akan pelbagai gambaran dan contohnya, tetapi mereka menamakannya *tabi'i* (nature), lantas mereka memadamkan cahayanya. Maha Suci Allah!

Noktah Pertama: Mengandung Dua Perbahasan

Perbahasan Pertama

Apabila setiap zarah bergerak dan diam, terpancar dua cahaya tauhid. Kedua-duanya ibarat matahari yang memancar. Kami telah mem-buktikan dengan ringkas dan penuh keyakinan dalam Isyarat Pertama daripada Kalimah Kesepuluh dan kami menjelaskan lagi dalam Kalimah Kedua Puluh Dua, bahawa jika setiap zarah itu tidak diperintah dengan perintah-perintah daripada Allah (s.w.t.) dan jika ia tidak bergerak dengan keizinan dan perbuatannya dan jika ia tidak berubah dengan ilmu dan kudrat-Nya, nescaya pasti setiap zarah itu mempunyai ilmu yang tidak berkesudahan, kudrat yang tidak bersempadan, penglihatan

Demikianlah, melalui arahan daripada *al-kitab al-mubin*, iaitu dengan hukum dan pada takdir Ilahi dan perlembagaannya yang mesti dilaksanakan, *al-qudrah al-ilahiyah* menulis - ketika mengadakan siri benda-benda yang wujud yang kesemuanya menjadi tanda - mengadakan dan menggerakkan zarah-zarah di atas papan pepadaman dan penetapan (*al-mahw wa al-ithbat*) yang merupakan lembaran mithali kepada zaman.

Gerakan-gerakan zarah hanyalah gegaran dan gerakan yang berlaku ketika benda-benda yang wujud melintas - ketika berlaku penulisan dan penyalinan tersebut - dan alam yang ghaib kepada alam yang nyata, iaitu daripada ilmu kepada kudrat. Papan pepadaman dan penetapan pula menjadi rekod yang sentiasa berubah daripada loh mahfuz yang lebih besar, sabit dan berpanjangan. Papan penulisan dan pepadaman (*al-kitabah wa al-mahw*) pula berada di dalam kawasan benda-benda mumkinat (bukan *wajib al-wujud*), yakni 1 merupakan rekod bagi benda-benda yang sentiasa terdedah kepada mati dan hidup, kepada kebasaan dan kehidupan. kerana inilah hakikat masa (zaman). Ya! Sebagaimana setiap benda mempunyai hakikatnya, maka hakikat apa yang kita namakan sebagai zaman yang sentiasa berjalan bagaikan sebuah sungai besar di dalam alam ini, sebenarnya la sama dengan sehelai kertas dan dakwat yang digunakan bagi menulis *al-qudrah al-ilahiyah* di atas papan pepadaman dan penetapan. Hanya Allah yang mengetahui perkara ghaib. - Pengarang.

yang melihat segala sesuatu, wajah (sudut) yang dengannya ia menghadapkan mukanya kepada segala sesuatu dan perintah yang terlaksana pada segala sesuatu.

Ini adalah kerana setiap zarah sesuatu bekerja - atau boleh bekerja -melakukan pekerjaan yang tersusun di dalam jisim setiap benda hidup. Perlu disebutkan di sini bahawa sistem setiap benda dan undang-undang penyusunannya berbeza antara satu sama lain. Sesuatu tidak boleh dilakukan selagi tidak diketahui sistemnya. Jika zarahnya tetap melakukan sesuatu (dalam keadaan tidak mengetahui sistemnya) pasti ia akan melakukan kesalahan. Tetapi apa yang berlaku, kita mendapati bahawa segala pekerjaan dilakukan tanpa berlaku kesilapan. Jadi mungkin zarah tersebut bekerja mengikut perintah orang yang memiliki ilmu yang meliputi segala sesuatu dan dengan keizinan, ilmu serta iradah-Nya atau mungkin juga zarah itu sama-sama mempunyai ilmu yang meliputi dan kudrah yang mutlak!

Setiap molekul udara, mampu untuk memasuki badan setiap benda hidup, buah, bunga dan binaan daun, serta bekerja di dalamnya, sedangkan binaan dan susunan sistem setiap benda tersebut berbeza antara satu sama lain. Kalaulah kilang buah tin - misalnya - serupa dengan kilang tekstil, nescaya kilang buah delima juga sama dengan kilang membuat gula. Sedangkan reka bentuk dan binaan kilang kedua-duanya berbeza antara satu sama lain. Molekul-molekul udara ini masuk atau boleh masuk ke dalam setiap daripada benda-benda tadi dan dengan penuh kemahiran dan kebijaksanaan, ia boleh bekerja dan mengambil kedudukan tertentu di dalamnya. Kemudian setelah tugasnya selesai, ia

pergi meninggalkan tempat itu untuk meneruskan tugasnya.

Demikianlah keadaan molekul yang bergerak di udara yang juga bergerak. Ia hanya berada di dalam salah satu daripada dua keadaan sahaja. Sama ada ia mengetahui gambaran-gambaran yang dipakaikan kepada semua jenis binatang dan tumbuh-tumbuhan, buah-buahan dan bunga-bungaannya dan mengetahui juga sukatan serta kadar setiap benda itu dan reka bentuk binaannya, atau molekul itu diperintahkan melalui satu perintah yang datang daripada seseorang yang mengetahui segala perkara tersebut dan bekerja berdasarkan iradah-Nya.

Ada seorang pergi ke Eropah, dalam keadaan tidak mengetahui langsung tentang sarana-sarana tamadun, di samping itu dia juga buta. Jika orang ini datang ke sana (Eropah) dan memasuki kesemua makmal dan kilang, serta dapat melakukan pembuatan benda-benda yang menakjubkan di dalam berbagai-bagai bentuk bangunan, dalam keadaan penuh tersusun, kebijaksanaan dan kemahiran yang menghairankan akal, maka sudah tentu seseorang yang mempunyai walaupun secebis perasaan akan mengetahui dan menyedari secara yakin bahawa orang tersebut tidak melakukan kesemua perkara tersebut dengan sendiri, bahkan terdapat seorang pakar yang menunjuk ajar dan membimbingnya bagaimana melaksanakan segalanya.

Jika terdapat seorang yang tidak berupaya, buta, tempang, terperuk di dalam pondok usangnya, tidak dapat bergerak, kemudian dibawa masuk kepadanya sedikit anak batu, sepotong tulang dan sepotong kapas; tiba-tiba pondok

usangnya itu mengeluarkan bertan-tan gula, bergulung-gulung tekstil, ribuan ketul permata, bersama dengan pakaian yang paling cantik dan perhiasan yang paling membanggakan, di samping makanan-makanan yang amat lazat; maka tidakkah seseorang yang mempunyai secebis akal fikiran akan berkata bahawa lelaki yang buta dan tempang itu, hanyalah seorang jaga kepada kilang yang hebat dan khadam kepada seorang tuan yang memiliki mukjizat?

Begitulah juga dengan gerakan-gerakan zarah udara, serta bagaimana ia bekerja pada tumbuh-tumbuhan, pokok-pokok, bunga-bunga dan buah-buahan. Setiap satu daripadanya merupakan penulisan ketuhanan yang diperlukan oleh sekalian makhluk. Setiap satunya juga merupakan keindahan penciptaan rabbani, mukjizat kudrat ilahi dan keluarbiasaan hikmat Ilahi. Zarah-zarah tersebut tidak akan bergerak dan berpindah dari satu tempat ke satu tempat yang lain melainkan dengan arahan Tuhan Yang Maha Membuat Lagi Maha Bijaksana, yang mempunyai kcmuliaan dan dengan kehendak Tuhan Yang Maha Mencipta Yang Maha Mulia dan yang mempunyai keindahan.

Bandingkan keadaan ini dengan zarah tanah yang menjadi tempat tumbuh tangkai yang hanya berasal daripada biji benih sahaja. Setiap satunya menjadi mesin menakjubkan yang berbeza antara satu sama lain. Setiap satunya juga merupakan papan tanda yang mengiklankan nama-nama Allah yang baik, berbeza dengan yang lain. Setiap satunya juga merupakan qasidah terpelihara yang

memberikan pujian terhadap kesempurnaan Allah (s.w.to). Tidak syak lagi, biji-biji benih tersebut tidak menjadi tempat tumbuh pokok dan tumbuh-tumbuhan melainkan dengan arahan Allah yang memiliki perintah *kun fa yakun*. Setiap benda tunduk kepada perintah-Nya, tidak bekerja melainkan dengan keizinan, iradah dan kekuatan-Nya. Inilah keyakinan yang teguh dan pasti. Kami beriman!

Perbahasan Kedua

Perbahasan ini merupakan ibarat isyarat mudah yang ditujukan kepada pelbagai tugas dan hikmat yang terdapat pada pergerakan zarah.

Golongan materialis yang akal mereka turun kepada mata, melihat hanya benda sahaja. Mereka melihat kewujudan ini dengan hikmat kebijaksanaan mereka yang kosong daripada kebijaksanaan dan falsafah mereka yang berdasarkan kepada kesia-siaan: bahawa segala pertukaran zarah yang berlaku terikat dengan 'ketidaksengajaan' (kebetulan), sehingga mereka menjadikannya sebagai kaedah yang jitu bagi semua perlembagaan mereka. Mereka juga menjadikannya sebagai sumber kewujudan makhluk-makhluk yang rabbani (ciptaan tuhan).

Sesiapa yang mempunyai sezarah akalpun dengan yakin mengetahui betapa jauhnya mereka daripada kelogikan akal, ketika mereka menyandarkan makhluk yang dihiasi dengan hikmat kebijaksanaan yang semula jadi ini kepada sesuatu yang bercampur aduk secara tidak teratur dalam keadaan tidak mempunyai sebarang hikmat dan pengertian.

Menurut perspektif dan hikmat al-Qur'an, ia melihat bahawa segala perubahan zarah yang berlaku, mempunyai hikmat yang amat banyak dan matlamat yang tidak terhitung serta tugas yang tidak terhad.

Perkara ini diisyaratkan oleh ayat berikut:

وَأَنَّ مِنْ شَيْءٍ إِلَّا يُسَبِّحُ بِحَمْدِهِ

Maksudnya: “*Dan tiada sesuatupun kecuali bertasbih dengan memuji-Nya.*” (Al-Isra’ 17:44)

Banyak lagi ayat lain yang mengisyaratkan perkara yang sama.

Sebagai contoh, di sini kami mengisyaratkan kepada beberapa ayat tersebut sebagaimana berikut:

Hikmah Pertama: Sesungguhnya Allah (s.w.t) menggerak dan mempergunakan zarah-zarah tersebut ‘dengan kudrat-Nya bagi membaharui penjelmaan proses pengadaaan pada sekalian makhluk. Dia menjadikan setiap roh sebagai model. Pada setiap tahun Dia memakaikan roh tersebut dengan jasad baru yang terdiri daripada mukjizat kudrat-Nya. Dari kitab yang satu, Dia menyalin ribuan kitab yang pelbagai berdasarkan kebijaksanaan-Nya yang sempurna. Dia menzahirkan satu hakikat di dalam bentuk dan gambaran yang bermacam-macam. Dia melapangkan sesuatu tempat dan mempersiapkannya bagi menerima kedatangan makhluk, alam dan kewujudan yang baru, sekumpulan demi sekumpulan.

Hikmah Kedua: Sesungguhnya Tuhan yang memiliki

kerajaan dan kebesaran telah mencipta dunia ini - terutamanya permukaan bumi ini - dalam bentuk sebuah ladang yang besar. Dia mempersiapkannya supaya dapat menerima pembesaran segala hasil mahsul, pembesaran segala makhluk yang wujud, pertukaran keadaannya dan perkembangannya. Atau dengan kata lain, Dia mempersiapkan bumi ini untuk disemai dengan mukjizat-mukjizat kudrat-Nya yang tidak berpenghujung dan kemudian untuk menuai hasilnya.

Pada setiap zaman, pada setiap musim, pada setiap bulan, pada setiap hari, bahkan pada setiap detik, Allah (s.w.t) menonjolkan beberapa makhluk baru bagi memperlihatkan mukjizat kudrat-Nya. Allah (s.w.t) memberikan pelbagai penghasilan baru kepada permukaan bumi ini dengan menggerak dan menugaskan zarah-zarah berdasarkan kebijaksanaan yang sempurna dan sistem yang kemas. Dengan gerakan zarah-zarah ini, Allah (s.w.t) menjelaskan hadiah-hadiah kerahmatan-Nya yang lahir daripada khazanah-Nya dan model-model mukjizat kudrat-Nya yang tidak pernah kering serta kehabisan.

Hikmah Ketiga: Allah (s.w.t) menggerak dan mempergunakan zarah-zarah dengan kebijaksanaan yang sempurna pada beberapa tugas yang tersusun, bagi menampilkan keindahan sekalian makhluk yang wujud, agar nama-nama Allah yang baik itu (*al-asma' al-husna*) sentiasa menggambarkan penjelmaan pengertiannya yang tidak berpenghujung. Oleh itu, di suatu tempat yang sempit, Allah (s.w.t) menonjolkan gambaran-gambaran keindahan tidak terbatas yang menunjukkan penjelmaan-penjelmaan

yang tidak berpenghujung itu dan Dia menulis bilangan yang tidak terhingga bagi tanda kekuasaan-Nya, terbentuk di atas sekeping lembaran yang sempit, yang menjelaskan pengertian-pengertian tinggi yang tidak terhad.

Ya! Penghasilan tahun lalu dan tahun ini dari segi hakikatnya adalah sama, namun pengertian serta petunjuk yang tersirat di sebaliknya amat berlainan sama sekali. Kerana berlakunya pertukaran 'penentuan perkiraan' akan menyebabkan berlakunya pertukaran pengertian, dengan ia bertambah dan menjadi lebih banyak. Meskipun 'penentuan perkiraan' dan penampilan sementara merupakan perubahan yang kedua-duanya akan binasa pada zahirnya, tetapi pengertiannya itu karan yang indah sentiasa terpelihara dan berkekalan selamanya.;/

Daun-daun, bunga-bunga dan buah-buahan sesuatu pokok yang terbit pada musim bunga tahun lalu - kerana ia tidak mempunyai roh seperti manusia - merupakan daun, bunga dan buah yang terbit pada musim bunga tahun ini, jika dipandang dari sudut hakikat, sekalipun ada perbezaan dari sudut penempatan kepada penampilan tersebut. Penampilan pada musim bunga tahun ini datang untuk mengambil tempat penampilan yang telah datang pada musim bunga tahun lalu. Ini berlaku dengan tujuan memperlihatkan hal ehwal *al-asma' al-husna* yang sentiasa segar penjelmaannya sepanjang masa.

Hikmah Keempat: Sesungguhnya Allah Yang Maha Bijaksana dan mempunyai kebesaran, menggerakkan zarah-zarah di dalam ladang dunia ini yang sempit dan

menenunnya di kilang bumi, dengan menjadikan seluruh makhluk yang wujud ini sentiasa bergerak dan berpindah. Ini dilakukan-Nya demi mewujudkan keserasian terhadap keperluan, perhiasan dan penghasilan bagi alam-alam luas yang tidak terbatas, seperti '*alam al-mithal*, '*alam al-malaikat* yang amat luas itu dan alam-alam akhirat lain yang tidak terbatas. Allah (s.w.t) mempersiapkan penghasilan dan banyak natijah yang maknawi kepada bumi yang kecil ini, bagi alam yang amat luas dan besar itu. Allah mengalirkan banjir yang tidak berkesudahan daripada bumi ini, yang terbit daripada khazanah kudrat-Nya yang mutlak, lalu dicurahkan ke dalam alam al-ghayb dan sebahagian daripadanya dicurahkan ke dalam alam akhirat.

Hikmah Kelima: Allah (s.w.t) menggerakkan zarah-zarah itu dengan kudrat-Nya dengan penuh kebijaksanaan dan mempergunakannya pada tugas-tugas yang tersusun kemas, bagi menampilkan kesempurnaan sifat ketuhanan-Nya yang tidak kehabisan, kilasan keindahan-Nya yang tidak bersempadan, penjelmaan kebesaran-Nya yang tidak berakhiran dan penyucian rabbaniyah yang tidak terhitung di atas permukaan bumi yang sempit dan terbatas ini. Akan tetapi semuanya itu dalam tempoh masa yang sedikit dan terbatas. Allah (s.w.t) menjadikan segala makhluk yang wujud bertasbih, dengan tasbih yang tidak berkesudahan, dalam tempoh masa dan tempat yang terbatas, bagi menjelaskan bahawa jelmaan-jelmaan-Nya yang indah, sempurna dan agung secara mutlak itu merupakan pewujud kepada pelbagai hakikat perkara ghaib, buah akhirat, keindahan ideal - yang digambarkan melalui benda-benda yang binasa namun identitinya tetap kekal -

dan pelbagai tenunan kebijaksanaan. Yang menggerakkan zarah, menampilkan bermacam-macam matlamat yang agung dan hikmat yang hebat ini ialah Tuhan Yang Maha Esa dan Maha Tunggal. Jika bukan demikian, maka setiap zarah akan memerlukan sebuah akal sebesar matahari!

Terdapat banyak lagi contoh yang menerangkan hikmat pertukaran zarah yang digerakkan berdasarkan kebijaksanaan yang hebat, sebagai-mana kelima-lima contoh yang telah ditampilkan di atas. Kemungkinan contoh yang dapat didatangkan berjumlah lebih daripada lima ribu, tetapi golongan ahli falsafah yang dungu menyangka bahawa ia kosong, tidak mengandungi sebarang hikmat!

Mereka mendakwa - pada hakikatnya - bahawa semua zarah yang bergerak itu bergerak dalam kemabukan dan ketidaksedaran rabbani dalam dua dimensi, secara menegak dan mengikut pernafasan. Zarah-zarah tersebut sebenarnya bergerak sebagaimana seorang murid berzikir dan bertasbih sehingga berada dalam keadaan mabuk dan tidak sedar. Jadi pergerakan-pergerakan yang terhasil berlaku dengan sendiri. Ia menari dan berpusing-pusing dalam keadaan kebingungan.

Dari sini, kita mengambil kesimpulan bahawa ilmu para ahli falsafah sebenarnya bukanlah ilmu, bahkan ia merupakan kejahilan. Hikmat mereka juga ialah perkara karut yang kosong daripada memiliki sebarang hikmat!

(Kami akan menyebut hikmat keenam secara terperinci di dalam noktah ketiga)

Noktah Kedua

Pada setiap zarah terdapat dua saksi yang menyaksikan kewujudan Allah dan keesaan-Nya.

Ya! Zarah yang menjalankan tugas dan memikul bebanan amat berat yang melebihi kemampuannya itu, walaupun lemah dan beku, dengan penuh kesedaran, ia menyaksikan dengan penyaksian yang terputus dari kewujudan Allah (s.w.t). Ia juga memberikan penyaksian yang benar terhadap keesaan Allah (s.w.t) dan ketunggalan Tuhan yang menjadi raja kepada segala kerajaan, dengan melakukan penyelarasan dan penyerasian terhadap segala pergerakannya dengan sistem umum yang berlaku di atas muka bumi dengan mengambil kira sistem tersebut, di mana saja ia berada, dengan menjadikan zarah itu menetap di mana saja ia berada. Siapakah yang memiliki zarah-zarah tersebut? Tempat-tempat yang dilawati oleh zarah tersebut ialah kerajaan orang itu, dengan makna bahawa sesiapa yang memiliki zarah-zarah tersebut, maka semua tempat yang dilalui oleh zarah tersebut juga adalah miliknya.

Oleh sebab sesuatu zarah itu lemah, ditambah lagi dengan bebanannya yang berat dan tugasannya yang banyak tidak terkira, ini semua menunjukkan bahawa ia berdiri dan bergerak di bawah kuasa dan dengan perintah Tuhan yang amat berkuasa dan yang mempunyai kudrat yang mutlak.

Kemudian pergerakan zarah-zarah tersebut yang selaras dan serasi dengan sistem-sistem umum dan menyeluruh yang digunakan di seluruh bumi, menunjukkan seolah-olah ia mengetahui kesemua sistem tersebut dan kejayaan zarah-

zarah tersebut rmasuk ke setiap tempat tanpa sesuatu yang menghalangnya. Ini semua menunjukkan bahawa zarah-zarah tersebut melakukan perbuatannya itu dengan kudrat (kekuatan) Tuhan Yang Maha Esa dan Maha Mengetahui, yang mempunyai ilmu yang mutlak dan hikmat dan kebijaksanaan yang luas.

Ya! Setiap tentera mempunyai hubungan dengan platoon, kompeni, batalion, briged dan divisinya. Dia juga mempunyai tugas tertentu dalam setiap bahagian di atas berdasarkan hubungannya itu. Penyelarasan dan penyeragaman pergerakan melalui seluruh hubungan dan ikatan tersebut berlaku dengan pengetahuannya dan dengan mengetahui tugas-tugasnya pada setiap peringkat kumpulan tersebut, di samping tetap menjalankan tanggungjawab ketenteraan, seperti menjalani latihan dan menerima taklimat menurut salurannya. Dan semua ini pula hanya berlaku dengan mematuhi arahan pimpinan tertinggi yang mengetuai seluruh bahagian tersebut dan mengikut peraturannya yang telah ditetapkan.

Bagaimana keadaan seseorang tentera, begitulah juga keadaan setiap zarah yang tersusun di dalam sesuatu tempat. Ia mempunyai kedudukan yang selaras dan seragam di setiap tempat yang didudukinya itu. Pelbagai kedudukan sesuai yang menjadi dasar kepada kepentingan yang bermacam-macam. Berbagai-bagai tugas tersusun. Beberapa natijah berbeza mempunyai hikmatnya yang tersendiri. Oleh itu sudah pastilah perletakan zarah-zarah tersebut di antara tiap-tiap kenderaan yang dinaikinya dengan satu perletakan yang tidak mencatkan natijah dan hikmat yang terbit

daripada hubungan dan tugas itu, di samping terpelihara keseluruhan hubungan dan tugas itu daripada sebarang kecacatan, merupakan ciri khusus yang hanya dimiliki oleh Tuhan Yang Maha Memiliki, yang di tangan-Nya terletak kunci segala sesuatu.

Sebagai contoh: Zarah yang berada di dalam anak mata Taufiq (Tevfik)¹⁰ mempunyai hubungan dengan urat saraf pergerakan dan deria rasa mata. Juga mempunyai hubungan dengan segala macam saluran dan pembuluh (urat) darah yang terdapat di dalam mata. Juga mempunyai hubungan dengan muka, kepala dan keseluruhan badan, bahkan dengan seluruh seseorang manusia itu sendiri. Di samping zarah itu ia turut mempunyai tugas dan faedah tertentu pada setiap hubungan tersebut.

Kewujudan hubungan pada setiap benda yang dinyatakan di atas, serta segala hubungan dan faedah yang diperolehi di sebaliknya, beserta dengan hikmat kebijaksanaan yang sempurna dan ketelitian yang halus, menjelaskan bahawa:

Yang mencipta jasad dengan segala anggota-anggotanya, Dialah yang menempatkan zarah tersebut pada tempat itu, terutamanya zarah yang mendatangkan rezeki. Zarah yang berjalan dan bermusafir bersama-sama dengan kafilah rezeki, melakukan perjalanan dan pemusafiran itu dengan penuh ketertiban dan melancong dengan hikmat kebijaksanaan yang membingungkan akal fikiran. Kemudian zarah tersebut memasuki pelbagai peringkat dan meneroka bermacam-macam lapisan dengan sistem yang halus

10 Penulis (penyalin) pertama Risalah an-Nur.

dan teliti. Dia melangkah dengan langkah yang penuh kesedaran, tanpa melakukan sebarang kesilapan. Zarah itu datang secara berperingkat kepada jasad yang hidup, lalu ia (zarah itu) dibersihkan dan ditapis dengan menggunakan empat jenis penapis, hingga ia sampai kepada seluruh anggota badan dan bilik-bilik kecil yang memerlukan rezeki. Lalu zarah itu memberikannya rezeki yang datang dalam bentuk bebola merah dalam darah dan membantunya berdasarkan undang-undang 'kemurahan'.

Secara semula jadinya, dapat difahami daripada keterangan di atas bahawa orang yang dapat menjalankan zarah ini sehingga dapat melalui ribuan rumah dan tingkatan yang berbeza, serta membawanya dengan penuh hikmat, sudah pasti dan tidak syak sedikitpun, ialah Tuhan Yang Maha Memberi Rezeki Lagi Maha Mulia,

Tuhan Yang Maha Mencipta Lagi Maha Penyayang. Segala bintang dan zarah yang halus, pada tanggapan kudrat-Nya, sama sahaja.

Kemudian setiap zarah itu pula melakukan pembentukan satu gambaran indah dan ukiran menakjubkan pada makhluk, dengan dua andaian.

Pertama, mungkin ia berada pada tempat seorang pemerintah yang menguasai setiap zarah dan menguasainya juga secara keseluruhan; dan dalam masa yang sama, zarah itu juga terikat dengan arahan setiap zarah tersebut sama ada secara satu persatu atau secara kolektif. Ia mempunyai pengetahuan yang sempurna tentang gambaran indah yang membingungkan akal dan ukiran cemerlang yang dipenuhi

hikmat, lalu ia (zarah) mewujudkannya. Andaian ini mustahil, seribu kali mustahil!

Ataupun mungkin zarah itu berada di bawah arahan dan pergerakannya lahir dan pada kalam kudrat Allah (s.w.t.) serta undang-undang takdir-Nya.

Sebagai contohnya lagi, jika batu-batu yang ada pada kubah Aya Sofia tidak mematuhi arahan para pembinaanya, mungkin setiap biji batu itu sendiri amat mahir untuk melakukan pembinaaan, seperti juru bina Sinan¹¹, iaitu dia sendiri menjadi pemberi arahan kepada batu-batu. yang lain dan dalam masa yang sama ia juga tunduk kepada perintah batu-batu yang lain. Maksudnya, ia sendiri boleh memerintah batu-batu yang lain dengan berkata: “Wahai para batu, hendaklah kita bersatu supaya kita tidak runtuh!” Begitu juga keadaannya dengan zarah-zarah yang ada pada sekalian makhluk yang kedudukannya ribuan kali lebih menunjukkan kebolehan kreativiti, keindahan, ketelitian, ketakjuban dan kebijaksanaan yang lebih tinggi daripada kubah yang terdapat pada Aya Sofia. Jika sekiranya zarah-zarah tersebut tidak berada dalam keadaan tunduk patuh kepada perintah Tuhan Yang Maha Mencipta Lagi Maha Agung, Tuhan yang mencipta alam ini, maka seharusnya anda memberikan sifat kesempurnaan -yang tidak layak dibenkan melainkan kepada Allah (s.w.t) sahaja - kepada setiap zarah itu.

11. Seorang arkitek Turki yang tersohor (1489-1578). Telah menyelia pembinaan banyak masjid, antara yang terpenting ialah Masjid Sulaymiyah, Masjid Sulaymaniyah dan Masjid Saykh Zadah – Penterjemah

Maha Suci Allah! Alangkah ajaibnya! Ketika golongan materialis yang zindiq dan kufur itu mengingkari Allah yang bersifat dengan wajib al-wujud, mereka terpaksa-berdasarkan mazhab mereka -beriktikad dengan kewujudan beberapa tuhan yang palsu (batil) sebanyak bilangan zarah yang ada. Dari sudut ini, anda akan melihat bahawa orang kafir yang mengingkari kewujudan Allah (s.w.t.) sebenarnya berada dalam kejahilan yang besar, bahkan dialah seorang yang jahil secara mutlak, sekalipun dia seorang ahli falsafah dan tersohor sebagai seorang ilmuwan.

Noktah Ketiga:

Noktah ini merupakan isyarat kepada hikmat keenam yang agung, seperti yang dijanjikan pada penghujung noktah pertama.

Pada Kalimah Kedua Puluh Lapan yang lalu, telah disebutkan pada catatan bawah pertanyaan kedua:

Bahawa terdapat satu lagi hikmat daripada ribuan hikmat yang terkandung dalam pertukaran zarah dan pergerakannya pada jasad-jasad yang mempunyai kehidupan, iaitu pemberian cahaya kepada zarah tersebut dengan ouh (kehidupan) dan pemberian kehidupan yang bermakna agar zarah itu sesuai bagi pembinaan alam akhirat.

Ya! Semua benda hidup, sama ada haiwan ataupun manusia, bahkan tumbuh-tumbuhan sekalipun menjadi tuan rumah, pusat latihan dan sekolah pendidikan bagi zarah tersebut mendapat tunjuk ajar dan arahan. Zarah yang beku itu memasuki setiap tempat, lalu ia bercahaya,

seolah-olah ia menerima segala kursus, latihan, arahan dan taklimat, dengan itu ia menjadi lembut (menurut). Melalui pelaksanaan segala tugas yang dipikulkan ke atasnya, ia mendapat kelayakan dan kemampuan untuk menjadi zarah yang akan membentuk *alam baqa'* dan *alam akhirat* yang mempunyai kehidupan yang sebenar dan mencakupi segala komponennya.

Pertanyaan: Bagaimana kewujudan hikmat ini diketahui pada pergerakan zarah tersebut?

Jawapan:

Pertama: Kewujudannya diketahui melalui hikmat kebijaksanaan Allah Yang Maha Bijaksana. Hikmat itu sabit dengan sistem-sistem yang berjalan pada seluruh mawjudat dan dengan hikmat-hikmat yang terkandung di dalamnya. Kerana hikmat Ilahiyah yang memberikan hikmat yang amat banyak kepada satu juzuk yang kecil, sudah pasti ia tidak akan meninggalkan gerakan-gerakan zarah begitu sahaja tanpa sebarang hikmat di sebaliknya! Itulah pergerakan yang berlaku pada gerakan seluruh benda yang ada, yang menonjolkan kesannya yang besar pada kewujudan dan merupakan sebab kepada penonjolan keindahan-keindahan yang dipenuhi dengan kebijaksanaan.

Kemudian hikmat dan hakimiyah Ilahiyah yang tidak pernah mengabaikan makhluk yang paling kecil tanpa mendapat balasan, kesempurnaan dan kedudukan, hasil daripada tugas yang dilakukannya, maka bagaimana ia boleh mengabaikan orang-orang suruhan dan gunanya yang amat banyak itu - zarah-zarah - tanpa mendapat

sebarang cahaya atau balasan.

Kedua: Sesungguhnya Tuhan Yang Maha Bijaksana Lagi Maha Mengetahui menggerak dan menggunakan pelbagai elemen kimia bagi menunaikan tugas-tugas yang mulia, lalu ia ‘ditingkatkan kepada peringkat mineral (galian), sebagai balasan baginya dalam menuju jalan kesempurnaan. Tuhan juga menggerak dan menggunakan zarah-zarah mineral bagi melaksanakan tugas-tugas tertentu dan mengajarkannya tasbih yang khusus, seterusnya mengurniaknya martabat kehidupan kepada tumbuh-tumbuhan. Seterusnya Allah menggerakkan zarah tumbuh-tumbuhan dan menugaskannya dengan pelbagai tugas serta menjadikannya sebagai rezeki kepada yang lain. Dengan itu, Allah memberikan nikmat kepadanya dengan meningkatkannya kepada martabat halus bagi haiwan. Kemudian Allah mempergunakan zarah-zarah haiwan - melalui jalan pemberian rezeki - dan mengangkatnya kepada darjat kehidupan kemanusiaan. Dan dengan melakukan zarah-zarah jisim manusia melalui beberapa penapis beberapa kali dan melalui pembersihannya dengan menjadikannya halus, Allah mengangkatnya kepada tempat yang paling halus dan mulia, yang terdapat di dalam tubuh manusia, iaitu otak dan hati.

Dari apa yang telah disebutkan sebelum ini dapat difahami bahawa gerakan zarah-zarah tidak berlaku tanpa mempunyai sebarang faedah atau sunyi daripada sebarang hikmat. Bahkan zarah-zarah tersebut dibawa menuju ke arah suatu kesempurnaan yang layak baginya.

Ketiga: Sebahagian zarah yang terdapat pada benda hidup - seperti zarah pada biji benih - mencapai sejenis nur maknawi, kehalusan dan keistimewaan, sehingga ia menjadi seumpama ouh dan penguasa terhadap zarah-zarah yang lain, dan juga terhadap pohon yang besar itu sendiri.

Peningkatan kedudukan zarah ini - antara zarah-zarah lain yang terdapat pada pohon yang besar itu - sehingga mencapai martabat tersebut, merupakan hasil daripada pelaksanaan segala tugas dan tanggungjawabnya yang besar semasa melalui peringkat-peringkat pembesaran pohon tersebut. Ini menunjukkan bahawa zarah-zarah tersebut mencapai kehalusan maknawi, kedudukan tinggi dan petunjuk mulia ketika ia menunaikan tugas fitrah yang diarahkan oleh Tuhan Yang Maha Mencipta Lagi Maha Bijaksana, mengikut jenis gerakan yang dilakukannya dan selaras dengan penjelmaan dan ketinggian *al-asma' al-husna*.

Kesimpulan:

Sesungguhnya Tuhan Yang Maha Mencipta Lagi Maha Bijaksana telah menentukan satu noktah kesempurnaan yang sesuai bagi setiap benda. Dia juga telah menentukan cahaya kewujudan yang sesuai baginya. Kemudian Allah (s.w.t.) membawa benda itu ke arah noktah kesempurnaan itu, berdasarkan kesediaan yang dikurniakan kepadanya.

Sebagaimana undang-undang rabbani ini berjalan pada seluruh tumbuh-tumbuhan dan haiwan, ia juga berjalan pada benda-benda beku, sehingga Allah (s.w.t.) boleh mengurniakan suatu peningkatan kepada tanah biasa

sehingga ke darjat menjadi berlian dan batu permata.

Daripada hakikat ini, terbongkar satu sudut daripada undang-undang yang agung, iaitu ‘undang-undang *al-rububiyah*’.

Ketika Allah Yang Maha Mencipta Lagi Maha Mulia mempergunakan binatang bagi melaksanakan undang-undang ‘pembiasaan’ yang agung itu, Allah mengumiakan kelazatan yang *juz’i* kepada binatang itu, sebagai balasan kepada pelaksanaan tugasannya. Allah memberikan balasan kesempurnaan yang tinggi kepada binatang-binatang yang digunakan bagi melaksanakan arahan-arahan rabbani - seperti burung hantu dan lebah - dengan memberikannya kedudukan yang menyebarkan perasaan kerinduan dan kenikmatan.

Daripada hakikat ini pula, terbongkar satu lagi sudut daripada undang-undang yang agung, iaitu ‘undang-undang kemurahan’.

Hakikat segala sesuatu tertuju dan terikat dengan penjelmaan salah satu nama daripada *al-asma’ al-husna*. Setiap hakikat itu ibarat cermin yang membalikkan bagi setiap *al-asma’ al-husna*. Sesuatu yang biar macam manapun indahnya, keindahannya itu kembali kepada kemuliaan dan ketinggian nama tersebut sebagaimana yang dikehendakinya. Sama ada benda itu diketahui atau tidak, maka hanya kedudukan keindahannya itu sahaja yang dituntut, pada pandangan hakikat. Daripada hakikat ini pula, terbongkar satu sudut daripada undang-undang yang agung, iaitu ‘undang-undang pencantikan dan keindahan’.

Kedudukan dan kesempurnaan yang dikurniakan Tuhan Yang Maha Mencipta Lagi Maha Bijaksana kepada sesuatu, berdasarkan perlembagaan ‘kemurahan’, tidak diminta dikembalikan setelah berlalu tempoh masa dan berakhir umur sesuatu itu. Bahkan hasil, natijah, identiti maknawi dan rohnya (sekiranya ia mempunyai roh) tetap berkekalan.

Sebagai contoh: Allah (s.w.t.) mengekalkan pengertian kesempurnaan dan hasilnya yang diperolehi oleh manusia, sehingga kesyukuran yang dilakukan oleh seseorang Mukmin terhadap buah-buahan tidak kekal yang dimakannya, akan dikembalikan oleh Allah kepadanya sekali lagi dalam bentuk buah-buahan lazat di syurga.

Daripada hakikat ini, terserlah satu sudut daripada undang-undang yang agung, iaitu ‘undang-undang rahmat’.

Tuhan Yang Maha Mencipta Lagi Maha Bijaksana itu sedikitpun tidak melakukan pemborosan. Allah juga tidak melakukan sebarang perbuatan sia-sia sama sekali, kerana Allah tetap menggunakan segala benda, sehingga benda-benda runtuh fizikal bagi makhluk-makhluk yang sudah mati sekalipun (yang sudah tamat tugasannya) pada musim gugur, digunakan semula bagi membina makhluk-makhluk yang baru pada musim bunga.

Oleh sebab itu, berdasarkan hikmat Ilahiyah, perlulah memasukkan zarah-zarah bumi yang beku dan tidak berperasaan serta yang telah melaksanakan tugas-tugas yang mulia di atas muka bumi ini ke dalam satu bahagian daripada binaan akhirat yang mempunyai kehidupan (nyawa) dan perasaan terhadap segala yang terkandung di

dalamnya, seperti batu-batan dan pepohonan, berdasarkan petunjuk yang dilakukan oleh ayat:

يَوْمَ تُبَدَّلُ الْأَرْضُ غَيْرَ الْأَرْضِ

Maksudnya: “(Ingatlah) masa hari bumi ini diganti dengan yang lain.” (Ibrahim 14:48)

Dan berdasarkan isyarat yang dilakukan oleh ayat:

وَإِنَّ الدَّارَ الْآخِرَةَ لَهِيَ الْحَيَوَانُ

Maksudnya: “Dan sesungguhnya negeri akhirat itu ialah kehidupan yang sebenar-benarnya.” (Al-Ankabut 29:64)

Ini dilakukan oleh Allah, kerana meninggalkan zarah-zarah tersebut di bumi yang akan hancur, atau mencampakkannya ke dalam ‘ketiadaan’ begitu saja, merupakan satu pembaziran dan perbuatan sia-sia.

Daripada hakikat ini, terjelma satu sudut lagi daripada undang-undang yang agung, iaitu ‘undang-undang hikmat’.

Amat banyak daripada kesan, perkara maknawi dan hasil dunia ini, serta tenunan pekerjaan para mukallaf - seperti jin dan manusia - lembaran amalan, roh dan jasad mereka sendiri akan dihantar ke pasar dan tempat pameran di akhirat. Maka adil dan bijaksanalah apabila zarah-zarah bumi yang mengapit dan mengiringi hasil, permaknaan, serta lingkungan berhubungan yang mantap, turut dihantar bersama-sama dengan runtuhannya dunia ini ke alam akhirat dan digunakan sebagai bahan binaannya. Ini semua hendaklah berlaku setelah ia menyempurnakan segala tugasannya dan selepas ia mencapai banyak cahaya

kehidupan dan memberi khidmat kepadanya, sehingga ia menjadi sarana kepada pentasbihan kehidupan.

Daripada hakikat ini, terbongkarlah satu sudut daripada undang-undang yang agung, iaitu ‘undang-undang keadilan’.

Sebagaimana roh menguasai jasad, maka arahan-arahan pembentukan (takwiniyah) terhadap bahan-bahan beku sebagaimana yang telah ditetapkan oleh takdir Ilahi, juga mempunyai kekuasaan terhadap bahan-bahan tersebut. Lalu arahan tersebut menjadikan bahan-bahan tersebut sebagai kedudukannya dan berjalan berdasarkan sistem tertentu selaras dengan apa yang telah disalin oleh penulisan maknawi bagi takdir (penetapan) Ilahi.

Sebagai contoh: Pada pelbagai jenis telur, air mani dan biji benih, terdapat bahan-bahan yang memperolehi berbagai-bagai jenis cahaya dan kedudukan yang berbeza, berdasarkan perbezaan ‘arahan-arahan pembentukan’ yang digariskan oleh takdir Ilahi dalam bentuk yang berlainan, kerana bahan-bahan itu - dari sudut ia adalah satu bahan - berada di dalam satu hakikat¹² sahaja sebenarnya. Akan tetapi ia menjadi sarana bagi pembesaran yang tidak terbatas bagi segala mawjudat. Dengan itu ia menjadi pemilik kepada pelbagai kedudukan dan cahaya yang bermacam-macam jenis. Kerana itu, tidak dapat tidak jika terdapat

12 Ya! Keseluruhan bahan itu terdiri daripada empat elemen, iaitu pelahir air (oksigen dan hidrogen), pelahir asid (masam), karbon dan seumpamanya. Kerana itu, kesemua bahan dari sudut susunan fizikalnya dianggap terdiri daripada bahan yang sama, tetapi yang menyebabkan perbezaannya ialah penulisan (penetapan) takdir yang maknawi - Pcngarang.

satu zarah dalam sesuatu perkhidmatan kehidupan dan ia termasuk dalam kandungan tasbih rabbani yang menjadikan kehidupan itu bertasbih berkali-kali, serta melaksanakan tugasnya di sana, maka tidak syak lagi bahawa hikmat kepada pengertian tersebut akan tertulis pada dahinya yang maknawi dan dirakamkan oleh kalam takdir ilahi yang tidak mencuaikan sesuatupun, berdasarkan ilmu tuhan yang menyeluruh.

Daripada hakikat ini, terjelmalah satu sudut daripada undang-undang yang agung, iaitu ‘undang-undang ilmu yang menyeluruh’

Berdasarkan kenyataan yang lalu, zarah-zarah yang ada itu tidaklah terapung-apung dan berselerak begitu sahaja¹³.

Natijah:

Ketujuh-tujuh hukum yang lepas, iaitu undang-undang rububiyah, undang-undang kemurahan, undang-undang keindahan, undang-undang kerahmatan, undang-undang kebijaksanaan, undang-undang keadilan dan undang-undang ilmu yang menyeluruh dan undang-undang agung yang seumpamanya, setiap satu daripadanya mengisyaratkan kepada satu sudut daripada nama-nama Allah yang agung, dan penjelmaan terbesar kepada nama-nama Allah yang agung itu. Daripada penjelmaan tersebut, difahamilah bahawa pertukaran zarah di atas bumi ini -seperti mawjudat yang lain- juga meneroka perjalanan seperti yang telah digariskan oleh takdir ilahi, dan selaras dengan arahan-arahan pembentukan yang diberikan oleh

13 Inilah jawapan kepada ketujuh-tujuh perenggan yang lalu.

kekuasaan (kudrat) Ilahi, serta berdasarkan neraca ilmiah yang sensitif demi merealisasikan hikmat yang tinggi dan seolah-olah ia bersedia untuk berpindah ke alam lain yang lebih tinggi!¹⁴

Dari sini, jasad-jasad yang hidup menjadi umpama sekolah yang menjadi tempat pembelajaran, pusat latihan dan pendidikan bagi zarah-zarah yang sentiasa berselerakan. Kita juga boleh menghukumkan dengan tanggapan yang tepat bahawa begitulah keadaan sebenar yang berlaku.

Kesimpulan:

Sebagaimana telah disebut dan dibuktikan pada Kalimah Pertama, bahawa setiap benda mengatakan 'Bismillah'. Maka zarah juga - seperti selunih mawjudat yang lain - dan setiap kumpulannya mengucapkan 'Bismillah' dengan bahasa sunyi atau organnya, di samping bergerak

14. Kerana jelas kelihatan di hadapan mata kita bahawa penyebaran cahaya kehidupan dengan banyaknya di dunia yang tebal dan rendah ini, serta pembawaan alam ini dengan kesan yang berterusan dan dalam keadaan 'kemurahan' yang tinggi, sehingga menyebarkan cahaya kehidupan dengan banyaknya walaupun pada benda yang paling hina dan busuk, serta pengilatan bahan yang tebal dan hina itu dengan cahaya kehidupan lalu menjadikannya halus. Semuanya ini hampir menjelaskan secara terus terang bahawa Allah (s.w.t) mencairkan alam yang tebal dan beku ini, serta mengindahkan dan menggilapnya dengan gerakan-gerakan zarah dan cahaya kehidupan tersebut, adalah untuk mempersiapkannya bagi memasuki alam lain yang hidup, haius (seni), tinggi dan suci. Seolah-olah Allah menghiaskannya demi menuju alam yang seni. Maka orang yang tidak dapat memahami pengumpulan (kebangkitan semula) manusia berdasarkan akal mereka yang senipit, jika mereka melihat dengan cahaya dan teropong al-Qur'an, nescaya mereka akan dapat melihat 'undang-undang kewujudan asli' jelas di hadapan mata, sebagaimana seluruh zarah dihimpunkan dan diperlakukan sesuka hati, umpama pengumpulan yang berlaku ke atas anggota-anggota tentera, seba yang dapat disaksikan. - Pencarang.

berdasarkan petunjuknya.

Ya! Sesungguhnya setiap zarah - berdasarkan ketiga-tiga noktah yang telah disebutkan - dengan bahasa sunyi atau organnya mengungkapkan “*Bismillahi ’r- Rahmani ’r- Rahim*” pada permulaan pergerakannya, maskudnya: “*Saya bergerak dengan nama, kekuatan, kekuasaan dan keizinan Allah, serta pada jalan-Nya*”. Kemudian ia - dan juga setiap kumpulannya - berkata, setelah mengakhiri pergerakannya sebagai-mana yang diucapkan oleh mana-mana makhluk, dengan bahasa sunyi atau organnya membisikkan: “*Alhamdulillah Rabbi ’l ’Alamin*”.

